



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2201]

USUL-USUL:

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi Y.B. Tuan Ismail
alias Mansor bin Said [Ruangan 2258]**

**Laporan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat (Bil. DR 2 Tahun 1985)
[Ruangan 2301]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2331]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hakmilik Strata 1985 [Ruangan 2260]

**Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguat-
kuasaan Award Timbangtara Asing [Ruangan 2296]**

**Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan
(Pindaan) [Ruangan 2345]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KETIGA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang Dipertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA
BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Trengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 12hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir)

UNIT PERONDA LEBUHRAYA

3. Tuan Ban Hong Keong minta Menteri Dalam Negeri menimbangkan menubuhkan unit-unit pasukan jalanraya di seluruh negara supaya dapat mengurangkan dan mencegah kesesakan jalanraya yang timbul dari kemalangan-kemalangan, banjir dan lain-lain keadaan yang selalu berlaku dalam perjalanan antara negeri.

6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan Unit Polis Lalulintas sangat penting di tiap-tiap bandar besar. Jika sedar, adakah

beliau bercadang untuk menubuhkan satu Unit Polis Lalulintas di bandar Taiping. Jika ya, bila.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 6 daripada Yang Berhormat dari Matang mengenai perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat unit-unit peronda lebuhraya telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengawal keadaan lalulintas di jalan-jalanraya dan setakat ini mempunyai 37 buah kereta peronda. Tindakan lanjut untuk membesarkan lagi unit ini sedang giat dijalankan termasuklah cawangan lalulintas di daerah Taiping. Perlulah saya tegaskan di sini bahawa usaha Kerajaan untuk mengawal dan menguatkuasakan undang-undang di jalanraya tidak akan dicapai dengan tindakan pihak Polis sahaja. Kerjasama orang ramai khususnya dari pengguna jalanraya sendiri adalah lebih penting seperti bertertib di jalanraya, bertimbang-rasa dan mematuhi undang-undang. Dengan demikian Kerajaan dapat mengelakkan pembaziran wang yang banyak bagi tujuan menguatkuasakan undang-undang.

RISALAH DIEDARKAN KEPADA PELANCONG

4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah

beliau sedar bahawa beberapa edisi risalah mengenai pelancongan di Malaysia yang diedarkan di luar negeri adalah tidak dikemaskini, terutamanya mengenai kadar bayar hotel dan kadar tambang kenderaan awam di Malaysia hingga menyebabkan pelancong-pelancong asing keciwa apabila mereka tiba di Malaysia dan mendapati kadar-kadar ini adalah lebih tinggi daripada apa yang didapati dalam risalah-risalah yang diedarkan di luar negeri itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa mengawasi supaya setiap risalah yang diterbitkan khusus untuk menarik para pelancong mengunjungi negara ini adalah mempunyai butir-butir keterangan yang lengkap, betul dan kemaskini. Sungguhpun begitu ada kalanya terdapat juga risalah-risalah yang mengandungi butir-butir maklumat yang up dated semata-mata kerana proses mengemaskini risalah-risalah sedemikian memakan masa yang panjang. Kesulitan juga dialami kerana maklumat-maklumat yang dicetak kerap berubah lebih-lebih lagi dengan kemajuan pesat yang sedang berlaku dalam bidang pelancongan di negara kita sekarang.

Sebagai misal maklumat-maklumat mengenai kadar sewa bilik-bilik hotel dan tambang kenderaan awam selalu berubah akibat berlakunya perubahan dari segi penawaran dan permintaan yang sememangnya kerap berlaku dalam perniagaan sedemikian. Untuk mengatasi kesulitan ini adalah menjadi amalan Perbadanan Pelancongan Malaysia untuk sentiasa mencetak anggaran kadar-kadar harga setiap perkhidmatan pelancongan dari menerbitkan harga sebenarnya. Begitu juga dalam setiap risalah yang dicetak oleh TDC ayat yang berbunyi, dengan izin, maklumat-maklumat

yang dicetak di dalam risalah ini adalah benar pada masa percetakan, biasanya dicetak sama sebagai mengatasi sebarang masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LATIHAN MENGGUNAKAN SENJATA-SENJATA

5. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar:

- (a) ada didapati antara kumpulan-kumpulan dari Rakyat Malaysia yang sengaja pergi belajar latihan menggunakan senjata ke Negara Asing dengan berpura-pura menggunakan permit-permit kerja; adakah Kerajaan faham dengan tujuan-tujuan mereka ataupun ini hanya suatu perkara kecil bagi pandangan Kerajaan.
- (b) adakah kebebasan penuh bagi tiap-tiap rakyat Malaysia pergi mempelajari berlatih dan memahirkan dalam bidang senjata sama ada senjata moden atau senjata tajam seperti pedang, lembing, tombak dan sebagainya; dan
- (c) kepada kumpulan-kumpulan yang tersebut di atas adakah suatu perkara yang patut diberi kepujian atau suatu yang patut diambil tindakan, apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak ada memberikan sebarang kebenaran kepada rakyat Malaysia untuk mempelajari bidang persenjataan di luar negeri selain daripada pegawai-pegawai atau anggota-anggota keselamatan yang tertentu sahaja.

Jumlah pekerja dari rakyat Malaysia di luar negeri adalah kecil bilangannya, kebanyakan dari mereka adalah sebagai pekerja biasa yang bekerja di negara-negara tertentu seperti di Arab Saudi dan di Singapura. Setakat ini Kerajaan tidaklah merasa bimbang di atas kegiatan-kegiatan mereka, malah dari masa ke semasa kegiatan-kegiatan mereka sentiasa di dalam perhatian polis.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri sekiranya didapati di antara rakyat Malaysia sama ada pelajar-pelajar ataupun pekerja-pekerja yang pergi bekerja di luar negeri, kemudian di masa-masa cutinya mereka mengambil peluang belajar latihan-latihan tentera yang menggunakan senjatapi dan sebagainya, mereka belajar untuk mencari kepandaian dengan sendirinya tanpa mendapat kebenaran dari Kerajaan. Oleh yang demikian sekiranya pihak Kerajaan dapat tahu satu-satu kumpulan ataupun perseorangan yang bergiat mempelajari seperti itu, adakah pihak Kerajaan boleh mengambil tindakan ataupun diberi galakan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, misalnya pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri dalam musim cuti menjalankan kegiatan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi dan mereka kembali ke tanahair kita Kerajaan akan mengambil tindakan. Malah bolehlah saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak akan memaafkan mereka. "Tiada maaf bagimu" bila mereka balik ke negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6 ini sudahpun dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Justine anak Temenggong Jinggut.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

AMANAH SAHAM NASIONAL— PENJUALAN SAHAM BUMIPUTRA

9. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Bumiputera yang telah menjual saham mereka dalam Amanah Saham Nasional serta jumlah keuntungan yang mereka perolehi daripada jualan ini dan sama ada Kerajaan menggalakkan mereka berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir Februari 1985 seramai 1,719,670 orang telah menyertai Skim Amanah Saham Nasional ini. Dari jumlah ini lebih kurang satu juta orang telah membuat urusan yang aktif iaitu jual beli saham mereka dalam Skim Amanah Saham Nasional. Ini berlaku oleh kerana Skim Amanah Saham Nasional sememangnya menyediakan urusan jual beli yang boleh dibuat bila-bila masa kecuali jual balik pelaburan pokok sebanyak \$10.00.

Walau bagaimanapun, jumlah jual balik terkumpul ialah hanya \$580.4 juta berbanding dengan kutipan sebanyak \$2,123.6 juta iaitu 27% daripada jumlah pelaburan kasar.

Dengan itu, jumlah pelaburan bersih sehingga akhir Februari 1985 ialah \$1,543.2 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Amanah Saham Nasional mempunyai ciri-ciri tersendiri di mana harga jual beli sehingga tahun 1990 adalah \$1.00 seunit dan tidak mengikut harga pasaran seperti saham-saham amanah yang lain.

Oleh yang demikian, pelabur tidak menerima sebarang keturunan dari jual balik pelaburan mereka kerana harga seunit saham ditetapkan pada \$1.00 bahkan jumlah dividen dan bonus yang diperolehi di akhir tahun akan terjejas dengan penjualan saham-saham itu. Dengan keadaan seperti ini Kerajaan tidaklah menggalakkan pelabur-pelabur menjual balik saham mereka.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam pembahagian untung baru-baru ini ada dividen dan bonus tetapi ada terdapat orang yang menerima dividen tidak ada cek di dalamnya tetapi sebaliknya ada risalah yang menggambarkan bulan dan memberitahu bahawa pada malam sekian-sekian haribulan ada ceramah yang diberikan oleh Haji Hadi dan Tok Guru Mustapha Ali.

Kedua, adakah benar ASN ini akan membenarkan pelaburannya sehingga \$100.000.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf di atas perkara yang pertama kerana perkara itu di luar pengetahuan saya. Jadi, saya berterima kasihlah kepada Wakil Pasir Puteh yang memberitahu saya.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, saya

Timbalan Yang di-Pertua: Sama ada akan ditambah daripada \$50,000 kepada \$100,000 had maksimum pelaburan dalam ASN?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Apa yang difahamkan, perkara itu sedang dalam pertimbangan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan pasaran saham yang terbuka pada hari ini terus menurun dengan tiada sekatan, apakah jaminan pihak Kerajaan terhadap ASN supaya nilai-nilai ASN dalam pasaran ataupun nilai-nilai yang dimiliki oleh bumiputera tidak terjejas dengan adanya keadaan pasaran yang begitu menurun pada hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulang.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi. Memandangkan keadaan pasaran saham iaitu saham terbuka pada hari ini, terus turun dari sehari ke sehari dengan tiada sekatan, apakah jaminan daripada pihak Kerajaan supaya Amanah Saham Nasional yang dimiliki oleh bumiputera nilainya tidak akan terjejas dengan keadaan pasaran-pasaran saham yang ada pada hari ini supaya setiap bumiputera yang dimiliki saham dalam Amanah Saham Nasional terus memberikan kepercayaan kepada skim ini.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan asal saya tadi kepada soalan pokok iaitu sehingga tahun 1990 saham itu dijamin dengan harga \$1.00 seunit. Jadi, dengan itu tidak ada sebarang perubahan mengenai nilai saham ASN.

ANGGOTA ANGKATAN TENTERA—PENEMPATAN

10. Datuk Edmund Langgu anak Saga: minta menteri Pertahanan menyatakan sama ada anggota angkatan tentera yang tinggal beberapa tahun lagi sebelum tamatnya pekhidmatan mereka boleh ditempatkan di stesen yang berdekatan dengan kampung halaman mereka masing-masing untuk memudahkan penempatan semula dan penyesuaian, kehidupan baru sebagai orang awam.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penempatan anggota angkatan tentera di stesen yang berhampiran dengan kampung mereka memang menjadi amalan yang telah dilaksanakan sekian lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada kebiasaannya sebelum anggota-anggota tentera menamatkan perkhidmatan mereka akan menjalani latihan peralihan selama beberapa bulan mengikut kelayakan mereka masing-masing. Pada masa inilah mereka ditempatkan berhampiran dengan kampung-kampung mereka sekiranya mereka memohon.

PASUKAN PETUGAS KHAS— PENUBUHAN

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa Ibu Pejabat Polis telah menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas, jika ya, apakah kejayaan yang dicapai oleh Pasukan Petugas itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil langkah dan tindakan yang rapi untuk membanteras jenayah. Pasukan Petugas Khas akan ditubuhkan dari masa ke semasa apabila keadaan memerlukan. Pasukan ini jika ditubuhkan dianggotai oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam berbagai bidang dan setakat ini kejayaannya amatlah membanggakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di sebuah bandar kecil di negeri Sarawak iaitu Bandar Sibul baru-baru ini dalam satu tempoh tiga tahun kebelakangan ini ada berlaku beberapa kes-kes jenayah yang serius termasuk dua kes pembunuhan serta empat kes rompakan bersenjata. Ini adalah satu keadaan yang extraordinary, dengan izin.

Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa keadaan ini akan dikaji oleh satu Task Force supaya masalah jenayah di Bandar Sibul yang luar biasa boleh diatasi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Untuk makluman Yang Berhormat soalan ini telahpun dikemukakan kepada saya oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan telah pun dikemukakan untuk tindakan selanjutnya diambil.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Pasukan Petugas Khas ini juga akan

menjalankan penyiasatan terhadap kegiatan-kegiatan parti-parti politik dan juga kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan ketenteraan awam yang kurang baik dalam negara kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas ini ditubuhkan khususnya untuk menyelesaikan masalah jenayah yang berlaku yang dianggap amat serius. Satu mesyuarat di peringkat Ibu Pejabat akan diadakan yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara sendiri, jikalau berlaku di peringkat Negeri dipengerusikan oleh Ketua Polis Negeri ataupun di peringkat Daerah, Ketua Polis Daerah khususnya untuk menyelesaikan satu kes sahaja, iaitu kes jenayah yang begitu hebat. Apabila selesai kes itu ditutup maka anggota-anggota itu akan kembali bekerja seperti biasa dengan pasukan-pasukannya.

Untuk menjawab dengan tepat, Pasukan Petugas Khas ini tidak ditubuhkan untuk mengawal kegiatan-kegiatan politik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).

CUKAI KE ATAS RESTORAN

13. Dato Michael Cheng Wing Sum minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa beberapa buah restoran telah ditutup atau mengalami kesusahan yang buruk oleh kerana masa ekonomi yang merosot dan juga cukai yang dikenakan atas mereka dan jika ya, sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk menolong mereka oleh kerana ianya akan mempengaruhi perancangan di negara ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini, tidak dapat dinafikan bahawa sektor perdagangan dan perniagaan menghadapi keadaan tekanan dan justeru itu saya berpendapat bahawa sektor perniagaan restoran juga tidak terkecuali daripada masalah ini.

Berhubung dengan soalan sama ada Kerajaan akan memberikan pertimbangan untuk menolong mereka yang terlibat supaya kehidupan perniagaan ini dapat dipertimbangkan semula, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan bahawa dasar percukaian dan sistem yang diadakan sekarang ini dikaji semasa ke semasa supaya sektor ekonomi dan perdagangan tidak akan terjejas dengan keadaan kemelesetan yang sedangpun dihadapi oleh negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan sedar bahawa salah satu masalah yang buruk yang dialami oleh pengusaha-pengusaha restoran pada hari ini ialah 10% cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada mereka oleh Kerajaan dan ini telah menjadi satu beban yang teruk. Sama ada Kerajaan bercadang di antara langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu pengusaha-pengusaha restoran untuk menghadapi keadaan pada hari ini ialah untuk mengurangkan cukai perkhidmatan 10% ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang ada memorandum yang telah pun dikemukakan oleh Persatuan Restoran berkenaan dengan masalah

cukai jualan yang dikenakan di restoran-restoran dan perkara ini sedangpun dikaji oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir).

PUSAT KESIHATAN DI BALING— PEMBINAAN

15. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Wad 3 Tingkat, Poliklinik dan pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan yang telah sedia ada tapaknya dan juga pengakuan telah diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan akan didirikan dalam RME, akan dilaksanakan di Baling.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, projek-projek Wad 4 Tingkat dan Poliklinik untuk Hospital Daerah Baling dan klinik-klinik luar bandar akan dilaksanakan apabila peruntukan disediakan. Beberapa projek termasuk Wad 4 Tingkat dan Poliklinik untuk Hospital Daerah Baling telah dicadangkan oleh Kementerian saya untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan iaitu apakah projek keutamaan akan dibina oleh Kementerian Kesihatan di antara 4 projek yang dicadangkan itu, iaitu Wad 3 Tingkat, Poliklinik, Pembinaan Pusat Kesihatan dan Klinik Bidan yang telah sedia ada tapaknya di daerah Baling kerana Baling terkenal dengan kawasan keselamatan dan juga kemunduran.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Kesihatan bercadang untuk melaksanakan sejumlah 38 projek, termasuk projek berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar, membaiki hospital daerah dan lain-lain. Dan dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian saya bercadang untuk melaksanakan sebanyak 37 projek berjumlah lebih kurang \$11,443,000.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Hassan bin Haji Mohamed tidak hadir).

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

18. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jabatan Bahasa Malaysia atau Kursus Pilihan bagi Pengajian bahasa Malaysia tidak diwujudkan langsung di Universiti Islam Antarabangsa sebagaimana Jabatan Bahasa Inggeris (English Language Department) dan Jabatan Bahasa Quran-Arabic (The Quranic Language Department). Jika sedar, apakah nasib dan taraf yang diberikan kepada Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Kebangsaan negara di mana wujudnya universiti antarabangsa itu; yang bukan sahaja sebagai memberi penghormatan tetapi juga memberi peluang kepada Bahasa Malaysia untuk berkembang di peringkat pengajian tinggi antarabangsa. Janganlah hendaknya Bahasa Malaysia dijadikan sebagai

bahasa pasar untuk pelajar-pelajar antarabangsa itu membeli makanan di kantin sahaja.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Universiti Islam Antarabangsa mengadakan program-program Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi memenuhi beberapa syarat akademik di universiti tersebut. Program Bahasa Inggeris diadakan untuk membantu pelajar-pelajar meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa tersebut bagi keperluan antarabangsa. Bahasa Arab pula menjadi syarat akademik bagi membolehkan pelajar-pelajar merujuk kepada sumber-sumber ilmu yang berkaitan dengan Islam. Pada kursus-kursus yang tertentu seperti dalam kursus syariah, Bahasa Arab adalah menjadi bahasa pengantar. Perkembangan ini tidak menghalang Universiti Islam Antarabangsa dari mengadakan program dalam Bahasa Malaysia.

DASAR PERTANIAN NEGARA

19. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa dalam Dasar Pertanian Negara Kerajaan telah menetapkan hanya tanaman padi sebagai tanaman strategik. Mengapakah Kerajaan tidak menamakan lain-lain jenis tanaman sebagai strategik dari segi kesesuaian tanah dan kemiskinan di pandang dari sudut keselamatan negara keseluruhannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pertanian Negara matlamat pengeluaran beras telah ditetapkan dari segi keselamatan bekalan makanan negara. Ini adalah disebabkan beras adalah merupakan keperluan makanan asasi rakyat di negara ini. Sungguhpun kos pengeluaran beras adalah tinggi, Kerajaan perlu menetapkan

pengeluaran beras pada tahap antara 80 hingga 85% memandangkan negara tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pengimportan luar.

Bagi tanaman-tanaman makanan yang lain, ianya tidak merupakan tanaman strategik memandangkan ianya bukan merupakan keperluan asasi rakyat. Oleh itu, pengeluaran tanaman-tanaman ini adalah berdasarkan kepada aspek teknikal, termasuk faktor-faktor agronomy iklim serta juga ulangan dari segi ekonomi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan bahawa bekalan beras di negara ini adalah 100% daripada tempatan dan jikalau tidak, mengapa menetapkan kepada tahap 80 ataupun 85%?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mencapai keperluan beras 100% kerana Kerajaan menganggap bahawa pada masa darurat dan pengimportan beras dari luar negeri terputus, rakyat barangkali mungkin makan beras yang kurang daripada biasa dan itulah sebab tahap 80-85% ditetapkan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengakui bahawa dalam Dasar Pertanian Negara, Kerajaan telah menetapkan tanaman padi sebagai tanaman yang strategik di dalam negara kita ini. Oleh kerana ianya strategik dan memandangkan kepada keadaan petani-petani padi yang masih lagi miskin pada masa ini, saya ingin tahu tiap-tiap satu keluarga petani padi itu berapa ekar seorang yang paling ekonomik, dari segi keupayaan tenaga. Kemudian, dari segi pendapatan yang boleh menjamin hidup satu keluarga petani padi itu, adakah 3 ekar itu ekonomik dari segi

keupayaan tenaga dan dari segi pendapatan ataupun 6 ekar ekonomik dari segi pendapatan jaminan hidup petani-petani padi dan juga boleh dikerjakan oleh satu keluarga ataupun berapa ekar mengikut kajian Kementerian Pertanian.

Yang keduanya, jika sekiranya 6 ekar sawah padi boleh menjamin hidup petani-petani padi di dalam keadaan taraf hidup yang sederhana; adakah 6 ekar sawah itu boleh dikerjakan oleh satu keluarga dengan tidak payah menggunakan jentera. Jika sekiranya 6 ekar sawah itu terpaksa menggunakan jentera, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan jentera menuai kepada seluruh petani padi di dalam negara kita ini ataupun pada masa-masa yang akan datang adakah Kerajaan akan membekalkan jentera penuai ini menerusi LPP misalnya, kepada petani-petani bagi memudahkan mereka menuai padi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan tidak memberi sokongan dalam bentuk pelaburan dalam parit dan taliair, penyelidikan benih padi dan lain-lain tanaman padi dengan saiz 3, 4 ekar memang tidak ekonomik, tetapi oleh kerana Kerajaan memandangkan padi sebagai satu tanaman strategik dan Kerajaan sejak dahulu telah menyediakan, boleh dikatakan subsidi yang besar bagi tanaman padi, jadi kalau satu keluarga menanam 4, 5 ekar; itu pun boleh dianggap sebagai ekonomik tetapi Kerajaan memang tidak puas hati dengan saiz purata yang ada dan itulah sebab Kerajaan menggalakkan petani-petani melalui Pertubuhan Peladang atau kumpulan swasta supaya menanam padi secara estet mini.

Berkenaan dengan soalan sama ada 6 ekar sawah padi itu boleh menjamin kehidupan satu keluarga, jawapan saya memang boleh.

Berkenaan dengan jentera menuai, memanglah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan petani-petani yang mana boleh menggunakan jentera dan Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa memberi perkhidmatan kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang kawasan dalam perkhidmatan kejenteraan.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian iaitu adakah Kementerian ataupun Yang Berhormat menyedari bahawa segolongan daripada rakyat negara kita ini lebih berminat untuk makan beras yang diimport daripada luar negeri, misalnya dari negeri Siam yang dianggap berasnya lebih tinggi mutunya daripada beras yang dikeluarkan oleh negara kita. Jadi, adakah Kementerian ini berhasrat untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara ini dengan membawa benih daripada negeri Siam supaya minat segolongan rakyat ini tidaklah lagi dengan membeli beras daripada luar negeri tetapi yang ditanam dalam negara kita.

Yang kedua, berdasarkan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara ini, adakah usaha-usaha pertanian dalam menanamkan padi ini pada satu masa nanti negara kita juga akan menjadi sebuah negara yang mengeksportkan beras ke negara-negara luar apabila mutu beras yang kita hasilkan sama tarafnya dengan hasil negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan Yang Berhormat terkeluar sedikit daripada konteks soalan asal, tetapi saya serah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sama ada mahu menjawab atau tidak.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun keluar sedikit saya cubalah memberi jawapan seberapa banyak yang boleh.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu kesukaan orang Malaysia makan beras yang diimport dari Siam dan negeri-negeri lain, sebenarnya fenomena ini bukan terhad kepada beras, makanan-makanan lain pun nampaknya orang Malaysia lebih suka yang diimport. Apa-apa sebab, saya pun kurang faham.

Misalnya sayur-sayuran. Ada sayur-sayuran yang ditanam di sini dengan mutu yang tinggi tetapi orang Malaysia masih suka makan kailan yang terbang dari Hongkong walaupun sayur tempatan dari Cameron Highlands boleh setanding dengan sayur dari luar negeri. Jadi, itulah satu human behaviour, dengan izin, yang saya harap dapat dibetulkan dengan kempen menjual barang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab itu saya kata terkeluar daripada konteks (*Ketawa*), sebab Kementerian Pertanian tentu sekali tidak mampu mengubah selera rakyat Malaysia. Bukankah Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Teik: Memang betul, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat sama ada kita dapat benih dari negeri Siam, sebenarnya MARDI dapat benih dari mana sahaja di seluruh dunia, yang paling baik, yang paling sesuai untuk negara kita.

Berkenaan dengan soalan sama ada Malaysia akan menjadi pengeksport beras, jadi jawapan saya tidak ada rancangan pada masa ini oleh kerana mengikut pakar-pakar agronomy dan iklim tanah dan iklim Malaysia ialah lebih sesuai untuk tree crop dan bukan untuk padi. Jadi, tidak ada rancangan menjadi pengeksport beras.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir).

BENTENG SUNGAI KELANTAN

21. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pertanian menyatakan bila kerajaan akan membantu Kerajaan Negeri untuk membina benteng menahan keruntuhan tebing sungai Kelantan yang mengancam penduduk-penduduk yang berhampiran seperti di Pasir Puteh, Kampung Laut, Kampung Buluh dan Bandar Kota Bharu sendiri.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, masalah keruntuhan tebing sungai Kelantan di beberapa tempat seperti yang disebutkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu sedang diberi perhatian oleh Kementerian Pertanian. Masalah keruntuhan tebing sungai akibat kejadian hakisan merupakan satu masalah yang rumit dan kerja-kerja mencegah hakisan serta memelihara tebing-tebing sungai terutamanya bagi sungai yang sebesar sungai Kelantan memerlukan penelitian yang mendalam serta perbelanjaan yang besar untuk menyediakannya.

Jabatan Parit dan Taliair telah diarah supaya menjalankan kerja rekabentuk structure yang sesuai yang dapat menahan hakisan di Kampung Kedai Buluh. Adalah diharapkan cara untuk menyelesaikan masalah di Kampung Kedai Buluh ini dapat diuji dan digunakan nanti untuk menyelesaikan masalah di tempat-tempat yang lain.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sejak Yang Teramat

Mulia Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri dahulu lagi cerita hendak selesai masalah sungai Kelantan ini telah pun timbul dan sehingga sampai hari ini belum lagi selesai. Jadi soalnya sampai bilakah benda ini boleh ditunggu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah ini belum diselesaikan 100%, saya percayalah semenjak masa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, seberapa banyak yang boleh Jabatan Parit dan Taliair telah menyelesaikan masalah yang dihadapi di sungai Kelantan.

Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, projek memperbaiki sepanjang Sungai Kelantan ini memerlukan peruntukan yang besar dan setakat ini cuma ada peruntukan untuk menjalankan kerja rekabentuk dan Jabatan telah meminta peruntukan di bawah Rancangan Malaysia dan diharapkan dapat diluluskan dan sekiranya diluluskan Jabatan tentu akan bertindak seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini ada disebut di Pasir Puteh tetapi di kawasan saya tidak ada sungai yang runtuh (*Ketawa*).

Yang kedua, apakah cadangan untuk Kementerian ini menswastakan untuk pembinaan ini supaya dapat kita bina tebing-tebing ini dengan cara membuat tol atau sebagainya (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah sungai diswastakan Yang Berhormat? (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Belum ada rancangan setakat ini (*Ketawa*).

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)—SISTEM MEMBIAYAI PERBELANJAAN

22. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah "Sistem" Kerajaan ikuti untuk membiayai Sekolah-sekolah Rendah Cina; kenapakah Kerajaan tidak membiayai lima puluh peratus atas jumlah perbelanjaan pembinaan bangunan-bangunan sekolah Cina itu dan sama ada Kerajaan akan mengadakan "Sistem" untuk mengatasi kelemahan itu.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran menggunakan sistem atau kadar peruntukan yang sama bagi membiayai perbelanjaan mengurus sekolah-sekolah SRJK (Cina) dan juga sekolah-sekolah rendah lain di negara ini. Kementerian Pelajaran ada juga memberi peruntukan pembangunan untuk SRJK (Cina). Oleh kerana jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan adalah terhad maka permohonan peruntukan pembangunan bukan sahaja dari SRJK (Cina) tetapi juga dari sekolah-sekolah lain pun tidaklah dapat diberikan mengikut keperluan sepenuhnya.

BURUH ASING BEKERJA DI SEKTOR NELAYAN

23. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah terdapat kegiatan-kegiatan pengambilan secara haram buruh-buruh asing untuk bekerja di bot-bot pukut tunda di beberapa buah negeri di Semenanjung, jika benar:

(a) apakah faktor yang menyebabkan kegiatan seumpama itu berlaku;

- (b) sehingga Disember, 1984 berapa ramaiakah bilangan buruh-buruh asing terlibat dengan kegiatan yang seumpama itu; dan
- (c) untuk menjamin keselamatan negara dan supaya perusahaan penangkapan ikan di negara ini tidak akan terjejas, adakah Kerajaan akan mengambil sesuatu langkah yang membina supaya kemasukan buruh-buruh asing di sektor nelayan itu dapat diurus dengan teratur dan terkawal; jika tidak, mengapa.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang Kementerian Dalam Negeri masih belum mengesan kegiatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas itu. Perkara ini sedang disiasat oleh Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri sentiasa bertindak tegas untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir keluar pendatang haram yang memasuki negara ini sama ada untuk tujuan bekerja, berniaga ataupun sebagainya.

BANGUNAN PEJABAT POS BENUT—PEMBINAAN

24. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah bangunan Pejabat Pos Benut, Pontian, Johor, hendak dibina semula, kerana bangunan yang lama telah dirobuhkan dan pejabat pos sekarang hanya menumpang di bangunan kompleks Peladang Benut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat memang telah ada cadangan membina Pejabat Pos Benut tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun, projek ini telah diberi

keutamaan yang tinggi untuk pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelima kelak.

SUMBER TENAGA ELEKTRIK

25. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada ianya mungkin menekankan lebih atas guna sumber-sumber tenaga yang "non-depleting" untuk mengeluarkan kuasa elektrik khususnya dari sumber-sumber kuasa haidroelektrik sungguhpun modal permulaan mungkin tinggi, kerana negara ini mempunyai keturunan hujan yang banyak dan juga highlands khususnya Banjaran Titiwangsa Semenanjung Malaysia dan highland di Sabah dan Sarawak, lebih baik bergantung atas keadaan yang buruk dan "depleting" mempengaruhi sumber-sumber minyak, gas dan batu arang dalam kajian Perancangan Tenaga Kebangsaan dan bilakah masa kita menjangka atau mencukupi dalam bekalan tenaga.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menetapkan suatu dasar mempelbagaikan sumber tenaga bagi mengeluarkan kuasa elektrik yang dinamakan "four-fuel strategy". Empat sumber bahan bakar yang dimaksudkan ini ialah minyak, arang batu, haidro dan gas asli. Tujuannya ialah untuk mengurangkan pergantungan ke atas minyak dan menentukan sumber tenaga ini dapat diperolehi berterusan serta bekalan yang mencukupi.

Peratus penggunaan tiap-tiap sumber tenaga di atas akan ditentukan bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu. Pada masa ini Malaysia mempunyai punca tenaga elektrik yang mencukupi. Keupayaan tenaga elektrik ataupun installed capacity yang ada sekarang bagi seluruh negara

adalah sebanyak 2,900 megawatt manakala permintaannya adalah sebanyak 2,396 megawatt.

Kerajaan memang telah dan akan terus memberi perhatian kepada haidro sebagai salah satu sumber tenaga yang penting. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita telah pun membina beberapa projek haidro elektrik. Hingga tahun 1984 keupayaan tenaga elektrik dari sumber haidro adalah 846 megawatt di Semenanjung Malaysia dan 66 megawatt di Sabah.

Projek haidro pertama di Sarawak iaitu Batang Air yang berkeupayaan 100 megawatt dijangka siap pada bulan Disember tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah memberitahu Dewan yang mulia ini pada 10hb April bahawa projek haidro elektrik di Bakun, Sarawak, sekiranya dilaksanakan akan merupakan projek haidro yang terbesar di Malaysia. Projek ini yang berupaya menjanakan elektrik sebanyak 2,400 megawatt, dapat mengurangkan pergantungan ke atas minyak sebagai sumber tenaga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang. Saya lupa pula kepada Yang Berhormat, minta maaf.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya berasa musykil mendengarkan sebab hendak diadakan haidro elektrik ini bagi mengurangkan perbelanjaan minyak.

Oleh kerana mini haidro sangat sesuai untuk kampung-kampung di pedalaman berhampiran dengan gunung yang airnya memancut keluar, bila ditanya yang sudah-sudah katanya perbelanjaan lebih bagaimana jadi demikian.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang pasti apa maksudnya perbelanjaan yang lebih besar.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat ada sedikit kesilapan faham tentang development cost dan operational cost. Dahulu pernah Kementerian mengatakan mahal, kos mengadakan mini haidro ini terlalu tinggi dan sekarang pula Yang Berhormat dalam jawapan mengatakan tenaga yang diperolehi daripada haidro adalah rendah sebab itu ada sedikit kekaburan di sini. Di minta Yang Berhormat huraikan untuk penjelasan Yang Berhormat dari Batang Padang.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil kira kuasa yang dapat dijanakan dengan sesuatu jenis janaan elektrik. Kos untuk menjanakan elektrik dengan solar misalnya mungkin ini akan menjadi \$2.40 bagi seunit. Dari segi haidro pula mungkin hanya menggunakan sebanyak 12 sen sahaja berbanding dengan \$2.40 melalui solar.

Ini menunjukkan haidro adalah lebih murah daripada solar. Begitu juga kalau kita bandingkan dengan penggunaan bahan api minyak misalnya, kos menjana elektrik melalui minyak itu adalah lebih tinggi daripada haidro.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan tentang penjanaan tenaga elektrik melalui mini-hidro, saya hendak tahu sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa satu mini-hidro di Kampung Kahang yang menelan belanja beratus ribu ringgit telah tidak dapat digunakan, bererti projek tersebut membazir begitu sahaja. Jika sedar, apakah punca-puncanya dan apakah langkah yang perlu dijalankan oleh Kementerian ini

supaya projek tersebut tidak tergendala agar dapat pada masa-masa yang akan datang projek tersebut dijayakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu soalan khusus, sekiranya Yang Berhormat tidak ada maklumat berkenaan dengan perkara khusus itu, Yang Berhormat boleh minta notis.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu nama mini-hidro yang disebutkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulang soalan.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya mohon dijawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Nama projek itu, Yang Berhormat?

Tuan Khadri bin Sabran: Projek mini-hidro Kahang Batu 28.

Timbalan Yang di-Pertua: Projek Mini Haidro Kahang Batu 28, ada maklumat?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mempunyai satu senarai yang menunjukkan lebih kurang 11 buah sekim rancangan mini-hidro tetapi tidak mengandungi tempat yang disebutkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya tidak adalah.

Tuan Sim Kwan Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapannya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan, merujuk kepada projek letrik hidro Bakun sebagai satu projek yang terbesar jika disiapkan. Dan apa yang saya ingin mendapat tahu ialah yang pertama memandangkan bahawa projek letrik hidro adalah capital intensive, dan memerlukan modal dan pelaburan yang besar dan juga memandangkan bahawa oleh kerana kedudukan ekonomi sedang meleset

dan negara kita menghadapi satu masalah pinjaman luar yang besar dan serius, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengkaji semula sama ada akan meneruskan projek ini supaya tidak akan menambahkan tekanan ekonomi kepada negara kita.

Soalan kedua, seperti yang saya telah sebutkan satu feasibility study, telah dibuat dengan perbelanjaan berjuta-juta ringgit semuanya. Mengapakah sehingga sekarang laporan feasibility study itu tidak pernah dicetak dan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalnya sama ada kita perlu menambah penjana kuasa oleh kerana perkembangan ekonomi kita akan menggalakkan perkembangan berbagai industri dan memerlukan lebih bekalan tenaga letrik lagi dan sekiranya rancangan Bakun ini tidak dimajukan, Kerajaan perlu menimbangkan supaya memajukan rancangan yang lain yang juga memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh yang demikian, dari segi Kerajaan, ini adalah satu rancangan yang amat besar yang akan membawa faedah yang besar kepada negara kita tetapi oleh kerana ini menggunakan satu perbelanjaan yang menelan belanja lebih kurang \$8 billion, oleh itu Kerajaan harus meneliti sedalam-dalamnya dari semua aspek untuk membuat satu keputusan yang muktamad, oleh kerana rancangan yang besar itu masih dalam pertimbangan peringkat terakhir adalah tidak wajar bagi Kerajaan mengemukakan laporan itu kepada orang ramai buat sementara waktu ini.

SIJIL BERANAK/KAD PENGENALAN—PROSES PERMOHONAN

26. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar

kelambatan dan agak memakan masa yang lama untuk seseorang yang membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Beranak dan Kad Pengenalan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pengeluaran Sijil Beranak dan Kad Pengenalan supaya dapat dipercepatkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak sedar bahawa berlaku kelambatan untuk memproses permohonan mendapatkan Sijil Beranak dan Kad Pengenalan.

Kementerian Dalam Negeri dapat menyelesaikan semua permohonan ini dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya pemohon-pemohon yang terlibat itu memberi maklumat yang tepat dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan berhubung dengan pendaftaran kelahiran dan kematian serta Kad Pengenalan.

Dato Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang supaya tiap-tiap Bahagian di negeri Sarawak dipertimbangkan oleh Kerajaan oleh kerana negeri Sarawak dibahagi kepada Tujuh Bahagian. Jadi saya ingin tahu bolehkah Kerajaan menambah seorang Timbalan Pengarah Pendaftaran Surat beranak atau Kad Pengenalan kerana kelambatan pengeluaran Kad Pengenalan itu kadangkala sehingga 1-3 tahun baru dapat Sijil Beranak atau Kad Pengenalan. Jadi saya minta tiap-tiap bahagian itu memerlukan seorang yang penuh berkuasa untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Beranak ataupun Kad Pengenalan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam pengetahuan Kementerian dan kita akan berusaha untuk menambahkan Pegawai-pegawai Pendaftaran di Sarawak. Tetapi kelewatan yang berlaku di Sarawak

bukanlah oleh kerana kekurangan Pegawai-pegawai Pendaftaran oleh sebab mengikut Ordinan Pendaftaran, Kelahiran dan Kematian No. 10 yang dikuatkuasakan di Sarawak apabila pemaklum memberi maklumat kepada Pegawai Pendaftaran atas kelahiran seseorang anak, sijilnya tidak diberi serta merta. Sijilnya akan dikeluarkan kemudian kepada pemohon sekiranya permohonan itu dibuat. Terdapat apabila pemaklum memberi maklumat tetapi selepas daripada itu permohonan tidak dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1984 Pejabat Pendaftaran telah menerima permohonan untuk pendaftaran lewat kelahiran sebanyak 36,709 dan 21,774 yang telah pun diselesaikan. Hanya bakinya ada 14,935 insya Allah dengan terdapatnya tambahan Pegawai Pendaftaran dengan perubahan sikap orang yang memberi laporan dan membuat permohonan seterusnya kita akan menyelesaikan masalah ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa ramai orang mengalami kesusahan kerana ada satu pengumuman untuk memaksa pemegang Kad-kad Pengenalan yang lebih daripada 18 tahun. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan keadaan sekarang dan bilakah masa lanjutan itu berakhir, adakah sampai kemana, sampailah 2 bulan lagi ataupun 5 bulan lagi untuk menukarkan Kad Pengenalan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini telah pun diatasi selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri memaklumkan kepada umum bahawa tarikh akhir telah pun dipinda kepada 30hb Jun. Ini bukan bermakna kita memaksa orang-orang yang memiliki kad pengenalan

menukarnya. Ini memang termaktub di dalam undang-undang yang sedia ada. Bermakna seseorang yang mengambil Kad Pengenalan meningkat umur 12 tahun terpaksa menukarnya apabila dia meningkat umur 18, tahun kerana wajah seorang kanak-kanak yang berumur 12 tahun itu akan berubah. Ada terdapat pemegang-pemegang Kad Pengenalan yang masih lagi memiliki Kad Pengenalan yang diambilnya ketika umur 12 tahun sedangkan dia telah meningkat umur 50 tahun.

Ini tidaklah begitu tepat jikalau pihak-pihak berkuasa hendak memeriksa dia, melihat kad pengenalan dia umur 50 tahun tetapi gambarnya adalah gambar seorang budak.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat juga mengikut undang-undang yang sedia ada, jika siapa yang tidak menukar kad pengenalannya selepas meningkat umur lebih daripada 18 tahun, dia boleh didenda. Jadi, saya berharaplah kepada Yang Berhormat dari Kepong supaya jika tidak menukar kad pengenalannya haruslah berabuat demikian (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri jawab tadi, tidak ada kelambatan dan telah pun cepat. Jadi, bagi mempercepatkan lagi terutama dalam pengeluaran kad pengenalan, apakah Jabatan ini akan menggunakan alat komputer bagi mengemaskinikan rekod-rekod, misalnya rekod-rekod ada surat beranak palsu, kad pengenalan palsu dan juga ada penukaran surat beranak daripada misal kata Maidin anak laki-laki Rashid. Jadi, Maidin bin Abdul Rashid untuk tukar ataupun ada juga kad pengenalan hilang. Diambil lagi kad pengenalan dia orang lain guna

dan juga ada macam-macam rekod-rekod warganegara. Ini didapati berlaku masa kini. Apakah mengguna komputer?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah buat sekarang ini Jabatan Pendaftaran Negara sedang melengkap pejabat-pejabatnya terutama sekali di Ibu Pejabat dengan menggunakan komputer. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pendaftaran Negara merupakan sebuah pejabat yang menyimpan begitu banyak rekod. Hampir lebih daripada 60 juta rekod yang terdiri daripada rakyat Malaysia. Insya Allah, apabila siapnya proses memasukkan maklumat kepada komputer, Kementerian Dalam Negeri percaya bahawa proses memberikan maklumat dan mengeluarkan kad-kad pengenalan dan juga lain-lain sivil akan dijalankan dengan lebih cepat dan teratur lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 27 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

(Soalan No. 28 Y.B. Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman.

(Soalan No. 29 Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 30 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

RANCANGAN FELDA

31. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) senarai dan jumlah skim-skim atau rancangan-rancangan FELDA di seluruh negara;
- (b) nyatakan jumlah pecahan berasaskan penyertaan kaum, yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam setiap rancangan FELDA; dan
- (c) benarkah, bahawa kaum bukan Bumiputera tidak diberi tempat yang cukup dalam rancangan-rancangan FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat jawab sedikit dalam

<i>Negeri</i>	<i>Rancangan</i>	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain</i>	<i>Jumlah</i>
Pahang ..	89	34,758	370	578	5	35,711
Johor ..	55	20,328	170	111	—	20,546
N. Sembilan	34	12,491	505	589	—	13,585
Terengganu	19	5,563	—	—	—	5,563
Selangor ..	4	1,982	10	106	—	2,098
Kedah ..	8	2,656	—	—	33	2,689
Perak ..	11	4,053	41	77	—	4,171
Melaka ..	5	1,054	253	21	—	1,328
Perlis ..	3	724	—	—	—	724
Kelantan ..	7	1,756	—	—	—	1,756
	<u>235</u>	<u>85,395</u>	<u>1,286</u>	<u>1,482</u>	<u>38</u>	<u>88,201</u>

Adalah tidak benar bahawa kaum bukan bumiputera tidak diberi tempat yang cukup dalam rancangan-rancangan FELDA. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pengambilan calon-calon peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri dan di negeri-negeri di mana permohonan untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA dibuka, dapati sambutan daripada kaum bukan bumiputera

masa dua, tiga minit? Soalan No. 31, Yang Berhormat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 28hb Februari, 1985, terdapat sejumlah 369 buah rancangan di seluruh negara. Dari jumlah ini sebanyak 235 buah rancangan telah ditempatkan dengan peneroka dan bakinya sebanyak 134 lagi belum ditempatkan lagi dengan peneroka. Pengambilan calon-calon peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA adalah tertakluk pada persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri di mana sesebuah rancangan tersebut didapati. Sehingga 28hb Februari, 1985, jumlah peneroka mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

adalah dingin. Ramai daripada calon-calon yang dipelawa masuk ke rancangan tidak melaporkan diri dan ada juga di antara mereka yang melapor diri kemudian meninggalkan rancangan. Sebagai contoh, dalam tahun 1984, seramai 153 calon bukan bumiputera telah dipelawa ke FELDA Lingui di Johor, Lepar Hilir, dan Keratong 7, di Pahang. Tetapi hanya 22 calon iaitu 34% yang melapor diri. Walaupun begitu permohonan dari kaum bukan bumiputera untuk

menyertai rancangan kian menggalakkan sejak kebelakangan ini. Ini akan membolehkan lebih ramai lagi kaum bukan bumiputera dapat ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 7, 8, 12, 14, 16, 17, 20, 27, 28, 29, 30 dan 32 hingga 39 adalah diberi di bawah ini.

KAYU BALAK/GERGAJI— PASARAN

1. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar pasaran kayu balak dan kayu papan gergaji sekarang ini sangat-sangat membimbangkan dan telah membuat banyak pembalok dan pemilik-pemilik kilang papan dalam kesusahan dan menjejaskan industri ini. Jika sedar apakah langkah-langkah segera yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Kerajaan sedar keadaan pasaran luar negeri bagi balak dan kayu gergaji pada masa ini sedang mengalami keadaan yang tidak begitu memuaskan, yang berpunca daripada permintaan yang kurang di pasaran dunia. Selain dari faktor permintaan, negara kita menghadapi saingan dari lain-lain negara pengeluar kayu jenis tropika dan pengeluar kayu jenis lembut dari negara-negara iklim sederhana.

2. Menyedari masalah-masalah tersebut, Kerajaan melalui agensi-agensi seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI) dan Jabatan Perhutanan telah dan sedang mengambil beberapa langkah jangka

pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah yang dihadapi, termasuk:

- (i) menganjurkan misi perdagangan ke negara-negara tertentu terutama di pasaran-pasaran baru di samping ke negara-negara tradisional;
- (ii) meningkatkan penggunaan tempatan kayu gergaji dengan menggalakkan pertumbuhan industri pemprosesan lanjut kayu-kayan di Malaysia khususnya pengeluaran barangan kayu yang tinggi nilai tambahnya dan mempunyai peluang pasaran yang lebih baik seperti perabut dan komponen binaan pasang siap;
- (iii) mempelbagaikan kegunaan akhir kayu-kayan melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang bertujuan mencipta kegunaan-kegunaan baru bagi kayu-kayan;
- (iv) memperbaiki bekalan balak melalui sistem pengurusan hutan memilih, catuan kadar tebanan hutan, kadar pemuliharaan hutan yang seimbang dengan kadar tebanan dan projek ladang hutan kompensatori; dan
- (v) usaha-usaha bagi menggalakkan penggunaan kayu berukuran kecil dan kurang terkenal serta kayu getah oleh industri kayu kayan dijalankan.

3. Pada akhirnya, perusahaan kayu-kayan mesti mencuba memperbaiki struktur industri melalui penggunaan teknologi yang lebih maju dan kemaskini, demi mengukuhkan daya persaingannya.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

2. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan falsafah dan matlamat-matlamat asas Pelan Induk Perindustrian (PIP). Bilakah ianya akan diumumkan? Adakah rakyat umum akan diberi peluang untuk menilai dan memberi komen terhadap PIP yang dicadangkan itu sebelum ianya diterima sebagai satu dasar. Apakah jangkamasa bagi pelan tersebut. Bagaimanakah akan pelan ini diselaraskan dengan pelan-pelan yang lain bagi ekonomi kita, misalnya Dasar Pertanian Kebangsaan? Setakat manakah pandangan-pandangan beberapa pertubuhan yang penting seperti FMM dan dewan-dewan perniagaan yang telah mengemukakan memorandum masing-masing akan diambil kira dan dimasukkan ke dalam pelan tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Falsafah serta objektif-objektif asas Pelan Induk Perindustrian ialah supaya industri perkilangan di Malaysia dikaji oleh pakar-pakar bagi membuat pengesyoran-pengesyoran tertentu tentang bagaimana tiap sektor utama dalam industri perkilangan dapat dimajukan. Sektor-sektor yang dikenalpasti mempunyai faedah berbanding antarabangsa dan potensi pasaran eksport akan dipergiatkan pembangunannya. Pelan Induk tersebut akan membentangkan strategi-strategi asas untuk tiap sektor utama industri perkilangan, iaitu yang berasaskan sumber-sumber (seperti makanan, minyak kelapa sawit, getah, kayu-kayuan, petro-kimia, bahan binaan dan industri-industri logam bukan ferus) serta yang bukan berasaskan sumber-sumber (seperti peralatan pengangkutan, mesin dan kejuteraan, letrik dan letronik, kimia, tekstil dan industri-industri logam ferus). Pelan Induk Perindustrian akan seterusnya mengesyorkan polisi-

polisi dan program Kerajaan yang perlu untuk melaksanakan strategi-strategi pembangunan.

Pelan Induk Perindustrian adalah dijangka siap dalam bulan Jun, 1985.

Jangka masa bagi Pelan Induk Perindustrian ialah antara 1985-1995. pelan tersebut telah pun cuba memberi pertimbangan kepada semua rancangan-rancangan lain yang wujud dalam ekonomi seperti Dasar Pertanian Negara.

Setakat ini 18 organisasi-organisasi sektor industri swasta telah pun mengemukakan memoranda kepada pihak Kerajaan untuk membantu dalam merangka Pelan Induk Perindustrian. Keterangan yang terkandung dalam memoranda tersebut telah pun dikaji secara mendalam oleh pakar-pakar berkenaan dan pihak Kerajaan. Pandangan-pandangan dan pengesyoran mereka sedang dipertimbangkan dan di mana sesuai akan dimasukkan ke dalam Pelan Induk Perindustrian.

PERTANIAN DI LUAR BANDAR— KEUTAMAAN

7. **Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut:** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan kawasan luar bandar Sarawak ada mempunyai infrastruktur dari segi "Logging Road" adakah Kementerian bertanggungjawab bercadang untuk membuka tanah untuk tanaman secara besar-besaran.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kementerian Pertanian memang mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan luar bandar, di Sarawak khususnya bidang pertanian yang menjadi tanggungjawab Kementerian ini. Pembangunan kawasan-kawasan pertanian di luar bandar perlu

dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan-keutamaan tertentu dan tertakluk kepada adanya sumber kewangan yang mencukupi. Projek-projek pertanian bersepadu yang dilaksanakan oleh Kementerian lebih memberatkan pembangunan setempat atau "in-situ" untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup golongan sasaran di sesuatu kawasan yang sebahagian besar hendaklah terdiri daripada keluarga-keluarga tani.

Dalam hubungan di atas, Kementerian telah menjalankan kajian kemungkinan Limbangan Sungai Samarahan yang meliputi kawasan seluas 81,170 hektar di Bahagian Pertama Sarawak. Kajian ini telah pun disiapkan dan Kementerian telah pun memasukkan projek ini di dalam cadangan program Rancangan Malaysia Kelima untuk dilaksanakan mulai daripada tahun 1986. Pelaksanaan projek ini nanti akan memesatkan pembangunan pertanian di Limbangan Sungai Samarahan dan akan dapat memberi faedah kepada kira-kira 8,000 keluarga tani. Di samping itu, kajian kemungkinan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kalaka Saribas di kawasan seluas 167,000 hektar di Bahagian Kedua Sarawak sedang dijalankan dan akan siap tidak lama lagi. Kajian ini diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

SISWAZAH YANG MENGGANGGUR

8. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilangan siswazah yang ditaja oleh Kerajaan yang tidak diberi kerja dalam perkhidmatan Kerajaan atau oleh Badan-badan Berkanun, dengan memberikan angka-angka pecahan siswazah-siswazah Kerajaan yang mengganggur itu mengikut jurusan pengkajian mereka; dan apakah tindakan diambil untuk memberikan mereka pekerjaan atau melepaskan mereka daripada bon tersebut.

Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob: sehingga 15-3-1985 Kerajaan telah berjaya menempatkan sejumlah 1,784 orang (72.1) dari 2,474 orang pemegang-pemegang Biasiswa Persekutuan yang menamatkan pengajian mereka di peringkat Ijazah pada sesi akademik 1983/84 yang lalu. Seramai 690 (27.9%) masih belum dapat ditempatkan dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun di badan-badan berkanun.

Angka-angka pemegang biasiswa Kerajaan Persekutuan yang belum diberi pekerjaan mengikut bidang pengajian mereka adalah seperti berikut:

<i>Jurusan (Kelulusan Ijazah Asas)</i>	<i>Bilangan Bidan Pengajian</i>	<i>Bilangan Siswazah</i>
Professional ..	7	44 orang
Sains	36	231 orang
Sains Kemasyarakatan	56	415 orang
Jumlah		690 orang

Bagi mereka yang masih belum dapat ditempatkan ini, mereka boleh dilepaskan daripada ikatan (Bond) biasiswa mengikut syarat-syarat perjanjian mereka.

BOT AMBULANS DI PULAU PANGKOR

12. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bot dukun di Pulau Pangkor masih tergendala;
- (b) berapa bulan bot dukun itu tidak bergerak langsung semenjak pelancarannya;
- (c) bagaimanakah keadaannya jika dibanding dengan bot dukun lama yang terdahulu;

- (d) berapa bulan bot dukun lama itu tergendala semenjak pelancarannya sehingga penghabisan khidmatnya.

Tuan Yeoh Poh San:

- (a) Bot yang ada di Pulau Pangkor sekarang ialah Bot Ambulans "SEDIA KHIDMAT" dan bukan bot "DUKUN". Bot Ambulans "SEDIA KHIDMAT" masih lagi belum dapat digunakan semenjak engine-mannya bersara dan penggantinya yang sesuai belum dapat dilantik oleh sebab beberapa masalah sungguhpun 2 temuduga telah diadakan. Sungguhpun begitu perkhidmatan ambulans bagi orang ramai dari Pulau Pangkor ke Hospital Daerah Lumut tidak terjejas oleh sebab bot-bot persendirian telah disewa untuk membawa pesakit-pesakit dari Pulau Pangkor ke Hospital Daerah Lumut dan belanja sewanya dibayar oleh Kementerian Kesihatan.
- (b) Semenjak pelancarannya Bot Ambulans "SEDIA KHIDMAT" tidak bergerak dari bulan Jun 1983 sehingga sekarang.
- (c) Keadaan Bot Ambulans "SEDIA KHIDMAT" adalah lebih baik daripada bot lama "DUKUN".
- (d) Bot "DUKUN" telah dilancarkan dalam tahun 1963 dan telah rosak pada tahun 1974. Ia telah tidak digunakan selama 4 tahun dan pada bulan November 1979 sebuah enjin baru telah dipasang. Ia telah digunakan semula dari bulan April 1980 hingga bulan Jun 1983 apabila ia didapati rosak semula. Sijil Pembaikan yang tidak ekonomikal telah dikeluarkan pada 17hb Ogos

1984 dan tindakan sedang diambil untuk menjual bot tersebut.

**BAS EKSPRES—KEMALANGAN
JALAN RAYA**

14. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau menyedari tragedi kemalangan bas-bas ekspres adalah berpunca daripada kelajuannya. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan tragedi tersebut; sila beri jumlah kemalangan bas ekspres 1983/1984.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sukalah saya memaklumkan memang benar bahawa satu daripada punca kemalangan jalan raya ialah kelajuan dan sebahagian daripada tragedi kemalangan yang melibatkan bas-bas ekspres adalah juga berpunca daripada kelajuannya.

Tindakan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kemalangan di jalan raya ialah:

- (a) Kerajaan telah pun melaksanakan Sistem Keselamatan Jalan Raya yang dinamakan "KEJARA" dan telah mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1984;
- (b) Kerajaan akan memperkenalkan Alat Amaran Laju (Speed Warning Device) yang akan dipasang pada semua jenis kenderaan perdagangan termasuk bas ekspres.
- (c) Agensi-agensi penguatkuasa, khususnya pihak Polis dan J.P.J. akan terus mempergiat dan memperluaskan penguatkuasaan serta rondaan di jalan-jalan raya, terutamanya di musim-musim hari perayaan.

Kementerian Pengangkutan tidak mengumpulkan perangkaan kemalangan jalan raya khusus untuk bas-bas ekspres. Namun demikian, daripada perangkaan yang dikumpulkan oleh pihak Polis, jumlah kemalangan yang melibatkan semua jenis bas bagi tahun 1983 ialah 4,950 kes iaitu 3.3% daripada jumlah bilangan kemalangan untuk tahun tersebut. Saya tidak dapat memberikan jumlah kemalangan bagi tahun 1984 oleh kerana ianya masih dalam proses pengumpulan dan belum lagi disediakan sepenuhnya.

GURU-GURU TERLATIH

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru di seluruh negara mengikut perangkaan 31-12-1984:

- (a) guru-guru terlatih;
- (b) guru-guru terlatih yang masih belum disahkan dalam jawatan selepas tempoh percubaan 3 tahun dan sebab-sebab belum disahkan; dan
- (c) guru-guru sementara.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Bilangan guru-guru terlatih di seluruh negara pada tahun 1984 ialah seramai 129,567 orang. Bilangan guru-guru tanpa latihan pula ialah seramai 10,542 orang.

Ingin saya jelaskan disini bahawa Kementerian Pelajaran tidak menyimpan rekod mengenai guru-guru terlatih yang masih belum disahkan dalam jawatan selepas tempoh percubaan selama tiga tahun. Bilangan guru-guru di dalam kategori ini sekiranya adapun, adalah terlalu kecil.

Antara sebab-sebab seseorang guru itu tidak disahkan dalam jawatan ialah kerana tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, tidak mendapat perakuan

daripada Ketua Jabatan kerana prestasi yang tidak memuaskan dan akibat tindakan tatatertib.

DAGING DIIMPORT MENGENAI HALAL-HARAM

17. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan apakah semua daging yang diimport sudah dikenal pasti halal haramnya dan bilakah Kerajaan akan mengeluarkan sebaran mengenai halal-haram barangan untuk panduan umat Islam di Malaysia.

Tuan Anuar bin Haji Ibrahim: Semua daging-daging lembu, kerbau, kambing dan biri-biri yang diimport dalam bentuk beku, sejuk atau segar mestilah disahkan halal terlebih dahulu sebelum ianya dibenarkan untuk di import ke negara ini. Ketetapan ini telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada 1hb Januari, 1983. Selaras dengan ketetapan itu perwakilan-perwakilan dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri telah melawat beberapa negara asing untuk memeriksa dan memastikan supaya penyembelihan serta pemrosesannya bukan sahaja mengikut hukum-hukum syarak tetapi juga ianya menjalankan pemeriksaan sebelum dan selepas pemotongan (ante and post motem inspection), bebas dari penyakit merbahaya, kebersihannya terjamin dan sesuai untuk makanan manusia.

Pada masa ini pihak Kerajaan telah memeriksa dan meluluskan rumah-rumah sembelih berikut untuk mengeksport daging halal ke Malaysia:

Amerika Syarikat	5 buah rumah sembelih
Australia	62 buah rumah sembelih

Brazil	6 buah rumah sembelih
India	1 buah rumah sembelih dan 3 buah rumah memproses daging
New Zealand	31 buah rumah sembelih
Uruguay ..	10 buah rumah sembelih
Thailand ..	2 buah rumah sembelih

Beberapa Pertubuhan Islam di negara-negara yang dinyatakan tadi telah juga diiktiraf untuk memperakukan dan mengeluarkan Sijil Halal untuk daging-daging yang dieksport ke negara ini, seperti berikut:

6 buah Pertubuhan Islam di Amerika Syarikat.

8 buah Pertubuhan Islam di Australia.

1 buah Pertubuhan Islam di Brazil.

1 buah Pertubuhan Islam di India.

2 buah Pertubuhan Islam di New Zealand.

1 buah Pertubuhan Islam di Thailand.

1 buah Pertubuhan Islam di Uruguay.

Kawalan pengimportan pula adalah tertakluk di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 5) 1983 dan juga Animal Ordinance 1953. Semua pengimportan daging halal diperlukan mempunyai Sijil Halal dan Sijil Kesihatan Veterinar dari pihak-pihak berkuasa di negara pengekспорт.

Perkara ini telah pun disebarikan secara meluas kepada pihak awam melalui media massa seperti RIM dan akhbar-akhbar tempatan.

Pihak Kerajaan melalui Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah

bagi mengatasi masalah Halal/Haram barangan pengguna. Oleh yang demikian, bagi tujuan tersebut. Bahagian Agama telah pun mengeluarkan satu buku mengenai "Garis Panduan Makanan, Minuman dan penggunaan Dalam Islam". Buku ini mengandungi panduan umum mengenai bagaimana seharusnya dilakukan oleh pihak pengeluar/pengusaha dan orang ramai mengenai masalah Halal dan Haram.

Sehingga ini pihak Kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan sebaran mengenai barangan Halal/Haram. Apa yang dilakukan sekarang ialah memberitahu hasil kajian mengenai sesuatu barang dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu.

SISTEM PENDAFTARAN PEMILIH

20. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan sistem pendaftaran pemilihan secara automatik di negara ini, jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob: Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik. Sebabnya ialah kerana pendaftaran secara ini akan menimbulkan beberapa masalah yang besar terutama sekali dalam soal mengemaskinikan rekod-rekod daftar pemilih, khususnya bagi mereka yang berpindah tempat tinggal.

Selain daripada itu, rekod pendaftaran negara berhubung dengan pendaftaran rakyat yang bermastautin di dalam dan di luar negeri perlu dikemaskinikan secara sistematik. Oleh itu, pendaftaran pemilih secara automatik tidak akan dipertimbangkan sehingga kerja-kerja mengemaskinikan rekod-rekod itu selesai.

SISWAZAH YANG MENGANGGUR

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh menyatakan betapa seriusnya masalah pengangguran di kalangan siswazah dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk hentikan pembaziran sumber manusia ini dengan membantu mereka secara aktif mencari pekerjaan.

Dato' Mak Hon Kam: Jumlah siswazah yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat setakat 31hb. Disember, 1984 untuk mendapat pekerjaan adalah seramai 948 orang. Dari jumlah ini, seramai 55 orang atau 5.8% telah pun bekerja tetapi mendaftarkan untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Angka pengangguran ini tidaklah dianggap serius oleh kerana mereka ini berkelulusan ikhtisas dan dengan itu akan dapat diserapkan apabila wujud pekerjaan yang sesuai nanti.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah untuk mempercepatkan penempatan siswazah-siswazah yang belum mendapat pekerjaan, mereka adalah dipelawa untuk mendaftarkan nama di Biro Pekerjaan Ikhtisas Jabatan Tenaga Rakyat dari mana mereka akan mendapat tahu mengenai kekosongan-kekosongan pekerjaan sama ada di sektor swasta atau badan berkanun dan juga mereka akan dihantar menghadiri temuduga-temuduga untuk tujuan mendapat pekerjaan.

Selain dari itu, Kerajaan sedang merancang untuk melonggarkan syarat-syarat ikatan di antara siswazah-siswazah dengan mana-mana pihak Kerajaan yang berkenaan supaya mereka dapat bekerja dengan pihak swasta. Kerajaan juga sedang meneliti kemungkinan melatih guru-guru sains dan matematik yang belum ditempatkan supaya mereka dapat mengajar lain-lain mata pelajaran.

Berhubung dengan perkara pengangguran ini juga, saya suka mengambil kesempatan untuk menggesa siswazah-siswazah supaya tidak bersikap terlalu memilih pekerjaan dan saya juga menggesa pihak majikan supaya memainkan peranan mereka dengan menawarkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai kepada siswazah-siswazah Negara kita.

PETRONAS—MELABUR BALIK WANG LEBIHAN

28. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan PETRONAS meremit balik ke Malaysia semua wang minyaknya yang dilabur di luar negeri. Jika tidak, sama ada ini menunjukkan bahawa PETRONAS tidak mempunyai keyakinan dalam ekonomi negara kita.

Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob: PETRONAS telah pun diarah untuk membawa pulang semua pendapatan hasil eksport dalam tempoh masa 1 bulan daripada tarikh penerimaan. Sejajar dengan arahan ini, kebanyakan dan wang lebihan PETRONAS dilabur di dalam negeri, walaupun terdapat juga pelaburan wang di luar negeri. Dan wang lebihan PETRONAS yang dilabur di luar negeri adalah buat sementara sahaja dan boleh dikembalikan ke Malaysia bila perlu untuk mengelakkan kesan-kesan yang tidak diinginkan dalam pasaran wang tempatan. Pelaburan luar negeri tidak bererti PETRONAS tidak mempunyai keyakinan dalam ekonomi negara tetapi sebaliknya adalah bertujuan memudahkan operasi perniagaan antarabangsa PETRONAS dan pembayaran luar negeri oleh PETRONAS di samping menikmati pulangan yang tinggi.

PROTON SAGA—PENGELUARAN KERETA

29. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pengeluaran kereta Proton Saga dijangka akan dikeluarkan bagi sehingga akhir tahun 1985;
- (b) adakah pihak pengeluaran akan mempertimbangkan juga pengeluaran lori dan jenis-jenis kenderaan lain pada masa yang akan datang; jika ada bila; dan
- (c) setakat ini berapakah tempahan dari penduduk negara ini dan negara-negara lain bagi membeli kereta Proton Saga.

Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob: Mengikut perancangan, jumlah pengeluaran kereta Proton Saga sehingga akhir tahun 1985 adalah sebanyak 7,500 unit.

Buat masa ini PROTON belum ada rancangan untuk mengeluarkan lori dan jenis-jenis kenderaan lain. Setakat ini tempahan yang diterima dari penduduk negara ini adalah menggalakkan walaupun harga dan butir-butir lain mengenai kereta tersebut belum diumumkan. PROTON juga ada menerima beberapa pertanyaan dan hasrat dari beberapa buah negara asing untuk membeli kereta keluarannya. Bilangan yang dicadangkan untuk diimport oleh negara-negara tersebut adalah menggalakkan yakni di dalam lingkungan antara beberapa ribu hingga melebihi 100,000 setahun.

YURAN PELAJAR-PELAJAR DI AUSTRALIA

30. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada memandangkan keputusan Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar luar negeri dan seruan baru-baru ini oleh Naib

Canselor Universiti Malaya Profesor Di Raja Ungku Aziz bagi mengadakan satu sistem terbuka Universiti, Kerajaan akan secara serius menimbang untuk mendirikan sebuah Universiti sedemikian.

Datuk Dr Liong Sik: Kementerian Pelajaran masih mengkaji perkara ini untuk mengetahui apakah masalah-masalah yang terlibat serta implikasi-implikasi dari segi dasar pelajaran negara.

PENGECUALIAN CUKAI ATAS DERMA SEKOLAH

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau telah menerima permohonan untuk mendapatkan pengecualian cukai ke atas derma yang diberi untuk membina bilik-bilik darjah separuh tetap di Sekolah Rendah Chung Hwa 3 di Kuching, Sarawak dan jika ya, bilakah beliau akan memberi kelulusan kepada permohonan tersebut.

Tuan Daim Zainuddin: Permohonan tersebut diterima oleh Kementerian saya pada 11-3-1985 dan surat kelulusan telah dikeluarkan pada 12-3-1985, esoknya.

KEMPEN MEMBACA

33. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hasil-hasil dari Kempen Membaca setakat ini. Adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah buku-buku dalam Bahasa Malaysia yang diterbitkan oleh pihak swasta dan dijual dalam pasaran adalah bermutu rendah dari segi penggunaan bahasa, isi kandungan, kualiti pencetakan dan sebagainya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta mengeluarkan buku-buku.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Kempen Gerakan Membaca yang dilancarkan pada tahun 1980 di bawah naungan Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan telah menunjukkan hasil yang positif dari segi peratus pertambahan jumlah perpustakaan awam dan sekolah, perpustakaan bergerak, penerbit dan kedai buku, judul penerbitan dan jumlah cetak serta bilangan pembaca.

Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa terdapat buku-buku dalam Bahasa Malaysia yang diterbitkan oleh pihak swasta dan dijual dalam pasaran bermutu rendah dari segi isi, penggunaan Bahasa, ilustrasi dan sebagainya.

Dalam usaha menggalakkan pihak swasta mengeluarkan buku-buku Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi, Kementerian Pelajaran telah mengadakan bengkel dan seminar untuk penulis-penulis dan penerbit-penerbit tempatan mengenai aspek-aspek penting yang patut dititikberatkan dalam penulisan buku-buku untuk kanak-kanak, menyediakan garis panduan khasnya mengenai penulisan bahan bacaan KBSR untuk penerbit-penerbit dan penulis-penulis. Kementerian juga telah menilai buku-buku dalam Bahasa Malaysia terbitan tempatan dan membuat senarai buku sebagai panduan untuk penggunaan perpustakaan sekolah. Secara langsung ini mendorong para penerbit supaya lebih berhati-hati dalam menerbitkan buku-buku bacaan kanak-kanak.

KAD PENGENALAN BARU

34. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah perlu Kerajaan mengganti atau menukar Kad Pengenalan bagi semua Warganegara Malaysia yang ada sekarang kepada yang baru. Kalau "ya", bila penggantian atau penukaran itu akan dilaksanakan. Kalau "tidak", mengapa.

Dato' Musa bin Hitam: Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri masih mengkaji cadangan untuk menukarkan Kad Pengenalan yang ada sekarang.

BAHASA IBUNDA DI SEKOLAH-SEKOLAH

35. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa tidak ada apa-apa sukatan pelajaran atau garis-garis panduan serta buku-buku teks yang wajar untuk pengajaran bahasa Ibunda di sekolah-sekolah; apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini, dan sama ada Kementeriannya akan memasukkan pengajaran bahasa ibunda di dalam kurikulum sekolah untuk memastikan bahasa ibunda Cina dan Tamil diajar waktu biasa sekolah dengan sukatan pelajaran dan buku-buku teks yang sempurna serta dengan guru-guru yang terlatih dan mahir dalam bahasa tersebut; jika tidak, mengapa.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang Kementerian Pelajaran telah pun menyediakan satu sukatan pelajaran dan buku garis panduan pengajaran bahasa Cina dan Bahasa Tamil untuk murid-murid tahun tiga dan empat KBSR di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan. Satu sukatan pelajaran untuk murid tahun lima dan enam telah pun disediakan dan akan digunakan di selolah-sekolah tidak lama lagi.

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ada dimuatkan dalam jadual waktu rasmi sekolah. Walau bagaimanapun, ada juga pengajarannya dijalankan di luar waktu sekolah oleh kerana kesulitan mendapatkan guru yang berkelayakan dan ruang belajar.

Kementerian Pelajaran juga telah memperakukan satu siri buku teks yang sesuai bagi bahasa Cina dan Tamil

untuk kegunaan murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kementerian Pelajaran sentiasa memastikan bahawa hanya guru-guru terlatih yang berkelayakan mengajar kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil. Jika guru terlatih sukar didapati di sesebuah sekolah, sebagai langkah sementara, Kementerian menggunakan tenaga guru-guru sementara.

KERJASAMA INDUSTRI SERANTAU

36. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kemajuan antara para negara-negara Asean atas matlamatnya mencapai kerjasama industri serantau dan sama ada sebarang projek usahasama telahpun dilancarkan dengan jayanya antara Malaysia dan salah satu negara Asean yang lain dan apakah peringkat perkembangan berkenaan rundingcara atas dua projek yang berikut:

- (a) perundingan dengan Negeri Thai atas pembangunan bersama minyak dan gas di kawasan milik-sama di Lautan China Selatan; dan
- (b) pembelian yang dihajati oleh Singapura atas Gas Cecair Petroleum (L.P.G.) kita.

Tengku Dato Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Di dalam hasrat untuk mempergiatkan kerjasama perindustrian serantau, ASEAN telah memulakan dengan tiga skim perindustrian besar iaitu Projek Perindustrian ASEAN, Komplementasi Perindustrian ASEAN dan Usahasama Perindustrian ASEAN.

Sehingga kini, lima Projek Perindustrian ASEAN telah diluluskan dan berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Kesemua negara ahli ASEAN

mempunyai penyertaan ekuiti di dalam projek-projek tersebut. Projek-projek Perindustrian ASEAN ialah Projek Urea ASEAN Indonesia, Projek Urea ASEAN Malaysia, Projek "ASEAN Copper Fabrication" Filipina, Projek "ASEAN Vaccine" Singapura dan Projek "Rock Salt-Soda Ash" Negeri Thai.

Di bawah Skim Komplementasi Perindustrian ASEAN, negara-negara ahli ASEAN menjalankan pertukaran perdagangan secara "complementary" barang-barang tertentu yang diproses atau dikilang. "The First Package of Existing Automotive Components" yang telah diluluskan di Mesyuarat Kesebelas Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Jakarta adalah seperti berikut:

Indonesia	— Diesel engines (80 - 135 h.p.), Motorcycles axles, wheel rim for motorcycles.
Malaysia	— Spokes and nipples, drive chains and timing chains, crown wheels and pinions, car safety seat belts.
Filipina	— Body panels for passengercars, transmission/transaxles (for front wheel drive), rear axles (LCV and below).
Singapura	— Universal joints, oil seals and V-belts.
Negeri Thai	— Body panels for commercial vehicles of one ton and above, brake drums, heavy duty shock absorbers, stabilizers, bumpers and trunnion brackets.

Skim kerjasama perindustrian ASEAN yang ketiga ialah Skim Usahasama Perindustrian ASEAN yang dikendalikan oleh sektor swasta. Lapan projek telah diluluskan dan di antaranya, Malaysia menyertai di dalam projek-projek berikut:

- (i) Constant Velocity Joints
- (ii) Mechanical and Power Rack and Pinion Steering
- (iii) Frits

- (iv) Motorcycle Electrical Parts
- (v) Security Paper

Projek Urea ASEAN (Indonesia) telah beroperasi pada bulan Januari, 1984, dan Projek Urea ASEAN (Malaysia) akan memulakan pengeluaran pada bulan Oktober, tahun ini. Projek-projek komplementasi ASEAN sedang dalam operasi. Projek-projek Usahasama Perindustrian ASEAN yang telah diluluskan baru-baru ini sedang dilaksanakan.

Berhubung dengan peringkat perkembangan rundingcara atas dua projek yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (a) Kemajuan perundingan di antara Malaysia dengan Negeri Thai untuk membangunkan kawasan milik bersama minyak dan gas adalah menggalakkan. Setakat ini, kemajuan-kemajuan telah dicapai dalam bidang-bidang perundangan, teknikal dan pentadbiran kearah penubuhan Pihak Berkuasa Bersama (Joint Authority) yang akan bertanggungjawab tentang pentadbiran di kawasan itu. Di dalam bidang undang-undang, satu deraf perundangan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Negeri Thai hampir siap manakala dalam bidang teknikal pula, pengkajian geologi, geofisik dan kejuruteraan bagi menentukan saiz dan lokasi sumber petroleum dan gas dalam kawasan itu serta analisa-analisa kewangan telah juga siap. Kedua-dua pihak sedang berusaha untuk menyelesaikan perundingan ini supaya penubuhan Pihak Berkuasa Bersama (Joint Authority) menjadi kenyataan.

- (b) PETRONAS dan Public Utilities Board negara Singapura sedang meneruskan perundingan berhubung dengan penjualan gas asli kepada Singapura dan dijangka dapat diselesaikan dalam beberapa bulan lagi. Walau bagaimanapun aspek utama dalam menjual gas asli kepada Singapura ialah berhubung dengan pemasangan saluran paip gas yang memerlukan perhatian pakar untuk menentukan bahawa pembiayaan pemasangan saluran paip tersebut adalah berpatutan dan mempunyai mutu yang sesuai. PETRONAS sedang di dalam proses memilih "juruperunding-juruperunding" terkenal bertaraf antarabangsa untuk menentukan spesifikasi saluran paip tersebut.

PENDATANG HARAM INDONESIA

37. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia yang didakwa dalam mahkamah sejak lima tahun lalu di Sabah kerana tidak memiliki permit kerja; sama ada majikan mereka turut didakwa, jika tidak mengapa dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan peraturan-peraturan mengenai permit kerja dipatuhi dengan tegasnya.

Dato' Musa bin Hitam: Tidak ada pelarian Filipina dan pendatang haram Indonesia yang didakwa di Sabah kerana bekerja tanpa Pas Kerja semenjak 5 tahun lalu.

TELEFON—PERKHIDMATAN

38. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar, di kebanyakan rancangan-rancangan perumahan dan pusat-pusat

perdagangan, masalah untuk mendapati talian telefon sedang menjadi suatu masalah yang amat besar. Keadaan ini sesungguhnya menghalang bidang perniagaan yang akan membawa kesan yang negatif terhadap kemajuan Ekonomi Negara kita, memandangkan ini apakah langkah-langkah yang positif setakat ini diambil dan akan diambil oleh pihak Kementerian.

Dato' Leo Moggie Anak Irok: Kementerian saya memang sedar bahawa masih terdapat pemohon-pemohon perkhidmatan telefon yang belum diberi perkhidmatan di kawasan-kawasan perumahan dan juga di bangunan-bangunan pusat perdagangan di negara ini. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan memberi perkhidmatan telefon kepada pemohon-pemohon di kawasan-kawasan berkenaan adalah disebabkan ketiadaan atau pun kekurangan kabel-kabel telefon dan juga peralatan ibusawat. Tindakan secara besar-besaran sedang diambil pada masa ini oleh Jabatan Telekom Malaysia (JTM) bagi memasang kabel-kabel telefon serta juga peralatan ibusawat di seluruh negara melalui sistem Turnkey. Sebahagian besar daripada projek ini dijangka akan selesai dilaksanakan pada akhir tahun ini dan adalah diharapkan selepas tarikh tersebut perkhidmatan telefon akan dapat diberi dengan kadar yang lebih cepat dari sekarang.

Saya suka juga mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa pihak-pihak pemaju rancangan perumahan dan juga bangunan-bangunan pusat perdagangan dapat membantu JTM untuk mempercepatkan proses penyediaan perkhidmatan telefon dengan cara berikut:

- (i) Mengemukakan butir-butir serta pelan-pelan mengenai projek mereka kepada JTM dengan lebih awal.

- (ii) Mengadakan segala keperluan asas untuk perkhidmatan telefon di dalam semua kawasan perumahan dan bangunan-bangunan pusat perdagangan.

Dengan adanya kerjasama yang erat di dalam perkara-perkara yang saya nyatakan tadi sudah tentu JTM akan dapat memberikan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan berkenaan dengan kadar yang paling cepat.

SEKOLAH RENDAH CINA DI KUCHING

39. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Kerajaan tidak menubuhkan sebuah lagi Sekolah Rendah Cina di Kuching sejak merdeka terutama sekali kerana bilangan penduduk-penduduk di Kuching telah meningkat sejak 21 tahun yang lalu dan terdapat keperluan mendesak untuk menampung peningkatan penduduk-penduduk di situ.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Pada masa ini terdapat sebanyak 10 buah sekolah rendah aliran Cina dan 16 buah sekolah rendah aliran Bahasa Malaysia di sekitar bandar Kuching. Bilangan sekolah sebanyak 26 buah ini adalah mencukupi untuk menampung persekolahan kanak-kanak di bandar Kuching. Kerajaan juga perlu menumpukan perhatiannya kepada kawasan-kawasan luar bandar yang lebih-lebih lagi memerlukan kemudahan fizikal.

USUL

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN PENGERUSI Y.B. TUAN ISMAIL ALIAS MANSOR BIN SAID

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ismail *alias* Mansor bin Said dilantik

sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bangkitkan satu perkara iaitu 2 hari yang lepas kami

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat membangkitkan perjalanan tertib Mesyuarat?

Dr Tan Seng Giaw: Jadi

Timbalan Yang di-Pertua: Tatatertib Mesyuarat? Ahli Yang Berhormat sila duduk sebentar. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya suka memaklumkan bahawa perjalanan Dewan Rakyat adalah mengikut susunan sepertimana tertara di dalam perjalanan Aturan Urusan Mesyuarat. Sehingga hendak kata satu perkataan pun kena dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Tetapi secara spontan bolehlah seseorang Ahli itu bangun sekiranya dia boleh membangkitkan tentang perjalanan Peraturan Mesyuarat. Apakah masalah Yang Berhormat sekarang?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya hendak bangkitkan mengapa nama yang dicatatkan di sini, Yang Berhormat Ismail berlainan daripada yang tercatat dua hari yang lepas. Apakah masalahnya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak membangkitkan tertib mesyuarat, Yang Berhormat tidak ada usul, Yang Berhormat tidak ada soalan, jadi Yang Berhormat tidak harus mengatakan apa-apa pun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ismail @ Mansor bin Said dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira wang Negara.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA 1985

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk memudahkan pecah bahagian bangunan kepada petak-petak dan pelupusan hakmilik dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira setahun yang lalu di Dewan yang mulia ini sebuah Rang Undang-undang telah dibentangkan bagi meminda Kanun Tanah Negara Akta 56 tahun 1965. Syor bagi meminda Kanun tersebut telah diperakukan oleh Jawatankuasa Penyemakan Kanun Tanah Negara yang telah dibentuk oleh Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1980. Rang Undang-undang yang dibentangkan itu telah mendapat sambutan di semua peringkat dan diluluskan sebulat suara. Kalaulah dapat saya menyingkap kembali akan asas-asas perakuan kepada pindaan-pindaan tersebut maka ianya berkisar ke arah melahirkan sebuah Undang-undang Tanah Yang berorientasikan

pembangunan semasa di mana melaluinya Kerajaan dapat melaksanakan dengan beberapa objektif dasar sosio ekonomi negara dengan sistem dan prosedur yang teratur dan mudah. Senafas dan senada dengan itu, Jawatankuasa Penyemakan tersebut telah juga mengesyorkan supaya sebuah Undang-undang yang berasingan digubal berhubung dengan urusan pecah bahagian bangunan berbilang taingkat dan pengeluaran hakmilik berasingan yang kini dikenali sebagai hakmilik strata. Dengan penggubalan Rang Undang-undang hakmilik strata ini adalah diharapkan perundangan tanah akan melangkah setapak lagi ke arah pembaharuan dalam usaha-usaha bagi memperlempangkan bidangnya untuk menyambut cabaran pembangunan. Kelahiran Rang Undang-undang ini merupakan suatu usaha ke arah memperluaskan skop pecah bahagian bangunan yang sedia kedapatan di dalam Kanun Tanah Negara sejak ianya dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1966.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan-peruntukan mengenai pecah bahagian bangunan berbilang tingkat bagi mengeluarkan hakmilik berasingan telah sedia ada di dalam Kanun Tanah Negara tetapi tidak ramai di kalangan awam yang menyedari akan kewujudannya. Hakikat ini jelas terbukti dengan adanya anggapan-anggapan dan rungutan-rugutan yang menyatakan bahawa hakmilik pecahan bagi petak-petak bangunan berbilang tingkat tidak dapat dikeluarkan sekarang kerana tidak mempunyai peruntukan undang-undang. Keadaan sedemikian, mungkin timbul kerana aspek pecah bahagian bangunan dan konsep perbadanan pengurusan adalah merupakan perkara-perkara yang jarang ditemui. Di samping itu, peruntukan-peruntukan mengenai perkara ini terselit di beberapa

bahagian, bab dan jadual di dalam Kanun Tanah Negara. Keadaan ini menyulit rujukan dan pemahaman.

Walau apa pun keadaan-keadaan yang dinyatakan itu, Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang merangsangkan hasrat untuk menggubal Rang Undang-undang ini ialah kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan peruntukan-peruntukan itu sendiri. Kelemahan-kelemahan dan kekurangan yang dimaksudkan itu tidak memungkinkan ianya menghadapi perkembangan yang pesat dalam pembinaan bangunan berbilang tingkat sebagai ciri lumrah di zaman ini. Tidaklah dinafikan bahawa kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan peruntukan tersebut dapat diatasi dengan meminta Kanun Tanah Negara. Jika ini dilakukan maka ianya akan melibatkan rombakan dan pengubahsuaian yang besar ke atas komposisi Kanun tersebut. Kalaulah dalam keadaan sekarang pun terdapat kesulitan dan kekeliruan dalam rujukan dan pemahaman peruntukan-peruntukan yang sedia ada, maka tentunya pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan itu akan menambahkan masalah. Justeru adalah difikirkan wajar sebuah undang-undang khas yang berasingan diwujudkan berhubung dengan pergurusan bangunan-bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya usaha-usaha penelitian dan pengubalan Rang Undang-undang ini telah dimulakan sejak tahun 1981 lagi dan telah melalui pertimbangan yang sewajarnya di berbagai peringkat. Usaha-usaha ini telah menarik minat dan sokongan berbagai pihak. Pertimbangan-pertimbangan yang ikhlas dan sewajarnya telah dibuat ke atas usul-usul dan pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Selain dari mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan dan Persidangan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri turut juga diambil kira semua pandangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang berminat dan berkepentingan. Pihak-pihak ini termasuklah Kementerian Perumahan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Jurukur-juarukur Malaysia, Majlis Peguam dan individu-individu yang menyumbangkan pendapat. Pihak pihak swasta yang disebutkan itu telah dibawah berbincang bersesuaian dengan hasrat dan semangat persyarikatan Malaysia. Rang Undang-undang ini akhirnya diluluskan secara sebulat suara oleh Majlis Tanah Negara di mesyuaratnya yang ke 39 pada 23hb Februari 1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal Rang Undang-undang ini beberapa undang-undang berkaitan di negara-negara lain seperti di Singapura dan New South Wales, Australia telah turut dikaji. Beberapa konsep baharu yang praktikal dan sesuai dengan persekitaran Malaysia telah dikesan dan diteliti. Konsep-konsep baru tersebut seperti blok sementara dan petak aksesori (Provisional block and accessory parcel) telah diserapkan di dalam Rang Undang-undang. Walau bagaimanapun, konsep pecah bahagian bangunan sebagaimana yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara sekarang terus dikekalkan bagi mempertahankan ciri-ciri asal Kanun tersebut sebagai undang-undang tanah utama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakmilik Strata 1985 ini diperbuat bagi mewujudkan sebuah Undang-undang berasingan untuk hakmilik strata dan memansuhkan

serta meminda peruntukan-peruntukan berhubung dengan pecah bahagian bangunan dan pendaftaran hakmilik pecahan di dalam Kanun Tanah Negara. Rang Undang-undang yang baru ini pada hakikatnya mengandungi peruntukan-peruntukan yang diambil dari Kanun Tanah Negara dengan tambahan-tambahan dan pindaan-pindaan tertentu yang bermatlamatkan untuk mengatasi kekurangan-kekurangan dan memperkemaskan prosedur-prosedur pemerosesan permohonan hakmilik strats pengurusan bangunan berbilang tingkat.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi 83 fasal yang terkandung di dalam 10 bahagian. Di bahagian akhirnya terdapat empat jadual yang mengandungi borang-borang dan peruntukan-peruntukan mengenai perbadanan pengurusan undang-undang kecil dan peraturan serta diikuti dengan fasal mengenai pemansuhan dan pindaan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu panjang untuk saya menghuraikan satu persatu fasal-fasal yang disebutkan di atas. Penjelasan terperinci bagi setiap fasal tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam huraian yang dilampirkan bersama-sama Rang Undang-undang ini.

Oleh yang demikian, izinkan saya menyentuh sebahagian daripada peruntukan-peruntukan penting yang diutarakan dalam Rang Undang-undang Hakmilik Strata ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu para pentadbir tanah dan orang awam perlu menyemak Kanun Tanah Negara bagi merujuk peruntukan-peruntukan mengenai pecah bahagian bangunan yang terselit di merata bahagian, bab dan jadual; kini Rang

Undang-undang ini mempermudahkannya dengan fasal-fasal yang tersusun dan lebih sistematik. Walaupun ianya sebuah perundangan baru namun pentafsiran dan penguatkuasaannya tidak harus menimbulkan masalah, kerana konsep asas mengenai pecah bahagian bangunan terus dipertahankan. Oleh kerana itulah maka fasal 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa ianya seolah-olah sebahagian dari Kanun Tanah Negara itu sendiri. Bahagian II kepada Rang Undang-undang ini menggariskan prosedur-prosedur yang jelas berhubung dengan permohonan pecah bahagian bangunan, segala keperluan dan Syarat-syarat permohonan diperuntukkan dengan nyata Permohonan-permohonan yang menepati keperluan dan syarat tersebut akan diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian negeri. Kalau dahulu pemohon akan dikurniakan dengan hakmilik-hakmilik pecahan (subsidiary titles) kini ianya dikenali sebagai hakmilik strata.

Prosedur mengenai pendaftaran dan pengeluaran hakmilik-hakmilik strata ini diperuntukkan di dalam Bahagian III kepada Rang Undang-undang. Apabila sahaja buku daftar hakmilik strata di buka, maka secara automatik akan wujudlah perbadanan pengurusan, atau dengan izin, management corporation. Dengan nama sebagaimana yang diikemukakan oleh tuanpunya tanah, semua pemilik-pemilik petak adalah ahli perbadanan pengurusan ini.

Serentak dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, semua harta bersama bagi skim strata berkenaan akan terletak hak kepada perbadanan pengurusan ini. Sebagai badan yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan skim-skim strata berkenaan, perbadanan pengurusan tersebut mempunyai kedudukan yang istimewa di mana ianya wujud dengan

kuatkuasa Rang Undang-undang ini tanpa perlu didaftarkan dengan pihak Pendaftar Pertubuhan. Walaupun begitu, kuasa, peranan dan tanggungjawabnya diperuntukkan dengan nyata dan terperinci di dalam Bahagian VII dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan peruntukan Kanun Tanah Negara bukan sahaja dari sudut tatacara dan prosedur pelaksanaan tetapi juga kekurangan kemudahan bagi melaksanakan konsep-konsep baru bangunan berbilang tingkat. Peruntukan-peruntukan khas seperti petak aksesori dan block provisional telah digabungkan di dalam Rang Undang-undang ini bagi memenuhi tuntutan pembaharuan. Petak aksesori adalah istilah yang digunakan bagi petak-petak yang digunakan bersama-sama dengan petak yang didiami tetapi terletak di luar petak berkenaan ataupun di luar dari bangunan berkenaan, seperti tempat letak kereta, setor, tempat kediaman orang gaji dan sebagainya. Terdapat banyak bangunan-bangunan bertingkat sekarang yang diperengkapkan dengan petak-petak letak khas untuk petak-petak kediaman masing-masing, tetapi ianya tidak digambarkan dalam hakmilik pecahan. Catatan mengenainya tidak dibuat dalam dokumen hakmilik pecahan kerana tidak ada peruntukan sedemikian di dalam perundangan sekarang. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kedapatan pula keadaan di mana penghuni terpaksa menyewa petak-petak letak kereta yang mungkin akan membebaskan mereka.

Sesuai dengan ciri-ciri bangunan moden yang diperengkapkan dengan berbagai-bagai kemudahan, maka Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya petak-petak aksesori itu dianggap sebagai sebahagian dari petak kediaman.

Catatan mengenai petak aksesori, jikalau ada, akan dibuat atas dokumen hakmilik strata bagi petak kediaman yang berkenaan.

Adalah dicadangkan di bawah Fasal 69 bahawa sebarang pindahmilik ke atas petak-petak kediaman akan melibatkan juga petak aksesori bagi petak kediaman tersebut. Petak aksesori tidak boleh diurusniagakan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian IV digubal khas untuk membolehkan pembangunan berperingkat dengan menerapkan konsep baru blok provisional, atau provisional block, dengan izin. Peruntukan yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara menentukan supaya sesebuah skim strata itu perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum dipecah bahagian. Dalam ertikata yang lain, kalau sesuatu skim itu mengandungi banyak bangunan, maka pemaju tersebut perlu menyiapkan semua bangunan tersebut sebelum membuat permohonan pecah bahagian bangunan.

Di dalam konsep sekarang telah banyak dirancangan skim-skim strata berbagai bentuk seperti kondominium di mana terdapat beberapa bangunan bertingkat-tingkat yang menggunakan kemudahan-kemudahan awam di dalam satu kawasan yang sama. Untuk menyiapkan kesemua bangunan-bangunan tersebut, pemaju mungkin menghadapi masalah kewangan. Keadaan timbul di mana pemaju perlu menjualkan bangunan-bangunan yang telah siap untuk mendapatkan tambahan modal pusingan bagi pembinaan bangunan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, sering kedengaran rungutan-rungutan orang ramai yang telah memasuki bangunan-bangunan tersebut tetapi belum mendapat hakmilik masing-masing.

Mengikut peruntukan sekarang, pemaju diwajibkan memohon bagi mendapatkan hakmilik pecahan dalam tempoh yang ditetapkan, sama ada 6 bulan dari tarikh perjanjian penjualan petak-petak dalam bangunan itu, ataupun 6 bulan dari tarikh kuatkuasa Seksyen 151A yang mewajibkan permohonan dibuat.

Di pihak pemaju pula, permohonan pecah bahagian bangunan tidak dapat dikemukakan sebelum semua bangunan dalam skim berkenaan siap dibina. Dalam keadaan ini, kedua-dua pihak akan menghadapi masalah. Bagi mengatasi masalah ini peruntukan-peruntukan mengenai pembangunan berperingkat, atau dengan izin, phased development diadakan di dalam Rang Undang-undang ini dengan memperkenalkan konsep blok provisional.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan ini diadakan sedemikian rupa bukan sekadar membolehkan pembangunan berperingkat, tetapi yang lebih penting ialah akan menentukan dan mengawal hak-hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang terlibat. Ianya membolehkan dan menggalakkan pembinaan skim-skim komprehensif yang mempunyai bangunan-bangunan bertingkat bentuk kondominium yang sesuai dengan aspirasi kejiranan dan muhibah.

Mengikut peruntukan ini, bangunan-bangunan yang belum siap akan dikeluarkan hakmilik provisional yang tidak boleh diurusniagakan. Apabila pembinaan siap kelak, pemilik-pemilik yang berdaftar boleh membuat permohonan untuk hakmilik strata berasingan bagi petak-petak yang telah siap. Seterusnya, tindakan sewajarnya akan diambil oleh Pendaftar untuk mengubahsuaikan buku daftar strata, mendaftarkan hakmilik-hakmilik strata kepada petak-petak yang siap dan

mengeluarkannya kepada pemilik-pemilik tersebut. Pemilik itu kemudiannya akan memindah-milik petak-petak berkenaan kepada pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal bangunan-bangunan berbilang tingkat kos rendah, undang-undang sekarang tidak membezakan di antara bangunan berbilang tingkat yang bukan kos rendah dengan bangunan bertingkat kos rendah. Setelah bangunan yang berkenaan di pecah bahagian, perbadanan pengurusan diwujudkan secara automatik dan perbadanan ini dianggotai oleh pemilik-pemilik petak yang dipertanggungjawabkan dengan tugas pentadbiran dan pengurusan bangunan tersebut.

Masalah kegagalan perbadanan pengurusan melaksanakan tanggungjawab sering dihadapi. Masalah ini lebih ketara bagi bangunan-bangunan bertingkat kos rendah kerana pemilik-pemilik petak yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah kurang berkeupayaan dan tidak berpengalaman dalam aspek pengawalan dan pengurusan sesebuah organisasi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bahagian IX Rang Undang-undang ini diadakan khas untuk mengatasi masalah ini. Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mengklasifikasikan sesebuah bangunan itu sebagai bangunan kos rendah berasaskan kepada faktor-faktor seperti lokasi, keadaan pembinaan dan kos pembinaan. Sebelum semua petak-petak dijual, tuannya asal bangunan berkenaan bertanggungjawab memainkan peranan pengurusan ke atas bangunan tersebut. Setelah semua petak telah dipindah milik oleh tuannya asal atau dengan izin, original proprietor, dan perbadanan pengurusan tertubuh,

maka penghuni-penghuni diberi pilihan untuk memutuskan sama ada mahu meneruskan tanggungjawab mereka menerusi sebuah perbadanan pengurusan atau meminta Pihak Berkuasa Negeri melantik seorang pentadbir atau sebuah badan asing bagi mengambilalih kuasa tanggungjawab dan peranan perbadanan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V, VI dan VIII Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan-peruntukan bagi memudahkan urusan-urusan pihak pemilik petak-petak skim strata. Bahagian V menentukan hak dan peraturan bagi pemecahan petak-petak dan penyatuan petak-petak yang berdamping bagi mengelakkan pertikaian dan menyenangkan pengurusan.

Bahagian VI menggariskan hak-hak dan tanggungjawab semua tuannya petak. Dalam keadaan ini, di mana bangunan tersebut telah termusnah atau akan diruntuhkan ataupun bilamana semua petak-petak dalam bangunan itu dimiliki oleh seorang tuannya sahaja.

Bahagian VIII mengadakan peruntukan bagi menamatkan pecah bahagian bangunan. Tanah tersebut seterusnya akan terletak hak kepada perbadanan pengurusan dan hak bebas pemilik petak adalah dijamin berasaskan nilai unit syer yang telah pun ditetapkan apabila hakmilik strata didaftarkan dahulu. Nilai unit syer inilah juga yang menentukan hak-hak dan tanggungjawab setiap pemilik petak atau ahli perbadanan pengurusan dalam segala perkara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian X memperlengkapkan Rang Undang-undang ini dengan peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan sekatan-sekatan terhadap urusan-niaga pengeluaran hakmilik sambungan, masalah-masalah tindakan undang-undang dan

seterusnya kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Semua peruntukan-peruntukan ini diadakan bagi membendung kemungkinan timbulnya pertikaian di kalangan pihak-pihak yang terlibat dan andainya pertikaian tidak dapat dielakkan, maka penyelarasan perundangan akan menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan adalah sesuatu yang ditempa dan bukanlah satu yang mahu dihindari. Dalam konteks ini kesepatan kemunculan bangunan-bangunan berbilang tingkat adalah satu "phenomenal" lumrah yang tidak dapat dielakkan. Hakikat ini menimbulkan keperluan kepada satu sistem pengurusan dan pentadbiran yang lengkap dan kemas. Peruntukan-peruntukan pecah bahagian bangunan di dalam Kanun Tanah Negara yang wujud lebih 18 tahun yang lalu tidak lagi berupaya menampung keperluan ini.

Di samping kekurangan dan kelemahan-kelemahan peruntukan-peruntukan tersebut, kewujudan di dalam Kanun Tanah Negara juga sukar dirujuk. Tambahan-tambahan peruntukan baru dan pindaan kepada peruntukan-peruntukan tersebut akan menyulitkan lagi rujukan dan pemahaman bukan sahaja di kalangan awam tetapi juga di kalangan pentadbir-pentadbir tanah. Oleh yang demikian, wajarlah sebuah undang-undang yang berasingan diwujudkan berhubung dengan hakmilik strata.

Dengan perakuan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memudahkan pecah bahagian bangunan kepada petak-petak dan pelupusan hakmilik-hakmilik dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya berdiri daripada pihak Pembangkang, akan tetapi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah mengemukakan satu Rang Undang-undang Hakmilik Strata yang bertujuan mengkanunkan perundangan yang berasingan bagi hakmilik strata dan memansuhkan serta meminda peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Tanah Negara mengenai pecah bahagian bangunan-bangunan dan pendaftaran serta pengeluaran hakmilik subsidiari yang berasingan ataupun disebut sebagai hakmilik strata bagi petak-petak individu yang terkandung di dalamnya.

Selama beberapa tahun ini saya telah menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini mengenai betapa mustahaknya, betapa perlunya di perkenalkan satu Rang Undang-undang yang khusus mengenai hakmilik strata bagi menghadapi arus pembangunan semasa dan memenuhi keperluan sosio-ekonomi di negara kita. Ini disebabkan peruntukan yang ada sekarang dalam Kanun Negara yang meliputi pemakaian ke atas hakmilik strata tidak mencukupi dan perlu diperkukuhkan.

Meskipun peruntukan-peruntukan yang ada mengenai permohonan hakmilik strata sebagaimana yang

terkandung dalam Kanun Tanah Negara, ramai pemaju dan tuanpunya bangunan berbilang tingkat dan termasuk rumah pangsa masih belum memohon hakmilik strata sebagaimana yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, pengemukaan Rang Undang-undang baru ini untuk hakmilik strata yang mengandungi peruntukan dan pindaan-pindaan tertentu yang tujuannya untuk memperbetulkan kekurangan dan memperkemaskan peraturan-peraturan yang terlibat dalam pemerosesan permohonan hakmilik strata supaya dapat memenuhi perkembangan semasa dan keperluan sosio-ekonomi, bolehlah disifatkan oleh saya sebagai sesuatu yang sudah lama ditunggu-tunggu. Sejauh yang berhubung dengan Pejabat-pejabat Tanah, orang perseorangan bukanlah tuanpunya petak-petak individu yang mereka beli kerana nama-nama mereka tidak terdapat dalam Pendaftaran Hakmilik Subsidiari. Nama-nama mereka tidak ada di situ, oleh kerana para pemaju mereka tidak memohon pecah bahagian bangunan-bangunan mereka dan juga hakmilik strata untuk pembelian petak. Pada anggapan Pejabat Tanah, pemaju-pemaju masih merupakan tuanpunya-tuanpunya petak itu bukanlah merupakan tuanpunya yang sah selagi bangunan-bangunan itu tidak dipecah bahagikan.

Tuan Yang di-Pertua, selama bertahun-tahun ini, pembeli petak atau tuanpunya subsidiari sebagaimana yang disifatkan oleh undang-undang, hidup dalam keadaan tidak terjamin kerana tiada tanda pemilikan ini. Ketiadaan jaminan ini akan dirasai apabila seseorang pembeli hendak melupuskan harta mereka, tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana mereka tidak mempunyai hakmilik strata tuanpunya-tuanpunya subsidiari di kebanyakan lot kedai akan juga menghadapi kesukaran apabila

mendapatkan pinjaman daripada bank-bank yang menekankan hakmilik strata supaya ditunjukkan kepada mereka bagi membuktikan pemilikan yang sah seseorang tuanpunya apabila bank-bank ini menerima lot-lot kedai mereka sebagai "collateral".

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengalu-alukan pengemukaan Rang Undang-undang ini, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa persoalan yang ada kaitan dengan beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini di samping menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai beberapa masalah yang dihadapi oleh para pembeli petak rumah pangsa berbilang tingkat dalam soal pembayaran atau fee yang terpaksa ia bayar kepada pemaju berkenaan.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan permohonan untuk memecah bahagi bangunan dan pemerosesan permohonan-permohonan itu, satu perkara baru yang diperkenalkan atau yang dimasukkan ialah petak aksesori untuk kegunaan sebagai tempat letak kereta ataupun stor dan lain-lain dan petak aksesori ini akan dihubungkan kepada petak yang akan dikeluarkan hakmilik berasingan. Di samping memperkemaskan peraturan-peraturan yang akan dipakai untuk permohonan pecah bahagian bangunan-bangunan, saya harap fee yang dikenakan ataupun fee yang terlibat akan tidak begitu mahal.

Fasal 10 memperuntukkan mana-mana permohonan untuk pecah bahagian bangunan hendaklah dibuat di Pejabat Pentadbir Tanah dan hendaklah disertai dengan apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan. Para pembeli petak sesuatu bangunan tidak bimbang dengan soal amaun atau jumlah fee yang dikehendaki seperti kos administrative sebagai kos

pentadbiran untuk mentadbir tanah. Akan tetapi apa yang mereka sangat bimbang ialah kos yang mereka terpaksa tanggung jika tuan punya sesuatu bangunan itu mengalihkan kos tersebut kepada mereka untuk mohon hakmilik strata berkaitan dengan petak pecah bahagian pembangunan.

Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya kerap menerima rungutan daripada orang ramai apabila tuan punya bangunan-bangunan menyuruh para pembeli petak pecah bahagian bangunan supaya menanggung kos-kos seperti fee akitek ataupun bayaran untuk jurukur, bayaran guaman dan juga berjenis-jenis bayaran yang lain yang boleh dikatakan yang sentiasa diadakan kepada saya yang terlalu tinggi dan merupakan satu beban kewangan kepada para pembeli itu.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengkaji kemungkinan sama ada boleh dibuat peraturan berkaitan dengan had (limit) fee yang seseorang pembeli petak pecah bahagian bangunan akan ditanggung supaya dengan ini akan dapat ditentukan sekiranya berlaku penyalahgunaan oleh para pemaju yang tidak bertanggungjawab atau tuan punya bangunan yang tidak bertimbang rasa yang terpaksa memohon pecah bahagian sesuatu bangunan di bawah Rang Undang-undang ini.

Satu fasal lain yang saya ingin menyampaikan sedikit pandangan ialah terhadap Fasal 8 Rang Undang-undang membuat peruntukan mengenai hal keadaannya yang mewajibkan pemilik sesuatu bangunan yang sudah siap atau jika dia telah menjual atau bersetuju menjual mana-mana petak dalam bangunan kepada seseorang. Membuat permohonan untuk memecah bahagi sesuatu bangunan dan sesuatu permohonan itu hendaklah dibuat pada atau sebelum 6 bulan dari bermulanya kuatkuasa Akta ini atau 6 bulan dari tarikh

penjualan kali yang pertama atau perjanjian kali yang pertama untuk menjual petak dalam bangunan mengikut mana yang terkemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa tidak ada peruntukan untuk memakai Fasal 8 secara retrospective, dengan izin. Dan sebagai satu prinsip undang-undang apabila sesuatu undang-undang tidak boleh dipakai secara retrospective melainkan ianya memperuntukkan sedemikian.

Walau bagaimanapun, saya ragu-ragu sama ada Fasal 8 ini dapat dipakai kepada bangunan-bangunan yang sudah siap sebelum tarikh kuatkuasanya Akta ini. Adalah menjadi pandangan saya supaya dinyatakan pemakaian retrospective selaras dengan semangat Rang Undang-undang ini supaya bangunan-bangunan yang disiap sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini dapat juga terikat dalam peruntukan Rang Undang-undang ini.

Satu lagi Fasal yang saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah Fasal 57 yang memperuntukkan mengenai tamatnya pecah bahagian sesuatu bangunan yang dipecah bahagi sekiranya:

- (1) bangunan itu musnah sama sekali;
- (2) pemilik petak meminta supaya bangunan itu dirobuhkan atau dalam hal satu bangunan yang telah atau hanya terdapat atau;
- (3) terdapat seorang sahaja pemilik bagi kesemua petak;

Saya mendapati, Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang tidak diliputi dalam Rang Undang-undang ini yang mana bangunan yang terletak di atas tanah yang di bawah syarat, dengan izin, lease hold land dan sesuatu tempoh itu telah berakhir dan tidak diperbaharui.

Saya harap berkenaan dengan keadaan ini bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh memberi penjelasan mengenai aspek ini berhubung dengan penamatan pecah bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Fasal 50 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memperuntukkan mengenai kuasa lantikan oleh pihak berkuasa negeri untuk melantik seorang atau satu badan bagi menjalankan kuasa-kuasa perbadanan pengurusan. Fasal yang tertentu ini pada anggapan saya adalah sangat penting bagi memastikan bahawa apabila seseorang pemaju bangunan mengakhiri atau menamatkan pengurusan bangunan dengan adanya satu keadaan di mana telah dapat membuka buku daftar strata berkaitan dengan bangunan yang dipecah bahagi hendaklah terdapat satu persambungan (continuation) pengurusan yang teratur dan yang berkesan. Jika pemilik petak tidak berada dalam kedudukan untuk menubuhkan perbadanan pengurusan sendiri dan menguruskan bangunan yang dipecah bahagi dalam cara yang sempurna, dalam cara yang teratur ini.

Saya menyebutkan ini oleh kerana terdapat beberapa kes di dalam kawasan saya iaitu di Kuala Lumpur yang mana pemilik petak sesuatu bangunan yang dipecah bahagikan yang belum bersiap sedia, yang belum sanggup untuk menubuhkan perbadanan pengurusan (management corporation) masing-masing selepas para pemaju menamatkan pengurusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perbadanan pengurusan (management corporation) ini dikehendaki memainkan satu peranan yang penting memandangkan kepada peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini saya hendak menggunakan peluang ini untuk menggesa Kerajaan

untuk menimbang, memberi segala panduan (guidance), dengan izin, dalam bahasa Inggeris dan latihan jikalau mungkin kepada semua yang terlibat dalam perbadanan pengurusan khususnya orang-orang yang terlibat dalam menubuhkan perbadanan pengurusan di rumah-rumah pangsa sehingga mereka sanggup ataupun bersiap sedia mengambil alih menjalankan tugas yang telah ditamatkan oleh pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya orang-orang yang terlibat dalam penubuhan perbadanan pengurusan ini tidak dapat menguruskan perbadanan pengurusan dengan cara yang baik, dengan cara yang sempurna keadaan akan menjadi kucar kacir selepas pemaju yang berkenaan menamatkan pengurusan bangunan itu ataupun rumah pangsa yang berkenaan. Di samping ini juga saya suka menyampaikan satu cadangan lagi untuk Kementerian yang berkenaan iaitu mengenai majlis atau council, management corporation. Oleh kerana menurut Fasal 39 (4) dalam Rang Undang-undang ini di mana satu perbadanan pengurusan (management corporation) dikehendaki menubuhkan majlis (council) untuk mentadbir urusan-urusan dalam corporation itu. Maka saya suka mencadangkan bahawa majlis (council) ini dikehendaki menyampaikan maklumat-maklumat yang perlu (necessary information), dengan izin, kepada pentadbir tanah sekiranya terdapat apa juga pertanyaan daripada pemilik-pemilik ataupun orang ramai, maka majlis ini boleh dijadikan accountable kepada pemilik-pemilik yang berkenaan ataupun kepada orang ramai.

Saya berpendapat adalah sangat perlu bagi pihak pentadbir tanah untuk mengetahui tentang segala apa yang perlu, kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh majlis (council) dalam management corporation ini dan sekiranya terdapat apa jua masalah

yang timbul, maka pemilik-pemilik ataupun orang ramai yang berkenaan boleh merujuk kepada Pejabat Tanah untuk mendapat penjelasan ataupun maklumat-maklumat yang perlu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah katakan pada permulaan, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini yang sudah lama ditunggu-tunggu dan saya juga hendak melafazkan harapan saya di sini, iaitu apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan dijadikan satu Akta, maka saya berharap bahawa Akta ini dapat dilaksanakan dengan cara yang betul, dengan cara yang berkesan dan juga apa yang sangat diperlukan ialah supaya pihak birokrasi ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan, yang berkhidmat dalam Pejabat Tanah ini dapat meningkatkan efficiency untuk memproses segala permohonan-permohonan yang dibuat untuk mendapatkan hak milik strata ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab dan menggolong perbincangan di peringkat bacaan kali yang kedua.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh rasa bertuah pada hari ini kerana nampaknya Rang Undang-undang yang dikemukakan hampir sempurna sehingga tidak banyak bahasan kecuali ada pindaan-pindaan di dalam peringkat Jawatankuasa.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah memberikan pandangan-pandangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh beliau dan kebetulan masalah-masalah ini kesemuanya sudah terjawab dalam Akta itu sendiri dan ini menyakinkan lagi kepada saya bahawa pengkajian terhadap Akta ini sungguh

menyeluruh, sehingga semua soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu timbul kerana sudah ada jawapannya, misalnya masalah dari segi fee di Fasal 10. Sebenarnya dari segi fee ini yang perlu dibayar ialah bayaran ukur mengikut The Survey Fees Order dan bayaran untuk kegunaan pecah bahagian bangunan dan yang lain-lain bayaran ini semestinya dibuat dalam Kaedah Tanah Negeri (State Land Rules) yang kemudian perlu dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri menokok tambah kalau ada apa-apa bayaran yang mesti diaturkan oleh Kerajaan Negeri dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri (state Land Rules) dan dengan itu masalah bayaran apa juga yang ditetapkan akan dikawal oleh peraturan-peraturan tertentu dan undang-undang. Fasal 8

Tuan Lee Lam Thye: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan! Silakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa apa yang terkandung dalam Fasal 10 Rang Undang-undang ini di mana ada menyebut tentang fee yang akan ditetapkan dan hendak dibayar oleh pemohon hakmilik strata ini dan apa yang saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah di samping fee yang si pohon hendak membayar, adakah beliau sedar bahawa apabila sesuatu pemaju bagi pihak pemilik-pemilik ataupun pembeli-pembeli unit-unit dalam bangunan itu memohon hak milik strata, unit-unit ini dikehendaki oleh pihak pemaju yang berkenaan untuk membayarkan berbagai-bagai fee, misalnya architect fee atau jurukur dan termasuk administrative fee dan kadangkala ada pemaju yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kesempatan untuk menaikkan fee itu sebagai satu cara untuk mendapat keuntungan. Ini yang

saya hendak mendapat penjelasan, oleh sebab nampaknya ini tidak ada disebut di dalam Rang Undang-undang ini.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan ini ada dalam peruntukan undang-undang di bawah jagaan Kementerian Perumahan di mana beberapa peraturan telah dibuat untuk mengawal keadaan atau eksploitasi yang dibiarkan oleh pemaju-pemaju, tetapi dalam hal ini fee yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan pecah-belah bahagian bangunan ini sahaja dan selalunya feenya adalah survey fee mengenai ukuran yang selalu ditetapkan oleh Survey Fees Order. Bayaran untuk permohonan pecah bahagian, bangunan dan pendaftaran hak milik berasingan bagi petak-petak adalah ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri yang saya sebutkan tadi dan lain-lain seperti bayaran guaman dan sebagainya itu dikawal dalam peruntukan-peruntukan yang lain.

(Tuan Yang di-Pertua *Mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai Fasal 8 iaitu retrospective, sebenarnya kalau dilihat balik Fasal 8 tidak timbul masalah retrospective effect ini kerana mengikut Fasal 8 (2) tarikh terakhir untuk membuat permohonan adalah 6 bulan dari tarikhkuatkuasa Akta Hak Milik Strata atau 6 bulan dari tarikh penjualan pertama atau sale and purchase agreement yang pertama mengikut mana yang terkemudian, which ever is the later. Jadi, dengan sendirinya ini memaksa memerlukan ataupun mewajibkan seseorang pemaju itu memohon untuk memecahbelah bahagian rumahnya.

Seterusnya Fasal 57 memansuhkan petak. Menyentuh bangunan yang terletak atas tanah yang dipegang di bawah hak milik pajakan atau "lease" sekiranya tempoh pajakan hampir

tamat, selalunya dinasihatkan bagi Perbadanan Pengurusan atau MC membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi milik tanah tersebut bagi satu tempoh masa lagi selepas tamatnya pajakan asal itu dan ini dengan sendirinya akan menghidupkan semula MC ataupun Perbadanan Pengurusan itu. Kalau tidak diluluskan, maka dengan sendiri tamat Perbadanan Pengurusan itu.

Fasal 50 iaitu kuasa lantikan oleh negeri yang Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar timbulkan. Ini telah disesuaikan terutama sekali dari segi projek rumah bertingkat bagi rumah kos rendah. Banyak perbincangan telah dibuat sebelum kita menggubal Fasal ini. Kementerian mula-mula memikirkan apakah kuasa itu diberi kepada penghuni atau kepada pemaju ataupun kepada Kerajaan, maka Fasal 50 memperuntukkan kuasa Negeri apabila tidak ada permohonan ataupun timbul permintaan daripada penghuni untuk mewujudkan Perbadanan Pengurusan itu, maka kuasa Negeri bolehlah melantik sesiapa yang difikirkan sama ada orang ataupun badan-badan tertentu kerana menentukan masalah bagi mereka yang kurang mampu.

Masalah latihan bagi ahli Perbadanan Pengurusan ini, inipun tak timbul kerana bagi penghuni rumah bertingkat murah mereka ada pilihan, iaitu sama ada menguruskan sendiri ataupun meminta Pihak Berkuasa Negeri melantik satu badan ataupun orang lain. Maka masalah latihan ini tidak timbul kerana kalau mereka tidak mampu untuk menguruskan, Kerajaan Negeri akan melantik siapa-siapa atau badan-badan mana boleh menguruskannya.

Bagi rumah yang bukan rumah kos rendah, ini sebenarnya sudah memang kena pada tempatnya mereka yang mampu dan tentu mempunyai pelajaran boleh menguruskan hal

masing-masing, bahkan Kerajaan nanti dituduh pula untuk mengawal terlalu ketat segala perjalanan dan tidak menghayati semangat kebebasan yang kita mahu amalkan. Lagipun, kalau kita lihat pada Jadual Kedua peruntukan Rang Undang-undang ini menggariskan iaitu peruntukan-peruntukan bagi Perbadanan Pengurusan yang lengkap mengenai perjalanan Kaunsel atau Perbadanan itu, bagaimana mesyuarat hendak diadakan, berapa cukup kuoram, perwakilan, kuasa-kuasa dan tugas-tugas, prosiding dan sebagainya. Bahkan juga diperuntukkan bahawa Perbadanan Pengurusan ini ialah satu "legal person" yang ditakrif yang boleh didakwa dan boleh mendakwa. Mengikut tafsirannya sendiri, Perbadanan ini ialah satu "legal personality" yang khusus, maka dengan sendiri "accountability" itu terjamin dari segi pengurusannya. Jadi, Yang Berhormat

Tuan Lee Lam Thye: Saya sungguh memahami apa Yang Berhormat Menteri menyatakan tentang rumah pangsa. Sepertimana yang telah dikatakan tadi bahawa sekiranya penghuni-penghuni rumah pangsa ini tidak sanggup ataupun tidak bersedia sedia untuk menjalankan tugas mereka dalam Perbadanan Pengurusan, maka mereka boleh meminta Pihak Berkuasa Negeri untuk menubuhkan Perbadanan menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki. Akan tetapi, di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sekiranya terdapat satu bangunan bertingkat yang dimajukan oleh pihak swasta, ini bukan bangunan Kerajaan tetapi bangunan swasta, dan sekiranya pemilik-pemilik unit-unit yang berkenaan tidak mampu ataupun tidak bersedia sedia untuk menubuhkan Perbadanan ini sama ada mereka boleh membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menubuhkannya sebagai satu jalan untuk membolehkan mereka

mengambil langkah-langkah yang perlu supaya nanti akan dapat satu hari di mana mereka sendiri mampu untuk menubuhkan Perbadanan itu dan menjalankan tugas-tugasnya.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Ini ada ternyata di peruntukan bahawa pemilik-pemilik, penghuni-penghuni yang tidak mampu dan fikir mereka memerlukan bantuan dari segi pengurusan, maka telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini mereka boleh memohon ke Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil alih pengurusan ini, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana orang ataupun badan untuk menguruskannya. Peruntukan ini sudah ada, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesimpulannya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya yakin bahawa masalah-masalah termasuk juga perkara yang terakhir Yang Berhormat timbulkan tadi bahawa Bahagian Government low-cost housing ataupun pihak swasta boleh meminta pihak Berkuasa Negeri untuk melantik badan-badan tertentu, Jadi, saya sekali lagi ucapkan terima kasih atas pandangan dan juga penerimaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditim- bangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 4 dipinda dengan:

- (i) Gantikan takrif “Pengaruh” dengan taktif yang berikut:
 ‘ “Pengaruh” ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian dan, dalam hal Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Kerja Tanah;’
- (ii) Gantikan taktif “Pengaruh Ukur” dengan taktif yang berikut:
 ‘ “Pengaruh Ukur” ertinya Pengarah Ukur bagi Negeri dan termasuklah Timbalan Pengarah Ukur dan, dalam hal Wilayah Persekutuan, Ketua Pengarah Ukur;”.

Pindaan-pindaan ini adalah sematamata masalah penggubalan dan penterjemahan daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan pada Fasal 4:

- (i) Gantikan takrif “Pengaruh” dengan takrif yang berikut:
 ‘ “Pengaruh” ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian dan, dalam hal Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Kerja Tanah;’

- (ii) Gantikan takrif “Pengaruh Ukur” dengan takrif yang berikut:

‘ “Pengaruh Ukur” ertinya Pengarah Ukur bagi Negeri dan termasuklah Timbalan Pengarah Ukur dan, dalam hal Wilayah Persekutuan, Ketua Pengarah Ukur;’.

sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 4 disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 4 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, Fasal 13 (1) (c) saya mohon mencadangkan bahawa Fasal ini digantikan dengan yang berikut:

“(c) menyediakan sesalinan pelan strata yang diperakui itu untuk simpanan Pendaftar;”
 Ini ialah kerana kesilapan pecetakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 13 (1) (c) yang berbunyi seperti berikut:

“(c) menyediakan sesalinan pelan strata yang diperakui itu untuk simpanan pendaftar;”
 dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 13 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 hingga 27—

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 17 (2) iaitu mengenai: “Tiada apa jua catatan dibuat selepas itu atas mana-mana dokumen hakmilik kecuali catatan yang melibatkan harta bersama.”

Saya hanya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengapakah catatan-catatan syarat tidak dikenakan sedangkan kita boleh berbuat demikian. Kalau di dalam Kanun Tanah Negara kita telahpun mengklasifikasikan bahawa 3 jenis tanah yang diberikan dan kita telahpun meminda Kanun Tanah Negara baru-baru ini bagi meletakkan syarat-syarat pertanian, bangunan dan industri dan tujuannya dalam perletakan syarat ini bagi membolehkan sesuatu bangunan itu tidak dijalankan berbagai-bagai kegiatan yang mungkin pula bertentangan dengan Akta Kerajaan Tempatan kerana Akta Kerajaan Tempatan pun mestilah bersesuaian dengan pindaan Akta Strata ini supaya syarat bangunan itu tidaklah boleh ditukar-tukar.

Mungkin syarat pertamanya tapaknya adalah syarat kediaman tetapi tingkat keduanya mungkin dibuat kedai Hair Dressing Saloon, dengan izin, ataupun tingkat atas dibuat bowling alley. Jadi dengan ini menyebabkan pemindahan syarat berlaku pada satu pembentangan keputusan yang dibuat iaitu dalam proses untuk mengeluarkan Strata Title ini dan saya berharap mendapat sedikit penjelasan sama ada perkara ini boleh kita tetapkan kerana dalam seksyen (2) ini menyebutkan tidak

dibuat: “Tiada apa jua catatan dibuat selepas itu atas mana-mana dokumen hakmilik kecuali catatan yang melibatkan harta bersama”.

Jadi, kalau kita boleh meletakkan syarat-syarat kerana surat hakmilik bagi tanah biasa, kita telah menetapkan syarat-syarat tertentu.

Jadi, tujuan saya adalah untuk membezakan dan tidak timbul satu masalah yang mesti bertentangan dengan Akta Kerajaan Tempatan yang menetapkan kawasan-kawasan tersendiri, kawasan pembangunan untuk perumahan dan kawasan pembangunan untuk kedai-kedai dan peruntukan untuk kawasan perindustrian misalnya seperti mana yang telah kita luluskan di dalam Akta Kanun Tanah Negara dahulu. Ini suatu penyesuaian semula supaya tidak bertentangan dengan syarat yang telah kita buat, yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat, dengan Akta yang sentiasa ada supaya kita tidak satu masa lagi menghadapi masalah dalam usaha untuk membaiki ataupun membaharui Akta ini. Sekianlah, terima kasih.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Seperti yang kita perhatikan bahawa: “Tiada apa jua catatan dibuat selepas itu atas mana-mana dokumen hakmilik kecuali catatan yang melibatkan harta bersama, iaitu common property. Kalau ada juga perubahan jenis gunaan akan melibatkan selalunya hanyalah common property ataupun harta bersama kerana harta untuk kediaman (private property) yang kita berikan hakmilik strata itu akan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang lain seperti misalnya dalam kegunaan tanah kerana seperti yang saya sebutkan dalam ucapan asal tadi Fasal 5 Rang Undang-undang ini mestilah dibaca bersama dengan Kanun Tanah Negara. Maka sebenarnya Akta ataupun Rang

Undang-undang ini ialah merupakan, kalau diluluskan oleh Dewan ini, merupakan sebahagian daripada Kanun Tanah Negara dan peruntukan Fasal 5 itu dibaca bersama dengan Kanun Tanah Negara. Jadi peruntukan ini ada disediakan.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Othman bin Abdul: Minta penjelasan, sebab di dalam Akta Kerajaan Tempatan sesuatu bangunan itu mestilah ditetapkan syarat. Kerajaan Tempatan menetapkan bahawa syarat ini kediaman ataupun perniagaan dan sebagainya, tetapi setelah Kanun Tanah Negara ini dipinda; kita hanya menetapkan syarat bangunan. Jadi bangunan itu boleh berbentuk kediaman ataupun perniagaan. Tetapi Akta Kerajaan Tempatan dia menetapkan bahawa bangunan ini adalah perumahan. Bilik ini untuk rumah, satu ini kedai. Jadi, kita telah pun mengubah Akta Kanun Tanah Negara dengan menetapkan building iaitu terlalu umum, building ini saya pun bersetuju tetapi Akta Kerajaan Tempatan pula menetapkan syarat bilik itu, rumah itu, tingkat itu disebutkan, ini diluluskan untuk Hair Dressing Saloon. Ini syarat yang saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 108 Kanun Tanah Negara, dengan izin:

“Conflict with local bylaws, etc.
Where any land affected by any bylaw of or restriction imposed by any local authority or planning authority becomes subject, by virtue of this Act, to any condition which is inconsistent therewith the conditions shall prevail and the bylaw or restriction shall, to the extent of the inconsistency, cease to apply to the land”.

Jadi masalah konflik ini diselesaikan dalam 108 ini.

Fasal 14 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 28—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan Fasal 28 (1) (a):

Memasukkan perkataan “daripada pemohon” selepas perkataan “penyata”.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan yang dicadangkan ini sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah Fasal 28 (1) (c) dipinda dengan:

Memasukkan perkataan-perkataan “daripada pemohon” selepas perkataan “penyata”.

dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 28 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 50—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan bagi *Fasal 50* seperti berikut:

- (i) Potong sub-fasal (2);
- (ii) Masukkan sub-fasal (2) dan (3) baru seperti berikut:

“(2) Perbelanjaan yang ditanggung beban oleh orang atau badan yang dilantik di bawah sub-

seksyen (1) hendaklah dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang pengurusan bagi perbadanan pengurusan itu.

- (3) Perlantikan orang atau badan di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri”.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah *Fasal 50* dipinda dengan:

- (i) Potong sub-fasal (2);
(ii) Masukkan sub-fasal (2) dan (3) baru seperti berikut:

“(2) Perbelanjaan yang ditanggung beban oleh orang atau badan yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang pengurusan bagi perbadanan pengurusan itu.

- (3) Perlantikan orang atau badan di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri”.

dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 50 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 52—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan bagi *Fasal 52* (2)—

Masukkan perkataan-perkataan “yang berbidang kuasa kompeten” selepas perkataan “Mahkamah” di baris 6.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah *Fasal 52* (2) dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “yang berbidang kuasa kompeten” selepas perkataan “Mahkamah” di baris 6, dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 52 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 53 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 64—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan bagi *Fasal 64* (2)—

Memasukkan perkataan-perkataan “Pendaftar oleh” di antara perkataan-perkataan “kepada” dan “perbadanan” di baris 4.

Perkataan ini tertinggal dalam naskah Bahasa Malaysia. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini terbuka untuk dibahaskan.

Masalahnya ialah Fasal 64 (2) dengan memasukkan perkataan-perkataan "Pendaftar oleh" di antara perkataan-perkataan "kepada" dan "perbadanan" di baris 4, dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 64 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 65 hingga 76 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 77—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya bangun mencadangkan pindaan kepada Fasal 77—

Gantikan perkataan-perkataan "atau tuan punya" di baris 16 dengan perkataan-perkataan "bagi pemilik".

Terjemahan bagi pemilik ini adalah lebih tepat mengikut nasihat AG Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah Fasal 77 dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "atau tuan punya" di baris 16 dengan perkataan-perkataan "bagi pemilik", dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 77 sebahagian yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian Rang Undang-undang.

Fasal 78 hingga 81 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 82—

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya bangun mencadangkan pindaan kepada Fasal 82 seperti berikut:

Gantikan dengan yang berikut:

Peruntukan 82.(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, peralihan. Bagi maksud-maksud memakai peruntukan-peruntukan Akta ini bagi bangunan yang dipecah bahagi, hakmilik subsidiari, petak, harta bersama, perbadanan pengurusan dan majlis yang telah wujud sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, dengan atau tanpa ubahsuaian, tambahan atau kekecualian kepada atau bekecualian dengan, mana-mana bangunan yang bahagi, hakmilik subsidiari, petak, harta bersama, perbadanan pengurusan atau majlis tersebut dan bagi maksud-maksud yang bersampingan dengannya, membuat kaedah-kaedah mengadakan peruntukan mengenai ubahsuaian, tambahan atau kekecualian itu dan apa-apa peruntukan peralihan, berbangkit atau pengecualian sebagaimana yang difikirkan perlu atau bermanfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Sehingga kaedah-kaedah dibuat di bawah subseksyen (1), tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh dipakai bagi mana-mana pecah bahagian sesuatu bangunan yang dilaksanakan, atau bagi mana-mana hakmilik subsidiari yang dikeluarkan, atau bagi mana-mana petak, harta bersama, perbadanan pengurusan atau majlis yang wujud, sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara hendaklah terus dipakai mengenainya dengan cara yang sama seperti sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Jadual Keempat boleh menyentuh peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dalam pemakaiannya kepada mana-mana pecah bahagian sesuatu bangunan yang dilaksanakan, atau kepada mana-mana hakmilik subsidiari yang dikeluarkan, atau kepada mana-mana petak, harta bersama, perbadanan pegurusan atau majlis yang wujud. Sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam naskah Inggeris peruntukan ini mempunyai 3 subfasal. Terjemahannya dalam Bahasa Malaysia hanya satu peruntukan atau fasal sahaja, maka Peguam Negara telah menterjemahkan semula.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini terbuka untuk dibahaskan.

Masalahnya ialah Fasal 82 dipinda dengan menggantikan dengan apa yang telah dicadangkan oleh Menteri yang berkenaan tadi.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 82 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 83—

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 83, potong subfasal (3). Tuan Pengerusi, subfasal (3) ini tiada dalam naskah Inggeris tetapi ada dalam Bahasa Malaysia, maka hendaklah dipotong dan Kementerian saya meminta maaf atas kesilapan ini kerana perkara ini tidak disemak dengan teliti maka timbul masalah ini. Pindaan dalam Kertas yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

Fasal 83. Potong subfasal (3).

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah Fasal 83 dipinda dengan dipotong subfasal (3).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 83 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN AWARD TIMBANGTARA ASING

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta bagi memberi kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, yang dibuat di New York pada 10hb Jun 1958, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini Malaysia telah mengadakan perhubungan per-

dagangan dengan beberapa negara. Lazimnya kontrak-kontrak perdagangan tersebut memperuntukkan penyelesaian bagi sebarang pertikaian mengenai kontrak itu dengan cara timbangtara sama ada di Malaysia ataupun di negara lain.

Menurut lazimnya sesuatu award timbangtara yang dibuat di dalam suatu negeri tidak dapat dikuatkuasakan di satu negeri yang lain melainkan jika negeri yang kedua itu mempunyai undang-undang yang memberi pengiktirafan kepada award tersebut untuk membolehkan ianya dikuatkuasakan di negeri itu.

Satu cara yang biasa dibuat untuk tujuan pengiktirafan tersebut ialah dengan mengadakan Undang-undang Bersaling (Reciprocal Legislation) di antara negara-negara tersebut untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan award-award timbangtara yang dibuat di negara masing-masing.

Cara yang kedua pula ialah dengan menandatangani atau menjadi pihak kepada Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, 1958. Sehingga kini sebanyak 62 buah negara telah menandatangani dan mengesahkan atau menjadi pihak kepada Konvensyen tersebut yang dimetrikkan pada 10hb Jun, 1958 di New York, Amerika Syarikat.

Tujuan utama Konvensyen ini ialah bagi memperuntukkan pengiktirafan dan penguatkuasaan award-award timbangtara yang diperolehi di dalam sesuatu negeri ke dalam satu negeri yang lain. Masalah yang boleh ditimbulkan jika Malaysia tidak menjadi pihak kepada Konvensyen ini ialah jika sebarang award dibuat di Malaysia, ianya tidak dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di negeri yang telah menjadi pihak kepada Konvensyen. Demikian juga award-award yang diperolehi di negara lain tidak dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di Malaysia. Dengan

wujudnya keadaan seperti itu, ianya boleh merupakan satu halangan kepada perkembangan perhubungan perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Ini ialah kerana setiap pedagang sama ada di luar negeri ataupun di Malaysia memerlukan kepastian dan keyakinan bahawa jika berlakunya sebarang pertikaian hasil dari penyelesaian pertikaian tersebut dapat dikuatkuasakan dengan efektifnya.

Pada 1hb April, 1984, satu Pusat Timbangtara Serantau telah ditubuhkan di Kuala Lumpur di bawah naungan Asian-African Legal Consultative Committee (AALCC). Tugas-tugas Pusat ini, antara lain, ialah untuk menggalakkan dan memajukan timbangtara perdagangan antarabangsa di rantau ini menyeleras dan membantu aktiviti-aktiviti institusi-institusi timbangtara di rantau ini, membantu perjalanan timbangtara secara ad-hoc terutama sekali timbangtara yang dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh UNCITRAL iaitu satu badan yang telah ditubuhkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perdagangan antarabangsa dan undang-undang antarabangsa membantu penguatkuasaan award-award timbangtara dan memberi khidmat timbangtara di bawah naungannya sendiri.

Di dalam keadaan undang-undang yang sedia ada, pada masa ini award-award yang dibuat oleh Pusat Timbangtara tidak dapat diiktirafkan dan dikuatkuasakan di negara-negara lain. Oleh yang demikian, khidmat Timbangtara Pusat ini adalah terhad dan ini menjejaskan perkembangan dan kejayaan Pusat tersebut.

Adalah mustahak bagi pihak-pihak yang bersetuju mengadakan penyelesaian pertikaian di bawah Pusat ini mendapat kepastian dan keyakinan bahawa award-award yang diperolehi dari Pusat ini dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

Jika Malaysia menjadi pihak kepada Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards, maka dengan sendirinya keyakinan dan kepastian tersebut bukan sahaja bagi award-award yang diperolehi dari Pusat Timbangtara Serantau tersebut bahkan juga award-award timbangtara tempatan akan wujud kerana award-award tersebut akan dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di negara-negara lain.

Malaysia akan menjadi pihak kepada Konvensyen 1958 itu berdasarkan prinsip pesalingan dan dengan demikian Malaysia akan hanya mengiktiraf dan menguatkuasakan award-award dari negara-negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen 1958 itu sahaja. Adalah difikirkan wajar bagi Malaysia menghadkan penggunaan Konvensyen ini kepada pertikaian perdagangan sahaja seperti yang diperuntukkan di Perkara 1 (3) Konvensyen itu kerana tujuan Malaysia menimbang menjadi pihak kepada Konvensyen itu ialah atas sebab-sebab perdagangan.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan award-award timbangtara asing dikuatkuasakan apabila Malaysia menjadi pihak kepada Konvensyen itu.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa sesuatu award yang diperolehi menurut peruntukan-peruntukan Konvensyen boleh dikuatkuasakan di Malaysia dan dikira sebagai mengikatkan di antara orang-orang yang membuat perjanjian timbangtara untuk semua tujuan.

Fasal 4 menetapkan keperluan-keperluan keterangan yang mesti dikemukakan oleh mereka yang memohon untuk award tersebut dikuatkuasakan.

Fasal 5 memperuntukkan keadaan-keadaan di mana jika dapat dibuktikan bahawa keadaan-keadaan tersebut wujud, award tidak akan dikuatkuasakan.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa jika sesuatu pihak kepada sesuatu perjanjian timbangtara, yang mana Konvensyen ini boleh dipakai, memulakan sesuatu perbicaraan di Mahkamah terhadap satu pihak yang lain, pihak yang kedua ini boleh memohon kepada Mahkamah untuk menangguhkan perbicaraan tersebut, melainkan jika Mahkamah berpuashati bahawa penangguhan tidak akan dibenarkan atas sebab-sebab yang terkandung di dalam Fasal ini.

Jadual di dalam Rang Undang-undang ini menjelaskan dengan lengkap semua peruntukan Konvensyen 1958 itu bagi memudahkan rujukan dan pemakaian peruntukan Konvensyen bagi mereka yang memohon untuk sebarang award dikuatkuasakan.

Sebelum Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan mengikut peruntukan perenggan 2 Fasal 1 Malaysia akan terlebih dahulu meletakkan (deposit) instrumen penerimaan dan Kovensyen itu akan mula berkuatkuasa 90 hari selepas instrumen diletak di Urusetia Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan demikian tarikh perundangan Rang Undang-undang dikuatkuasakan akan diselaraskan kelak dengan tarikh Kovensyen itu berkuatkuasa bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan

Award Timbangtara Asing 1985 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN MESYUARAT (BIL. DR 2 TAHUN 1985)

5.46 ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah

dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebagai Kertas Bilangan DR. 2 tahun 1985, diterima.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklumi melalui laporan ini, Jawatankuasa telah mengadakan sebanyak 5 kali mesyuarat dan membuat keputusan mencadangkan sebanyak 21 pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tujuan pindaan-pindaan dibuat adalah untuk menyelaraskan peraturan-peraturan mesyuarat agar menetapkan amalan yang kemaskini.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan termasuklah di antara lain:

- (1) Setiausaha Parlimen diberi kuasa menjalankan urusan mesyuarat bagi pihak Menteri sesuai dengan Perlembagaan. Sebelum ini hanya Timbalan Menteri sahaja boleh mewakili Menteri;
- (2) Menetapkan bahawa mesyuarat Dewan Rakyat pada hari Jumaat dimulai pada pukul 3.00 petang dan sehingga pukul 6.30 petang kecuali jika Dewan melanjutkannya atas budibicara Dewan. Sebelum ini mesyuarat hari Jumaat lazimnya ditangguhkan pada pukul 7 petang;
- (3) Satu tambahan dicadangkan dalam Peraturan Mesyuarat 14 yang membolehkan seseorang pembesar asing sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan berucap di Majlis atau bersesama dengan Dewan Negara dan ucapan itu boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh persidangan Majlis;
- (4) Sedikit pindaan kepada Peraturan 41 yang menyentuh soal pakaian. Pakaian dirasakan penting dalam mana-mana

suasana kerana ini akan menggambarkan corak dan bentuk suasana itu. Oleh kerana Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat merupakan pusat kuasa rakyat yang tertinggi dalam negara ini, maka pakaian juga harus sesuai bagi menghormati kebesaran dan keunggulannya.

Justeru itu, tambahan dalam Peraturan dibuat supaya Ahli-ahli lelaki dan wanita dikehendaki berpakaian seperti disarankan dalam perenggan baru (f).

- (5) Satu perenggan baru ditambah dalam Peraturan Mesyuarat 46 yang menegaskan bahawa dalam perjalanan mesyuarat berhubung dengan pindaan-pindaan kepada Pelembagaan atau berkenaan dengan persempadanan bahagian pilihanraya atau dalam segala hal lain di mana jumlah undi yang ditetapkan dikehendaki Pengerusi hendaklah memerintah sesuatu belah bahagian;
- (6) Satu perenggan baru tambahan juga dicadangkan menyentuh pihak-pihak yang mana kelakuannya adalah menjadi hal perkara atau satu daripada hal perkara penyiasatan oleh Jawatankuasa Pilihan itu pihak-pihak terbabit boleh hadir sendiri atau boleh diwakili oleh Peguam. Tambahan ini memberi peluang kepada mana-mana ahli atau pihak yang perkaranya terbabit dapat membela diri secara adil. Pindaan ini membuktikan bahawa keadilan perlu ditegakkan dalam apa jua keadaan ataupun di mana-mana sahaja.
- (7) Peraturan Mesyuarat 100 juga dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "yang pada hakikatnya memerlukan

kita mengambil kira peraturan-peraturan yang berjalan dalam Negeri-negeri Komanwel sebagai panduan untuk digunakan dalam perintah-perintah perjalanan Majlis kita.

Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat merasa amalan ini sesungguhnya tidak perlu lagi malah dari satu segi ianya mencabar kewibawaan dan kedaulatan negara yang telah lama merdeka, lebih-lebih lagi jika dipandangkan bahawa Majlis ini merupakan Majlis yang menjadi puncak kuasa dalam negara ini. Jawatankuasa merasa bertanggungjawab untuk mengemaskinikan, iaitu sesuai dengan cita-cita dan hasrat unggul rakyat dan negara untuk menikmati kemerdekaan sepenuhnya dari semua aspek dan wang. Lain-lain pindaan penyesuaian dan pengemaskinian adalah jelas seperti yang dimaksudkan dan ada terkandung dalam laporan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

5.53 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasar Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Laporan Jawatankuasa Peraturan Majlis Mesyuarat bagi meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Saya akan menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat ini. Pertama, dari segi naskah sah Bahasa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan saya telah diberi jawapan oleh Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan

adalah tidak benar bahawa naskah sahah Bahasa Inggeris. Tetapi di dalam menguba! satu undang-undang ialah digubal didahulukan dengan Bahasa Inggeris lepas itu diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia. Sebagai satu contoh kepada Fasal 17. 95 (a), saya tidak tahu sama ada ini betul atau tidak, cuma saya menganggapkan terjemahan ini salah. Di sini menyebutkan "Semua Rang Undang-undang dan Risalat Mesyuarat yang akan diembargo sehingga suatu tarikh yang dinyatakan hendaklah dilekatkan slip bagi maksud itu dan mana-mana orang yang mengeluarkan Rang Undang-undang. "Mengeluarkan" di sini bermacam-macam boleh ditafsirkan. Kalau mengikut daripada risalat Inggeris ini ia mengatakan:

".....any person who publishes such Bills or Papers " Kalau publish ini dalam Bahasa Melayu saya kata tidak "mengeluarkan" tetapi ialah "menyebarkan" ataupun "menghebahkan" ataupun "menyiarkan". Kalau "mengeluarkan" di sini mungkin orang bawa keluar daripada Dewan ini pun salah; "mengeluar" di sini mungkin bawa keluar daripada Dewan atau cabut daripada sini pun mengeluarkan juga. Jadi, inilah saya katakan bahawa naskah sahah yang dibuatnya dalam Bahasa Inggeris bukan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia diterjemahkan sahaja. Ini sebagai satu contoh kesilapan yang boleh mengelirukan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Mesyuarat ini, Perkara ini nampaknya kecil tetapi boleh dipertikaikan, boleh dipersoalkan dan dipertikaikan pada masa akan datang. Apa salahnya diciptakan dalam Bahasa Malaysia dahulu, lepas itu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris baru kita senang faham. Kita tidak mahu ayat Bahasa Inggeris dijadikan ayat Bahasa Malaysia. Inilah yang dikatakan bukan naskah sahah Bahasa Malaysia tetapi Bahasa Inggeris. Kalau Bahasa Malaysia dia tidak akan

jadi ayat sebagaimana yang ada ini. Sebab itulah banyak di antara ayat dalam undang-undang dan peraturan, kita orang Melayu baca sendiri pun tidak faham, kerana ayat terjemahan. Kalau hendak dijadikan naskah sahah Bahasa Inggeris ciptakan undang-undang ini di dalam Bahasa Malaysia dahulu lepas itu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris ini tidak apa. Saya tidak tahulah perkataan ini, cuma saya minta supaya perhatian diberi supaya ayat Bahasa Melayu itu difahami, dibaca oleh orang Melayu. Kita tidak mahu undang-undang diciptakan dalam Bahasa Melayu ini tidak difahami oleh orang Melayu tetapi difahami oleh orang yang membuat undang-undang itu sendiri, dia baca dia faham tetapi kita orang Melayu baca tidak faham. Itu satu perkara.

Yang kedua, ada beberapa perkara mungkin berlapis-lapis misalnya di sini ada menyebut bahawa perenggan 4, Peraturan Mesyuarat 14 dipinda di situ: ". dimasukkan sebutan-sebutan mengenai Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Negara dan hendaklah dibaca oleh Setiausaha" Di sini saya baca tadi Ahli Dewan Rakyat tetapi di sini kalau sekiranya satu-satu ayat yang menyebut Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat tidak payah kita menyebut kedua-dua itu, kita menyebutkan Ahli-ahli Parlimen kerana kedua-dua Dewan ini merupakan Parlimen, jangan kita membezakan kalau dalam satu sebutan yang dikehendaki sebut kedua-dua. Kalau kita menyebut Ahli Parlimen saya rasa akan merangkumi kedua-dua—Ahli Dewan Negara dan Ahli Parlimen. Tetapi dalam ini saya tidak dapat pastikan sama ada sebutan itu daripada ini adalah merupakan kesilapan ataupun tidak.

Satu lagi dalam perenggan 4(b):

".Seorang pembesar asing sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan boleh

berucap di Majlis atau bersesama dengan Dewan Negara dan ucapan itu boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh persidangan Majlis”.

Memang kita akui kalau sekiranya pembesar asing ini diluluskan oleh Kerajaan boleh berucap di sini tetapi sebagai sebuah negara demokrasi, sebuah negara berparti kita minta supaya teks ucapannya juga disahkan oleh Kerajaan supaya jangan tersasul di dalam ucapannya dalam Dewan ini. Kerana sebarang ucapan yang diberi dalam dewan ini kita tidak boleh bahas. Kalau sekiranya ucapan itu tidak disahkan oleh Kerajaan biarlah ucapan itu boleh dibahas oleh Ahli Dewan ini. Kalau ucapannya tidak boleh dibahas maka teks ucapannya itu mesti diluluskan oleh Kerajaan dan kita tahu bukan kerana orang itu tidak pandai bercakap, bukan kerana Menteri kita sendiri pun tidak pandai bercakap tetapi mengikut dasar negara kita, sebarang ucapan mesti ada teks ucapannya. Jadi, supaya pembesar-pembesar itu jangan tersasul, jangan menimbulkan masalah-masalah yang terbit daripada ucapannya itu, biar teks ucapannya itu disahkan oleh pihak Kerajaan ataupun ucapannya itu boleh dibahas di dalam Dewan ini dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah demi untuk kepentingan kita bersama, kalau sebarang yang timbul kalau-kalau ucapannya itu boleh menimbulkan sesuatu perkara yang tidak baik terhadap negara kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh pindaan 9 bahawa Peraturan Mesyuarat 41 dipinda tentang pakaian Ahli Parlimen. Saya menyokong penuh tentang pindaan ini dan saya rasa pindaan ini tidak berbeza dengan apa yang ada. Cuma dari segi pertimbangan Tuan Yang di-Pertua supaya ini tidak sangat mengikat diri

pihak-pihak Ahli Parlimen. Kadang-kadang Ahli Parlimen hendak pakai juga jacket macam mana yang saya pakai hari ini. Jadi saya bimbang kalau sekiranya peraturan diperketatkan dan mungkin pertimbangan Tuan Yang di-Pertua pun tidak membenarkan kita memakai pakaian sebagaimana kita pakai hari ini, mungkin banyaklah jacket kita tersangkut, tidak terpakai, dan juga kita terpaksa menempah pakaian-pakaian baru dan ini juga memerlukan perbelanjaan. Dengan keadaan yang hampir dengan pilihanraya ini tentulah kita hendak mengurangkan perbelanjaan sedikit, dari segi Kerajaan hendak mengurangkan perbelanjaan, Ahli Parlimen pun hendak mengurangkan perbelanjaan juga bersesuaian dengan keadaan kemelesetan ekonomi. Jadi biarlah pakaian-pakaian kita ini yang agak kemas juga supaya dapat Tuan Yang di-Pertua membuat tafsiran yang boleh kita menggunakan pakaian sebagaimana yang kita pakai pada hari ini, melainkan benda-benda yang tidak munasabah.

Satu lagi dari segi Fasal 16, Peraturan Mesyuarat 83, bahawa Jawatankuasa Pilihan ini bagi pertimbangan boleh hadir sendiri atau boleh diwakili oleh peguam. Ini pada lahirnya memang bagus, tetapi kadang-kadang dalam keadaan yang ada ini apabila masuk orang luar, masuk peguam, jadi putar-belit itu banyak lagi. Kita tahu apabila masuk peguam, maknanya putar-belitnya akan lebih merumitkan lagi keadaan. Saya takut keadaan nanti Tuan Yang di-Pertua tidak dapat hendak menyiapkan Peraturan Mesyuarat sekiranya dia bising hendak berlawan dengan peguam. Jadi kita minta supaya benda ini jangan dikecualikan, hadir sendiri dan boleh diwakili peguam, jangan “atau”, biar orang itu hadir sendiri, dia dengar apa yang berlaku. Kalau boleh tidak peguam yang hadir, nanti cuma dia hantar

peguam sahaja, biar dia hadir sendiri. Kadang-kadang kalau dia tidak sendiri, dia tidak tahu proses perjalanan itu. Dia kata tidak adil, datang ke Dewan ini semua apa dia buat, tidak adil; kerana dia sendiri pun tidak datang, peguam sahaja datang dan hingga keputusan peguam, keputusan yang dia tidak hadir sendiri melihat keadaan itu akan juga menimbulkan perasaan tidak puas hati dia. Kalau boleh bukan sahaja "atau" tetapi "dan", hadir sendiri dan diwakili oleh peguamnya. Ini adalah lebih baik bagi melicinkan perjalanan Peraturan Mesyuarat ini.

Satu lagi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, saya hendakkan supaya Dewan ini menggunakan satu bahasa sahaja, tidak menggunakan bahasa Inggeris, takut mengelirukan. Biarlah demi untuk kepentingan negara-negara asing tetapi kita utamakan negara kita. Di dalam zaman kemelesetan ini kita tidak mahu, kalau kita ada dua bahasa sudah tentu sahinya bukan Bahasa Malaysia. Kita pakai satu bahasa, Bahasa Malaysia, supaya ayatnya betul, macam Peraturan-peraturan Mesyuarat, kertas kerja, apabila dua bahasa mesti akan mengelirukan, akan tidak betul. Kita pakai Bahasa Malaysia tetapi yang sebenarnya terjemahan daripada bahasa Inggeris. Jadi dengan sebab itu demi untuk menyambut 25 tahun Parlimen dan juga sudah berapa tahun kita ini merdeka, maka mengapa Parlimen kita tidak boleh menggunakan satu bahasa sehingga bertambun-tambun kertas, sehinggakan jurubahasa pun tidak ada siapa hendak dengar. Jurubahasa Inggeris ada tetapi earphone tidak ada, tidak dengar. Saya tidak dengar translation yang dibuat oleh Dewan Parlimen dalam Bahasa Inggeris, kita tidak dengar, earphone pun tidak ada, sebab kita pun tidak mahu dengar sebab itu dia tidak bubuh barangkali. Tetapi kalau terjemahan orang tidak dengar,

translation orang tidak dengar, buat apa! Jadi kerana seorang dua orang hendak dengar, biar dia pakat interpreturnya sendiri datang ke sini untuk mendengar. Buat apa kita hendak merugikan kewangan kita untuk kepentingan dua tiga orang asing atau orang luar yang tidak dapat memahami bahasa kita. Kalau kita pergi ke Jepun dia tidak pernah layan kita, kita kena belajar bahasa Jepun juga. Kita kena dengar, kalau tidak faham kita pakai interpreter kita sendiri atau pegawai penterjemah kita sendiri. Kita pergi ke Arab lagi susah, "haramu", "haramu" tidak tahu apa, dia tidak erti bahasa Inggeris, tidak erti bahasa apa, tahu Arab sahaja. Dia pergi ke United Nations pun dia gunakan bahasa Arab, dia bawa semua sekali interpreter, penterjemah, dengan stenonya semua bahasa Arab. Jadi kalau keadaan yang ada sekarang ini, maknanya kita jangan mementingkan orang asing atau negara asing ataupun orang yang tidak faham. Kita jalankan peraturan kita supaya Bahasa Malaysia di tempat perundangan yang agung ini hanya menggunakan satu bahasa dan melahirkan Bahasa Melayu asli, Bahasa Malaysia asli, bukan bahasa terjemahan. Ini yang kita mahu supaya memudahkan kita faham.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.06 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Tertib Mesyuarat 30 (1) untuk mencadangkan satu pindaan kepada usul asal. Saya telah memberikan notis terhadap pindaan saya juga yang melebihi had 1 hari yang ditentukan di dalam Tertib Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Saya ingin mengemukakan satu pindaan kepada usul yang

dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Kertas Dewan DR. 2/1985 dengan menambahkan selepas perkataan "diterima" dalam usul itu, perkataan-perkataan seperti berikut:

"dengan satu fasal (22) tambahan selepas fasal (21) dalam muka surat 6 laporan tersebut, yang berbunyi seperti berikut:

Peraturan Mesyuarat 53 adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja perenggan (2), perkataan-perkataan "sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh bacaan kali kedua".

Tuan Yang di-Pertua, Tertib Mesyuarat 53 adalah berkaitan dengan peraturan (procedure) untuk Kerajaan mengemukakan satu Rang Undang-undang dan diluluskan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat bangun atas apa?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Atas Tatatertib Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tertib Mesyuarat, sila.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 78 (2),

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita membincangkan Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, jadi mengikut Seksyen 78 (2) yang berbunyi:

"Jika pemberitahu usul mengandungi apa-apa cadangan hendak meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, maka pemberitahu itu hendaklah disertakan dengan satu rang pindaan yang dicadangkan itu, dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, adalah disifatkan telah

diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dengan tidak dikemukakan masalah kepada mesyuarat, dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat telah mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan dengan cadangan itu".

Jadi Dua perkara terlibat di sini, yang pertama usul cadangan pindaan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tidak ada apa-apa sokongan. Yang kedua, jika ada sokongan, maka ianya hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan tidak ada apa-apa perbincangan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Soalnya yang patut kita timbangkan ialah sama ada usul yang telah pun dikemukakan kepada kita, adakah iaitu satu pindaan yang berkaitan dengan usul asal. Jadi kalau kita tengok usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching ialah satu cadangan pindaan yang baru, bukan di atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Jadi jikalau sekiranya kita baca daripada situ maka tidak bolehlah kita menerima cadangan itu, melainkan jikalau sekiranya cadangan itu ialah bersangkutan dengan cadangan-cadangan yang dibukakan ini. Peraturan Mesyuarat atas perkara 53 tidak ada langsung disebutkan di dalam cadangan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Apa yang hendak sebut?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya hendak tahu, bagaimanakah atau apakah kriteria digunakan untuk menghukumkan sama pindaan ada saya berkait atau tidak berkait oleh kerana usul asalnya daripada Yang Berhormat Menteri adalah satu usul untuk menerima satu-satu laporan dan

pindaan saya ialah untuk membuat pindaan kepada laporan itu. Jika Tuan Yang di-Pertua dapat mengingat bahawa satu precedent telah dibuat di mana pada satu persidangan yang lalu, satu laporan daripada Parliamentary Committee of Privileges, terhadap satu kes melibatkan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah dipindahkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam supaya meminda hukuman yang diberikan kepada Yang Berhormat dari Sandakan. Saya rasa sekiranya pindaan itu boleh diterima, mungkin saya boleh mengikut precedent ini untuk mengemukakan usul saya.

Tuan Yang di-Pertua: Usul yang dibuat yang lepas itu ialah bersangkutan dengan cadangan ataupun bersangkutan dengan penyata yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Yang dibuat sekarang ini perkara-perkara yang tidak bersangkutan. Jika sekiranya Yang Berhormat mengeluarkan usul bersangkutan dengan Peraturan Mesyuarat 35 umpamanya, yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat berkenaan dengan pakaian; Peraturan 14 berkenaan dengan Doa; Peraturan 16 dan sebagainya, maka bolehlah dipinda sekarang. Tetapi apabila perkara itu dikeluarkan adalah perkara yang baru yang tidak ada di dalam laporan ini langsung sama sekali, maka hendaklah Yang Berhormat menggunakan Peraturan 78 (2) mengeluarkan satu usul dan usul itu dicadangkan dan selepas daripada itu ada sokongan, maka perkara itu akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Yang demikian saya memutuskan bahawa usul pindaan daripada Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tidak dapat diterima. Saya sudah menjatuhkan keputusan saya dan pindaan itu tidak boleh lagi dibahaskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti dahulu. Tadi Yang Berhormat dari Ulu Terengganu telah bangun.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Saya memutuskan untuk tidak hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.15 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, walaupun usul saya telah ditolak, walaupun demikian saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini kepada perkara yang saya asalnya ingin membangkitkan. Oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang amat penting dari segi bagaimanakah seorang Ahli Parlimen boleh menjalankan tugasnya dengan lengkap, dengan licin, dengan sikap bertanggungjawab. Apa yang saya merujukkan dan saya rasa ketinggalan ini berlaku dalam Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Saya amat dukacita dan ketinggalan ini mesti dibetulkan jikalau Parlimen akan berfungsi dengan bertanggungjawab dan dengan cemerlang, oleh kerana Peraturan 53 (2) adalah satu dari aturan-aturan prosedur supaya Parlimen boleh mengemukakan Rang Undang-undang dan meluluskannya. Perkara ini berkait dengan notis untuk mengemukakan dan mengedarkan teks apa-apa Rang Undang-undang yang akan dibahaskan—Peraturan 53 (2) berbunyi seperti berikut:

“Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli”.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perkataan-perkataan yang memerlukan satu notis dan pada prinsipnya, Kerajaan boleh mengedar

atau menghantar teks Rang Undang-undang ini lima minit sebelum tempoh yang diperuntukkan untuk membahaskannya dan saya berpendapat bahawa ini sangat tidak adil oleh kerana Rang Undang-undang adalah sangat specific dan technical dan bukan semua orang Ahli Parlimen ialah supermen atau walking computers.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah membuat "ruling" berkenaan dengan usul Ahli Yang Berhormat tadi, saya fikir tidaklah wajar beliau menimbulkan perkara ini melainkan beliau mengemukakan satu usul berasingan dan disokong; kemudian barulah boleh dibincangkan.

Mengikut Peraturan 36 (1), dia patut tidak mengeluarkan perkara yang tiada kaitan dengan apa yang dibentangkan.

Tuan Sim Kwang Yang; Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti dahulu, nanti saya hendak beri keputusan dahulu. Saya suka hendak membenarkan Yang Berhormat bercakap tetapi saya rasa saya terikat dengan Peraturan Mesyuarat. Jadi Yang Berhormat kenalah menghormati keputusan saya bahawasanya Yang Berhormat bercakap itu tidak ada bersangkutan dengan perkara yang dibincangkan. Jikalau sekiranya Yang Berhormat mahu perkara Yang Berhormat hendakkan itu, bolehlah hantarkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya merujuk kepada muka surat 5, atas satu cadangan yang telah

dikemukakan oleh Yang Berhormat dan tiada apa-apa cara untuk mencegah saya daripada membuat ucapan lagi.

Muka surat 5 di atas Perkara 19—Peraturan Mesyuarat 98 adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja perkataan-perkataan "Timbalan Menteri" dalam sebutan-sebutan kepada seorang Menteri perkataan-perkataan "dan seorang Setiausaha Parlimen". Saya membaca ini dengan pengertian bahawa selepas pindaan-pindaan ini diluluskan, seorang Setiausaha Parlimen boleh menjalankan tugas sebagai seorang Menteri termasuk menjawab soalan mulut di dalam Dewan ini termasuk juga tugas Menteri untuk mengemukakan Rang Undang-undang dan Usul-usul dan lain-lainnya. Dalam pendapat saya ini juga tidak begitu adil oleh kerana, walaupun beberapa orang Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini amat competent seperti Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom, tetapi saya sebagai seorang Yang Berhormat "rookie", first term M.P. pun boleh membuat judgement dan saya memutuskan bahawa ada beberapa orang Setiausaha Parlimen yang tidak layak sebenarnya untuk menjalankan tugas mereka sebagai Menteri, oleh kerana mereka adalah orang Kabinet yang sangat junior dan mereka tidak layak untuk hadir dalam mesyuarat Kabinet, mungkin mereka belum bertugas dalam Kementerian berkenaan dalam satu tempoh yang lama supaya mereka itu mendapat experience ataupun competence dan saya rasa

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya cuba hendak menerangkan, pindaan kepada Perlembagaan telah pun dibuat termasuk kepada Setiausaha Parlimen. Jadi, kita hendak menyamakan peraturan kita itu mengikut Perlembagaan. Perlembagaan telah pun dipinda iaitu termasuk kepada

Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat cadang bagaimanapun tidak akan berkesan melainkan Perlembagaan dipinda.

Tuan Sim Kwang Yang: This is not my best day, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

6.20 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membahaskan penerimaan Laporan Pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah merupakan sebahagian daripada penyesuaian secara *ad hoc* kepada peraturan-peraturan ini semenjak kemerdekaan. Kadangkala untuk membetulkan kesalahan-kesalahan teknikal tetapi lebih kerap kali untuk menghadkan peluang-peluang pihak pembangkang memainkan peranan yang sepenuhnya dalam penganjuran hal-hal Parlimen. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidaklah terkecuali daripada apa yang saya nyatakan. Malah cadangan untuk meminda peraturan Mesyuarat 100 bertujuan memecatkan kemajuan Parlimen yang sihat seterusnya. Sebarang pindaan-pindaan kepada peraturan-peraturan ini sepatutnya dicadangkan dengan tujuan menjamin keadilan diantara golongan-golongan majoriti dan minoriti Dewan ini selain daripada memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada Ahli-ahli Parlimen tertentu. Kami

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat katakan tadi bahawa ini adalah untuk

menyekat Ahli-ahli dari Parti Pembangkang untuk menyuarakan apa-apa hasil dari pindaan peraturan ini dan juga adalah untuk menyekat hak minoriti. Tidakkah Ahli Yang Berhormat faham bahawa peraturan yang dicadangkan ini adalah untuk Dewan Rakyat pada keseluruhannya dan termasuk Ahli-ahli Kerajaan dan juga pihak pembangkang. Jadi saya harap dapat penjelasan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula ucapan saya. Oleh itu saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh sabar, dengar ucapan saya, dan beri pendapat dalam jawapannya. Tuan Yang di-Pertua, sebarang pindaan.....

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, beliau belum menjawab penjelasan yang saya minta tadi.

Tuan Goh Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi, saya baru mula ucapan saya. Kalau tunggu sekejap, saya percaya Yang Berhormat Menteri bolehlah mengikut hujah-hujah saya tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat ini teruskan. Sila teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan, sebarang pindaan kepada peraturan-peraturan ini sepatutnya dicadangkan dengan tujuan menjamin keadilan di antara golongan-golongan majoriti dan minoriti Dewan ini selain daripada memberi perlindungan yang sewajarnya kepada Ahli-ahli Parlimen tertentu. Kami gagal memperlihatkan sebarang tujuan sedemikian di dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Selain daripada tujuan memecatkan pembangunan sistem Parlimen kita, cadangan membubarkan Peraturan 100 juga akan menambahkan kuasa-kuasa pihak pentadbiran sehingga memberikan kebebasan mutlak, mengubahsuaikan prosedur serta amalan Dewan yang mulia ini tanpa mengira amalan-amalan Parlimen Komanwel yang begitu kukuh.

Adalah amat malang bahawa tatkala meraikan Ulangtahun ke-25 Parlimen pada hari ini, kita diminta memutuskan secara mutlak segala ikatan-ikatan dengan amalan dan prosedur Parlimen-parlimen Komanwel.

Struktur semangat dan perjalanan urusan Dewan ini termasuk gaya kita membahas dan jawatan Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah semata-mata berasaskan Parlimen-parlimen Komanwel khususnya House of Commons, dengan izin. Ini adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa sahaja di dalam Dewan ini. Malah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat yang digunakan oleh setiap Ahli Dewan yang mulia ini adalah berasaskan Parlimen-parlimen Komanwel yang mempunyai tradisi serta sejarah yang begitu lama khusus di dalam House of Commons dan Parlimen India.

Hakikat bahawa kita sendiri pernah mengangjurkan seminar-seminar bersabit dengan urusan Parlimen dan bahawa pada Mac lepas dan menjelang bulan Mei, Ahli-ahli Dewan ini akan menjelajah ke Westminster untuk mengikuti kursus tentang Peraturan-peraturan Majlis Mesyuaratnya membangkitkan persoalan, apakah guna kita berbuat demikian?

Petang semalam juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri telah merujuk kepada *Erskine May* semasa membentangkan Rang Undang-undang Pembangunan Petroleum. Jadi nampaknya Parlimen Malaysia lebih

baik mengundurkan diri daripada Commonwealth Parliamentary Association (CPA). Di sini

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun, point of order apa?

Tuan Alias bin Md. Ali: 36 (1). Pada pandangan saya Ahli Yang Berhormat itu tidak bercakap mengenai perkara yang di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bercakap itu atas Peraturan 100 yang ada di dalam Laporan di muka 6, perkara 21. Sila teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Jadi nampaknya Parlimen Malaysia lebih baik mengundurkan diri daripada Commonwealth Parliamentary Association. Di sini saya ingin Menteri yang berkenaan

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 12, saya ingin mencadangkan

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini sebelum pukul 7.00 boleh Yang Berhormat buat cadangan. Saya minta Yang Berhormat dari Bukit Bendera ini habiskan dulu. Sila teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin meminta Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini jika kita akan berbuat demikian, setelah pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 100 diluluskan, Perdana Menteri dan pentadbirannya cenderung membesar-membesarkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen. Tetapi secara praktis Kerajaan hanya memperkecil-kecilkannya sahaja. Mereka

nampaknya melaungkan sesuatu tetapi mengamalkan sesuatu yang lain pula. Dakwaan yang palsu ini tidak berbeza dengan pendirian Kerajaan mengenai hak-hak asasi manusia di mana Kerajaan biasanya menyatakan bahawa mereka memegang teguh kepada hak-hak asasi manusia tetapi enggan mengesahkan Carta Hak-hak Asasi Bangsa-bangsa Bersatu.

Kami di dalam DAP langsung tidak memahami mengapa kita dikehendaki membubarkan Peraturan 100 khususnya perkataan-perkataan ini "dan masa hendak mengeluarkan perintah demikian ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah memandang kepada adat kelaziman Majlis Parlimen dalam negeri-negeri Komanwel sepanjang yang boleh dipakai kepada perjalanan Majlis."

Memandangkan bahawa kini perenggan ini dengan jelasnya menyatakan bahawa penggunaan amalan Parlimen Komanwel adalah hanya bagi tujuan-tujuan rujukan dan tidak sama sekali mengikatkan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mempunyai segala kebebasan menerima atau menolak rujukan-rujukan ini, maka kami tidak memahami keperluan membubarkan segala rujukan kepada amalan-amalan Parlimen Komanwel. Dalam cadangan pindaan ini apakah yang dikhawatirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional manakala ia sudahpun menikmati satu majority yang begitu besar? Langkah yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi sebabnya ialah untuk meminda Peraturan Mesyuarat 100 untuk menyelaraskan dengan status kemerdekaan kita. Kami dari DAP langsung tidak bersetuju dengan pendapat Menteri berkenaan sebab pendapat itu boleh dikatakan tidak berasas langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam DAP dengan terus terang menyatakan bantahan kami terhadap cadangan meminda Peraturan Mesyuarat 100

yang akan merompak kita dari sumber panduan mengenai amalan Parlimen bagi generasi-generasi yang akan datang.

Sekarang saya ingin merujuk kepada cadangan meminda Peraturan Mesyuarat 12, untuk mengurangkan tempoh persidangan pada hari Jumaat selama setengah jam dari pukul 3.00 petang kepada pukul 6.30 petang dan bukan 7.00 petang. Kami tidak memahami tujuan Kerajaan mempertikaikan suatu jangka masa hanya 30 minit. Keperluan bersidang sehingga pukul 7.00 petang pada hari Jumaat telah dibuat oleh Perdana Menteri sendiri pada bulan Oktober tahun 1981. Kita tidak patut mengurangkan tempoh Persidangan Parlimen, tetapi patut memanjangkannya untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen benar-benar membahaskan isi kandungan sesuatu Rang Undang-undang khususnya belanjawan. Memandangkan bahawa Belanjawan Persekutuan telah meningkat setiap tahun, bahawa pertambahan bilangan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dan bahawa selepas pilihanraya yang akan datang ini bilangan Ahli akan bertambah menjadi 177 orang, wujud keperluan mendesak bagi jangka masa yang lebih bagi perdebatan-perdebatan Parlimen. Saya mencadangkan bahawa tempoh persidangan bagi setiap hari dilanjutkan bukan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin merujuk kepada cadangan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 41 (f), perenggan yang baru, yang mencadangkan sesuatu subseksyen baru yang menyatakan bahawa Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan atau lounge suit dan sebagainya. Bolehlah Menteri berkenaan menerangkan keperluan subseksyen baru ini dan untuk menerangkan apa yang dimaksudkan dengan pakaian nasional. Sejauh yang

disedari tidak nyatakan di mana-mana Peraturan Majlis Mesyuarat ataupun undang-undang negara, apa sebenarnya pakaian nasional itu, Parlimen sepatutnya mendorong pakaian-pakaian tradisional kaum-kaum tertentu seperti pakaian tradisional India, Cina, Iban dan Kadazan khususnya semasa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Ini akan mencerminkan sifat negara kita yang berbagai kaum serta budaya tidak hanya patut dihadkan kepada pakaian-pakaian nasional dan lounge suit.

Saya masih boleh ingat bahawa bekas Presiden MIC, mendiang Tun V. T. Sambanthan sering memakai pakaian tradisional India ke Persidangan Parlimen, ini adalah satu amalan yang patut digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyangka bahawa dalam meminda Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, kesempatan untuk membasmikan di antara ketidakadilan-ketidakadilan nyata yang wujud di dalamnya akan diambil. Salah satu bidang demikian adalah quoram bagi ucapan-ucapan penangguhan. Daripada amalan adalah jelas bahawa back-benchers Barisan Nasional cenderung mensabotaj ucapan-ucapan penangguhan Ahli Pembangkang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan cadangan yang dikemukakan. Minta ditinggalkan perkara itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Akhir kata, saya ingin menimbulkan ucapan saya dengan menyatakan bahawa ciri-ciri tanggungjawab mengekalkan Parlimen sebagai satu tempat bagi perbincangan masalah-masalah rakyat, bermakna terletak kepada semua yang bekenaan iaitu Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang dan parti pemerintah, akan tetapi akan memandangkan bahawa parti

pemerintah menikmati satu majority yang amat besar di dalam Parlimen ini, sama ada demokrasi yang diamalkan adalah tulin atau tidak terletak semata-mata pada pihak Barisan Nasional. Malangnya, rekod Barisan Nasional sejak kemerdekaan menunjukkan bahawa Parlimen di Malaysia adalah hanya layak sebagai rubber stamp, ini adalah demokrasi berparlimen ala Barisan Nasional. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berhajat untuk mengambil bahagian dalam usul ini, tetapi oleh kerana sifat dan sikap yang ditunjukkan khasnya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang menunjukkan bahawa ada satu sikap yang sudah begitu intolerant terhadap kritik-kritik mengenai Peraturan Mesyuarat.

Apa yang sebenarnya patut menjadi Peraturan Mesyuarat yang merupakan satu alat akan menentukan adakah kebebasan dalam Dewan yang mulia ini untuk Ahli-ahli Parlimen bersuara, bercakap dan menjalankan tugas mereka. Oleh kerana apabila kita bincangkan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat kita bukan sahaja bincang ayat-ayat, peraturan-peraturan, tetapi sebenarnya apa yang kita akan putuskan sekarang ialah lebih mustahak, semangat demokrasi berparlimen, oleh kerana cara isi kandungan dalam peraturan Mesyuarat akan menentukan sama ada kita memupuk demokrasi berparlimen dan baru-baru ini kita merayakan Ulang Tahun Ke 23 Jubli Perak dan biarlah kita merayakan Jubli Perak ini dengan usaha bersama di mana kita dapat kemajuan supaya demokrasi berparlimen lebih bererti dan lebih bermakna.

Saya sangat hairan kenapa pihak Barisan Nasional petang ini ada sikap "double standards" apabila Yang Berhormat dari Pasir Puteh berdiri dan bercakap sungguhpun mengikut ukuran Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul ini tak sangkut-paut langsung dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, seperti cadangannya bahawa naskah sahah menggunakan satu bahasa sahaja, itu dalam Peraturan 8. Tidak ada apa-apa pindaan kepada Peraturan 8.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad: Saya rasa Wakil dari Kota Melaka ini tak dengar ucapan saya. Saya telah menceritakan tentang naskah sahah dengan naskah Bahasa Inggeris ini tak sama dari segi terjemahannya di sini dan saya minta naskah sahah ini dibuat betul-betul dalam Bahasa Malaysia. Kalau kita baca dalam Bahasa Malaysia perkara 17 ini orang tak faham, tetapi kalau saya baca balik dalam Bahasa Inggerisnya dalam perkara 17 itu, saya faham perkataan "publishes". Jadi, sebab itu saya kata minta supaya ada naskah sahah dalam bahasa Malaysia yang menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya yang difahami oleh orang-orang Melayu, bukan hendak difahami oleh Wakil dari Kota Melaka. Wakil dari Kota Melaka semua dia faham.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi cadangannya itu ialah bahawa menggunakan satu bahasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu betul. Apa yang

disebutkan tadi ialah Perkara 95A di atas cadangan No. 17 itu, iaitu yang mengeluarkan Rang Undang-undang. Itulah yang dia minta supaya digunakan Bahasa Malaysia terus. Jadi, dia tak keluar daripada mauduk ataupun dasar yang dibincangkan. Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, contoh itu saya bersetuju tetapi cadangannya bahawa satu bahasa sahaja digunakan, itulah Peraturan 8 dan tidak ada apa-apa pindaan kepada Peraturan 8, tetapi kenapa Yang Berhormat Menteri tidak bantah?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Minta penjelasan. Tadi Tuan Yang di-Pertua telah menerangkan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkaitan dengan 95A. Jadi, kalau saya hendak bantah benda yang ada di dalam cadangan pindaan, saya tak mahulah jadi bodoh seperti Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu pandailah untuk tutup "double standards". Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 78, saya bersetuju bahawa tadi ada satu keputusan Yang Berhormat dari Bandar Kuching mengenai pindaannya, bahawa Peraturan 78 (2) kalau ada satu usul atau pindaan satu usul yang terkandung cadangan untuk meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, itulah "stand committed" kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Tetapi Peraturan 78 (1) atau Peraturan 78 (2) tidak melarang apa-apa cadangan atau apa-apa pendapat mengenai pindaan perubahan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat.

78 (2) yang berbunyi:

"Jika pemberitahu usul mengandungi apa-apa cadangan hendak meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, maka

pemberitahu itu hendaklah disertakan dengan satu rang pindaan yang dicadangkan itu dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, adalah disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dengan tidak dikemukakan masalah kepada mesyuarat dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat telah mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan cadangan itu”.

Ini dalam pendapat saya bererti bahawa kalau ada satu usul yang dikemukakan, itu diserahkan kepada Jawatankuasa. Kalau tidak berbentuk satu usul, Ahli-ahli Parlimen ada hak untuk memberi pandangan mengenai beberapa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang patut dipinda, patut difikir, ditimbang oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dimasa akan datang.

Sebenarnya kalau Peraturan 78 (2) ditafsirkan sebagai tidak boleh timbulkan apa-apa Peraturan Mesyuarat dalam Dewan yang mulia ini selain daripada apa yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, ini bererti juga dalam mesyuarat Budget, apabila kita dalam peringkat Jawatankuasa, khasnya mengenai Parlimen di mana ada ramai Ahli-ahli Parlimen berdiri dan saya pun bercakap lebih 10 tahun dalam perbincangan itu mengenai beberapa ciri-ciri Peraturan Mesyuarat yang patut diubah, patut difikir semula di mana patut ada reformasi Parlimen, semua dilarangkan. Saya harap bahawa Yang di-Pertua sudah buat satu keputusan ialah bahawa usul itu “stand committed”, tetapi Peraturan 78 (2) tidak melarang dalam perbincangan inipun untuk menimbulkan apa-apa perkara yang patut dibincangkan, difikir oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Sebenarnya apabila kita baca Peraturan 78 (1) yang berbunyi:

“Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat mengandungi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan 6 orang ahli lain yang akan dilantik oleh Jawatankuasa pemilih dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen. Adalah kewajipan Jawatankuasa ini menimbangkan dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang diserahkan oleh Majlis kepadanya bagi ditimbangkan”.

Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil, itu tidak ada sangkut-paut. Kewajipan Jawatankuasa untuk menimbangkan dari satu masa ke satu masa dan mana tempat yang sesuai untuk Dewan yang mulia ini untuk menimbulkan bahawa Jawatankuasa tidak menjalankan kewajipan oleh kerana tidak menimbangkan dengan seluruhnya, dengan mendalamnya peraturan-peraturan selain daripada laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu.

Saya harap bahawa saya minta satu ruling bahawa Peraturan 78 (2) khasnya apabila dibaca dengan Peraturan 78 (1) tidak melarang menimbulkan pandangan-pandangna mengenai apa-apa Peraturan Mesyuarat. Apa yang dilarangkan ialah usul dikemukakan tanpa diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Saya harap satu keputusan dibuat sebelum saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Peraturan 78 (2) ialah bersangkutan dengan siapa-siapa hendak mengemukakan apa-apa cadangan supaya ditimbangkan oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan

Mesyuarat. Apa yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi ialah satu pindaan kepada laporan yang telah pun dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan cadangan usul itu tak bersangkutan dengan laporan yang telah pun dibuat, itulah sebabnya ditolak. Tetapi jikalau sekiranya siapa-siapa Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengeluarkan satu usul di bawah Peraturan 78 (2), silakanlah, bawalah usul itu pada bila-bila masa dan perkara itu akan dimasukkan ke dalam Order Paper yang lazimnya dibuat pada tiap-tiap hari. Tetapi, jikalau sekiranya hendak memindahkan satu-satu usul, membuatkan satu-satu usul, hendak meminda sesuatu perkara, penyata dan sebagainya, hendaklah pindaannya itu bersangkutan dengan penyata asal itu. Itulah keputusan saya. Saya minta teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ruling yang saya minta ialah bahawa tidak ada larangan untuk menyentuh peraturan-peraturan yang tidak menjadi pindaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Peraturan ialah bahawa boleh timbulkan sebenarnya peraturan-peraturan yang lain yang sepatutnya Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat patut timbang. Mengenai Usul, saya setuju, saya menerima tetapi tidak ada larangan bahawa dalam masa ini untuk menimbulkan apa-apa Peraturan Mesyuarat yang lain yang tidak menjadi dalam Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak bersetuju dengan fikiran Yang Berhormat itu kerana perkara Usul itu hendaklah bersangkutan dengan perkara yang dibincangkan. Saya minta Yang Berhormat teruskan. Keputusan saya itu adalah muktamad.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Lagi satu ciri yang sangat anih dalam perbincangan ini ialah sikap tidak serius yang ditunjuk oleh khasnya Menteri-menteri Kanan.

Dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, ahli-ahli, anggota-anggota selain daripada Pengerusi ialah Naib Yang di-Pertua sendiri ada mengikut dalam laporan ini Dato Dr Neo Yee Pan, Dato S. Samy Vellu, Yang Mulia Tengku Dato Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, Dato Leo Moggie, 4, 5 orang Menteri dan dua anggota lain yang bukan Menteri; Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin dan Tuan Lee Lam Thye. Yang lazimnya apabila laporan Jawatankuasa Mesyuarat, Peraturan-peraturan Mesyuarat dibentang, ia dibentang oleh Menteri yang kanan dalam Jawatankuasa. Inilah kelaziman dalam Dewan yang mulia ini dan Menteri yang kanan Dato Dr Neo Yee Pan atau kalau dia tak boleh, Menteri yang kedua, Menteri yang ketiga, Menteri yang keempat; tetapi empat-empat Menteri pun hilang.

Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan langsung tidak tahu apa ini hal, apa perbincangan, proses

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri minta apa?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Penjelasan. Ini merupakan satu perkara yang tak baik terhadap saya. Dari segi saya sendiri bila saya bersetuju membentangkan, maka saya bersedia untuk memberi penjelasan dan jawapan. Jadi, tak betullah anggapan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Memang betul bersetuju jawab, tidak ada pilihan yang lain, tetapi kita mahu orang yang sebenarnya sudah ada mengikuti dalam 5 mesyuarat yang ada. Seorang yang tahu selok-belok, fikiran, kenapa satu cadangan dikemukakan, satu pindaan dikemukakan, kenapa

pindaan yang lain ditolak, tahukah Yang Berhormat Menteri? Langsung tidak. Tentu dia rela, tak ada pilihan lain, tetapi ini tunjuk sikap tidak serius

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Malaysia, iaitu Fasal 43 (3), dengan izin:

“the Cabinet shall be collectively responsible to Parliament”.

Jadi saya adalah seorang daipada Ahli Jemaah Menteri mewakili Menteri-menteri yang berkenaan. Jadi, saya fikir masalah ini tak seharusnya ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan tidak ada di dalam peraturan berkenaan dengan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, sama ada lazimnya ataupun hendaklah dibentangkan oleh Ahli dalam Jawatankuasa yang berkenaan, iaitu mengikut 78 (1) dan (2).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat. Kita kena panjangkan masa Mesyuarat. Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN MESYUARAT

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua tahu mengenai prinsip collective responsibility tetapi ini tunjuk sikap serius, tak serius. Seorang Setiausaha Parlimen pun boleh kemukakan laporan ini atau untuk Budget tak payah Menteri Kewangan. Menteri Kebajikan pun boleh kemukakan Budget, Setiausaha Parlimen pun boleh kemukakan Budget tetapi apa sikap serius, tak serius? Kita mahu tahu. Mana 4 orang Menteri ini?

Semalam baru 29 Ahli Parlimen sahaja apabila mahu luluskan satu pindaan Petroleum Development Act yang begitu mustahak. Siapa main-main? Sikap yang main-main sahaja dan laporan ini pun tak lengkap. Kita mahu tengok ada 5 Mesyuarat

Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, kita mahu tengok siapa yang ada hadir barulah ada minit-minit untuk dua mesyuarat. Mana minit-minit lagi 3 mesyuarat? Adakah Menteri-menteri mungkin nama dalam tetapi tak hadir, tak tahu, mana lagi tiga-tiga minit? Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab? Bagi pihak apa, bagi pihak siapa?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, laporan ini telah dibentangkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai Pengerusinya. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat itu menyoal, dengan izin, integrity of the Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berdiri bagi pihak Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat atau bagi pihak Kabinet. Kalau mahu berjawab, ada hak, rela berjawab-jawab; jangan cari seorang lain yang harap boleh bagi perlindungan. Itu hal yang lain, yang berasingan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bangun pula.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah perkatakan tadi bahawa laporan ini adalah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai Pengerusinya. Jadi, saya tidak memperkatakan bahawa saya berdiri untuk bagi pihak yang lain, tetapi saya membuat bagi pihak Jumaah Menteri sebagai Menteri di dalam Kerajaan. Jadi, apa yang Ahli Yang Berhormat soalkan tadi, iaitu sama ada Menteri yang tak hadir mungkin disebut hadir, itu adalah satu perkara yang saya fikir memperkecilkan kewibawaan Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi di dalam Jawatankuasa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak setuju seorang Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta janganlah teruskan perkara ini lagi. Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap perkara lain pula, jika ada.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya oleh kerana ada 5 set minit, barulah dua set minit dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata dia rela jawab, dia mesti ada maklumat-maklumat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak oleh kerana laporan patut lengkap dan kita ada hak untuk tanya kenapa tak lengkap dan orang yang jawab ialah Yang Berhormat Menteri. Kita tak tanya Tuan Yang di-Pertua oleh kerana Tuan Yang di-Pertua di sini ialah untuk menguruskan perjalanan Mesyuarat ini dan bukan beliau boleh jawab. Boleh jawab ialah Yang Berhormat Menteri. Kalau tak boleh beri jawab, dia sudah cuai, tak bertanggungjawab dan tunjuk dia tidak serius. Tak guna bawa prinsip collective responsibility, tak boleh jawab mahu tolak itu kepada orang lain.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minit-minit mesyuarat ini tidak ada kena-mengena dengan cadangan-cadangan pindaan yang disebutkan ini. Jadi, saya fikir itu adalah sebagai makluman sahaja dan tidak mesti dilampirkan sebagai lampiran kepada laporan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau itu jawapannya, kenapa bagi minit 2 set, tak payah langsung. Kenapa 2 set, bukan 5 set. Apa sebab 3 set ditinggalkan. Apa sebab 2 set dikedungkan. Atau buat suka-sukalah, suka taruh-taruh, suka

tinggal-tinggal. Jawab Yang
Berhormat Menteri collective
responsibility.

Saya timbulkan ini untuk menunjukkan kita patutlah mempunyai satu sikap yang serius khususnya mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat oleh kerana Peraturan-peraturan Mesyuarat akan menentukan sama ada kita boleh menjalankan tugas Ahli Parlimen dengan licin dan sepatutnya memberikan peluang yang bebas, yang penuh untuk khususnya apabila laporan dibentangkan.

Sebenarnya saya mahu buat satu cadangan bahawa sudah 25 tahun Parlimen ada, bahawa Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat patut mengadakan satu kajian yang menyeluruh di mana bukan sahaja Jawatankuasa sendiri fikir, timbang Peraturan-peraturan Mesyuarat, tetapi menjemput Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, bekas Ahli-ahli Parlimen Pakar-pakar atau orang-orang yang berminat dalam perkara ini, kemukakan pandangan mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat supaya Peraturan-peraturan Mesyuarat boleh memainkan satu peranan bukan untuk oppress bukan untuk tutup tetapi untuk memupuk semangat, suasana bebas dan memberikan intinya benar kepada Sistem Parliamentary Democracy.

Mengenai beberapa perkara yang saya tadi ada cakap dan rakan-rakan saya sudah kemukakan pandangan mereka kepada beberapa perakuan-perakuan dan saya sebenarnya tidak berhasrat untuk mengambil bahagian tetapi saya harap di masa hadapan kita semua mengadakan satu sikap yang lebih terbuka supaya kita tidak berasa oleh kerana ada majoriti boleh buat apa mahu buat tidak hirau, tidak kira lunas-lunas Demokrasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

7.03 mlm.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mengamalkan sistem Demokrasi yang begitu luas, maka pindaan ataupun laporan ini telah dibincangkan semenjak lebih kurang satu jam yang sudah. Jadi saya fikir tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kebebasan tidak ada di dalam Dewan Rakyat ini adalah tidak benar sama sekali.

Yang kedua masalah berkaitan dengan kebebasan itu juga telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang; maka di dalam cadangan-cadangan untuk pindaan yang diperbuat di dalam laporan ini tidak ada satu pindaan pun yang sebenarnya cuba menghadkan kebebasan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk memberikan pandangan dan sebagainya terhadap perkara-perkara yang dibincangkan.

Saya fikir tidak ada satu pun yang menghadkan kebebasan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbuat demikian. Ini adalah sebagai rekaan sahaja oleh Ahli-ahli pembangkang dari DAP kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi memang tidak ada satu-satu pindaan yang menghadkan kebebasan Ahli-ahli untuk berbahas di dalam Dewan ini.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bendera tadi telah menyentuh atau dengan sekeras-kerasnya membantah pindaan untuk memansuhkan Peraturan 100 di dalam Peraturan Mesyuarat ini, iaitu izinkan saya bacakan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai Peraturan 100 ialah:

“Semua Perkara yang tidak disyaratkan terang-terang dalam Peraturan-peraturan ini dan semua Perkara berkenaan dengan menjalankan Peraturan-peraturan

ini pada perkara satu persatunya, hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan Peraturan-peraturan ini, sebagaimana telah di perintahkan oleh Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa; dan masa hendak mengeluarkan perintah demikian itu, Tuan Yang di-Pertua hendaklah memandang kepada adat kelaziman Majlis Parlimen dalam Negeri-negeri Commonwealth sepanjang yang boleh dipakaikan kepada perjalanan Majlis”.

Apa yang kita ingin mansuhkan daripada Peraturan ini tidaklah merupakan satu Peraturan yang memastikan bahawa kita mengikut Majlis Parlimen di dalam negeri-negeri Commonwealth, cuma merupakan satu adat kelaziman yang mana saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan memahami perkataan adat kelaziman yang dijalankan di tempat-tempat yang berkenaan.

Namun begitu, pihak Kerajaan dan juga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat berpendapat bahawa oleh kerana Parlimen kita sudahpun berjalan lebih daripada 25 tahun dan harus di dalam masa yang berkenaan kita mempunyai pakar-pakar serta juga mereka yang boleh melaksanakan urusan Parlimen dengan sendirinya tanpa apa-apa rujukan yang diperbuat, dan saya fikir masanya sudah tiba bahawa kita berdiri di atas kaki kita sendiri, tidak perlu mengikut mana-mana pihak dari segi Parliamentary Democracy yang kita diamalkan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat mencadangkan Parlimen ini ataupun pakar-pakar yang disebutkan itu akan

mengarang satu rujukan seperti “Erskine May” ataupun “Erskine May Malaysia” untuk rujukan kalau kita tidak boleh merujuk kepada Erskine May lagi selepas usul ini diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa saya patut beritahu perkara itu kerana interpretasi ialah di dalam tangan saya. Yang sebenarnya kita membuang perkataan-perkataan itu ialah supaya kita tidak akan terikat kepada Commonwealth. Jadi bermakna katalah jikalau kita hendak melihat, hendak merujuk, hendak tengok apa yang Parlimen yang lain-lain daripada Commonwealth pun boleh, Amerika pun boleh dan jikalau sekiranya kita hendak lihat kepada House of Commons pun boleh, hanya kita tidak mengikatkan diri kita, kena rujuk kepada Parlimen Commonwealth sahaja, itu tujuan dia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun itu tujuan dan interpretasi tetapi itu pun boleh ada satu interpretasi oleh Speaker yang lain bahawa tidak rujuk pun boleh, tidak mahu tengok pun boleh. Mahu buat apa-apa pun boleh, bukan ini pun ada satu interpretasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi bahkan apa yang ada sekarang ini bukan mengikatkan mana-mana Speaker terpaksa merujuk, hanya ia membolehkan sahaja merujuk, bukan terpaksa dia merujuk, itulah bezanya.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya pun bukan terpaksa, satu basis sahaja, sebagai satu reference tetapi oleh kerana perkembangan bersama satu reference yang baik tetapi kalau tujuan ialah untuk boleh rujuk kepada practice amalan-amalan Parlimen atau

Legislative Chambers yang lain, Amerika dan lain-lain itu saya setuju tetapi kalau semua dikecualikan mungkin akan timbul satu interpretasi satu masa yang akan datang bahawa seseorang Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil sikap bahawa tidak semua tidak mahu rujuk pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Bahkan jika sekiranya kita kekalkan Peraturan 100 seperti yang ada sekarang ini pun jika sekiranya Speaker-speaker yang akan datang tak mahu rujuk pun boleh juga.

Jadi semasa itu kita hanya hendak menentukan tak mahu bubuh dalam Peraturan kita, yang kita ini merujuk kepada negara-negara lain sempena dengan status sebuah negara yang merdeka. Itulah tujuannya dan saya faham, ke hadapan-hadapan kita akan terus merujuk dan ini saya rasa bukanlah sebagai satu keputusan ataupun ruling tetapi ialah sebagai practice yang memberi faedah kepada kita sekalian.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan Tuan Yang di-Pertua dan betullah Tuan Yang di-Pertua katakan untuk memberi faedah kepada kita semua, tetapi Ahli Yang Berhormat itu masih tak tahu menggunakan faedah yang berkenaan, masih hendak membangkang juga lagi. Jadi kita tak tahulah apa nak buat kepada mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah penjelasan yang dibuat oleh Yang di-Pertua baru didengar oleh Yang Berhormat Menteri, sebelum itu tak tahu pun?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak, kami telah membincangkan perkara ini dalam Jumaah Menteri beberapa kali. Jadi janganlah perkatikan bahawa saya baru dengar apa yang Tuan Yang di-Pertua katakan pada hari ini juga. Tetapi untuk menekankan niat Tuan

Yang di-Pertua, iaitu untuk kebaikan semua, tetapi masih tak dipersetujui dan tak diterima oleh Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang. Jadi apa kita boleh buat, itu terpulanglah kepada hak masing-masing. Namun begitu saya ingin menekankan lagi sekali bahawa oleh kerana kita sudah lama merdeka dan sudah mengamalkan sistem demokrasi ini, maka harus kita mempunyai kepercayaan kepada diri kita sendiri dan Kerajaan Barisan Nasional memang mempunyai kepercayaan pada dirinya sendiri. Itulah sebabnya membuatkan cadangan tidak merujuk kepada negara-negara Komanwel tetapi kalau Parti DAP tak percaya atas dirinya sendiri, itu terpulanglah kepada parti yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah laporan mengenai Peraturan Mesyuarat ini laporan Barisan Nasional ataupun laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah ditanya kepada saya sama ada saya mendengar perkara ini kali yang pertama ataupun pada masa yang sudah. Saya telah mengatakan bahawa perkara ini telah pun dibincangkan di peringkat Jumaah Menteri. Jadi oleh kerana Jumaah Menteri adalah mengandungi Ahli-ahli Kerajaan Barisan Nasional, maka pada keseluruhannya bahawa ini adalah merupakan pendapat Kerajaan iaitu tidak untuk merujuk kepada mana-mana pihak melainkan kita pulangkan kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk berbuat demikian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau mencadangkan bahawa satu rujukan seperti Erskine May Malaysia akan diadakan di Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya rasa itu hak saya dan bukanlah hak Menteri. Kalau sekiranya saya kata boleh kita gunakan Erskine May, kita gunakan, jika sekiranya tak gunakan Erskine May, kita tak guna. Jadi jikalau sekiranya Menteri menjawab, itu hak saya, dia tak boleh menjawab hak saya. Sila teruskan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa perkara ini ada dibincangkan dalam Jumaah Menteri. Adakah ini bererti bahawa perakuan-perakuan dan pindaan-pindaan ini dibuat yang sebenarnya berasal daripada arahan Jumaah Kabinet kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat perkataan tadi bahawa di dalam Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat ada beberapa orang Ahli Jumaah Menteri di sana, mereka melaporkan perkara ini dari satu masa ke satu masa untuk pengetahuan Jumaah Menteri, tetapi keputusan yang dibuat ialah keputusan Jawatankuasa yang berkenaan.

Saya harap perkara ini difahami oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya fikir kalau saya hendak bercakap lagi berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, maka perkaranya adalah sama, iaitu mereka tidak menyetujui terutama sekali berkaitan dengan memasukkan perenggan 100 di dalam Peraturan Mesyuarat yang berkenaan. Jadi saya fikir apa yang telah saya jawab itu adalah mencukupi, cuma satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Bukit Bendera, iaitu berkenaan dengan pindaan supaya pada hari Jumaat kita tamatkan pada pukul 6.30 dan tidak seperti yang ada pada masa ini iaitu pada pukul 7.00 malam. Ini tidaklah menghadkan walaupun setengah jam kurang daripada masa yang ada pada masa ini. Tetapi sekiranya seperti yang telah kita perbuat di masa-masa yang sudah, jika ada satu usul dan perkara-perkara yang penting untuk dibahaskan, maka seorang Menteri boleh membuat usul untuk melanjutkan waktu tamatnya persidangan. Ini tidaklah menjadi satu masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, iaitu berkaitan dengan perkataan dalam perenggan 95A ataupun perkara 17. Di sini disebutkan semua Rang Undang-undang dan risalat mesyuarat yang akan diembargo sehingga satu tarikh yang dinyatakan hendaklah dilekatkan slip bagi maksud itu dan mana-mana yang mengeluarkan, iaitu perkataan "mengeluarkan" yang telah dipertikaikan sebentar tadi. Walaupun di dalam bahasa Inggeris ia mengatakan "publishes" tetapi perkataan "mengeluarkan" ini mempunyai erti yang lebih luas lagi daripada perkataan "publishes" yakni sesuatu Rang Undang-undang ataupun perkara yang diembargo itu tidak boleh mengeluarkannya sama ada secara mulut, secara bertulis ataupun sebagainya. Mungkin kalau ada pakar bahasa di sini yang boleh memberikan perkataan yang lebih sesuai daripada "mengeluarkan" bolehlah kita ambil perhatian tetapi perkataan "mengeluarkan" ini adalah lebih luas lagi maknanya daripada "publishes".

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya minta penjelasan sedikit. Sebenarnya kalau saya baca undang-undang dalam

Bahasa Malaysia ini, saya tak faham perkataan "mengeluarkan" itu. Apabila saya baca dalam bahasa Inggeris, barulah saya faham. Jadi kalau kita Ahli Parlimen tak boleh bawa buku ini keluar, bila masa kita hendak baca? Jadi di situ kita boleh bubuh perkataan lain sebab itu Bahasa Malaysia ini kaya. Kalau tidak ambil bahasa Inggeris terjemahannya Bahasa Malaysia, yang tahunya "publishes". Jadi di situ kita boleh kata menerbitkan ataupun menyiarkan, apabila siar itu dengan mulut pun siar, dengan surat pun siar, dengan kita bagi-bagi begitu pun siar. Kalau kita menyiarkan ataupun dengan perkataan "menerbitkan" pun boleh tetapi kalau mengeluarkan ini, saya rasa tak tepat. Orang Melayu tak faham baca ayat ini, kalau dia tak baca dalam bahasa Inggeris.

Tetapi walau bagaimanapun bukanlah saya hendak bangkang daripada apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ayat seperti inilah yang wakil dari Jelutong kena halau daripada Dewan hari itu. Orang kata "tak ada tidak", dia kata "tidak". Dia hendak gunakan Bahasa Malaysia, itu yang menyebabkan wakil dari Jelutong kena halau hari itu.

Inilah jadi yang masalahnya kalau timbul esok, tetapi kalau tak timbul, tak apa. Jadi saya mintalah perkara-perkara semacam ini kalau hendak pakai sah dalam Bahasa Malaysia, kena buatlah dalam bahasa Malaysia, lepas itu terjemah ke dalam bahasa Inggeris. Bukan saya anti-bahasa Inggeris ini. Saya hendakkan bahasa Inggeris, anak-anak saya dan saya sendiripun belajar bahasa Inggeris, semua tak ada masalah. Tetapi apa yang kita hendak ialah apabila kita kata naskah sah Bahasa Malaysia, kita buat yang sah itu dengan Bahasa Malaysia dahulu, terjemahkan dengan baik ke dalam bahasa Inggeris. Ini yang saya hendak.

Kadang-kadang orang tak faham dia ingat saya anti, tambahan pula wakil dari Kota Melaka. Jadi, penerangan ini jangan mengelirukan. Sebab itu saya hendak satu bahasa. Saya tak mahu pakai dua bahasa sebab kalau kita pakai dua bahasa ayat ini bukan ayat Melayu tetapi oleh kerana kita berbalik ke bahasa Inggeris "publishes" ini, jadi saya rasa fahamlah ayat ini "mengeluarkan", maknanya menyiar, menerbit ataupun menyibar dan sebagainya. Jadi, saya rasa ayat ini lebih sesuai kalau kita ubah satu masa, tak usah ubah hari ini pun tak mengapa, ubah misalnya menyibar atau menyiar ataupun menerbitkan. Menerbit itu sama ada terbit dengan mulut atau dengan buku, terbit dengan apa pun boleh juga. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mempunyai interpretasinya sendiri berkaitan dengan perkataan mengeluar dan pihak saya percaya penggubal undang-undang yang membuat demikian mempunyai sebab-sebab yang tertentu juga, namun begitu bolehlah kita semak perkataan yang sebenarnya yang patut digunakan selain daripada perkataan mengeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Bilangan 83, iaitu cadangan supaya pihak yang berkenaan sama ada mewakili diri dia sendiri ataupun melalui peguam, Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya dia sendiri hadir dan bersama-sama dengan pihak peguam. Saya fikir ini terpulanglah kepada pihak yang berkenaan kerana kalau dirinya sudah terbabit dan dia tidak mengambil berat cuma menghantar peguamnya sahaja maka mungkin kes dia itu adalah lemah jika dibandingkan dengan dia sendiri hadir dan mengambil berat terhadap satu isu atau perkara yang telah ditimbulkan

kepadanya. Bukanlah semua peguam suka memutarbelitkan satu-satu isu, barangkali kalau ada dua, tiga sahaja, pertama sekali daripada parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ada Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat iaitu:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebagai Kertas Bilangan DR. 2 tahun 1985, diterima.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebagai Kertas Bilangan DR. 2 tahun, 1985, diterima.

■
**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN
PIHAK-PIHAK BERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Akta ibu iaitu Akta Pencen Pihak-pihak berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 yang dicadangkan dipinda ialah pindaan kepada seksyen 13 bagi memperluaskan pemakaiannya

bukan sahaja bagi pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung tetapi juga bagi membolehkan pegawai tetap bersara atas sebab dilantik oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan ke dalam sebarang organisasi di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak secara langsung.

Seksyen 13 Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 membolehkan seseorang pegawai berpencen dalam badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang belum meningkat umur 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita dibersarakan untuk berkhidmat dalam syarikat perniagaan di mana Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan negeri mempunyai kepentingan atau mana-mana pertubuhan di mana Malaysia menjadi anggotanya. Perlantikan ke syarikat perniagaan atau pertubuhan antarabangsa hendaklah dibuat oleh/ atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Dalam hal persaraan ini pencen dan ganjaran adalah dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji akhir yang diterima sebelum meninggalkan perkhidmatannya, akan tetapi faedah persaraan ini akan ditangguhkan bayarannya sehingga pegawai berkenaan mencapai 50 tahun atau 45 tahun bagi wanita.

Dalam hal kematian sebelum mencapai umur 50 tahun, bayaran akan dibuat kepada tanggungannya berkuatkuasa sehari selepas kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Kerajaan yang dimaksudkan dalam seksyen 13 ditetapkan sebagai kepentingan yang nyata dan secara langsung dan peruntukan yang ada sekarang adalah terlalu sempit dalam pemakaiannya dan ianya tidak boleh dipakai bagi perlantikan untuk berkhidmat dengan mana-mana

pertubuhan yang Kerajaan tidak terlambat secara langsung tetapi menerusi badan-badan yang ditubuhkan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 13 adalah seperti berikut:

(a) *Keluasan Seksyen 13*

Ungkapan yang berbunyi "dalam mana Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan adalah dikeluarkan. Perkataan "perniagaan" selepas perkataan "pertubuhan" juga dikeluarkan supaya persaraan tidak dihadkan hanya kepada pertubuhan perniagaan selain daripada pertubuhan antarabangsa seperti yang terdapat sekarang. Persaraan boleh dilakukan apabila seseorang pegawai yang sedang berkhidmat diperlukan oleh pertubuhan lain seperti Universiti Islam Antarabangsa. Dengan kelulusan pemakaian seksyen ini mana-mana pihak tidak perlu bimbang ke atas kemungkinan menyalahgunakan peruntukan ini bagi membersarakan seseorang pegawai untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan. Ini adalah kerana kawalan rapi akan dibuat dan hanya pegawai yang dilantik oleh/atau dilantik dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan sahaja boleh dibersarakan.

(b) *Kelayakan Untuk Faedah Persaraan*

Dengan pindaan kepada seksyen 13, adalah dicadangkan pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetap tetapi belum diberi taraf berpencen yang dibersarakan atas sebab dilantik oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan ke

dalam sebarang organisasi di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak secara langsung disifatkan sebagai pegawai berpencen. Dalam hal ini mereka layak menerima pencen sebanyak 1/5 daripada gaji akhir yang dikira seperti pegawai yang telah disahkan dalam jawatan yang dikehendaki bersara atas sebab kesihatan atau kepada tanggungan pegawai yang mati dalam perkhidmatan sebelum diberi taraf berpencen.

(c) *Syarat-syarat Pembayaran*

Seseorang pegawai yang telah diluluskan persaraan di bawah seksyen 13 hendaklah berkhidmat dalam pertubuhan atau anak syarikatnya bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun ataupun sehingga meningkat umur persaraan pilihan sendiri. Bagi pegawai wanita umur persaraan pilihan sendiri ialah 45 tahun manakala bagi pegawai lelaki ialah 50 tahun. Syarat ini digunakan untuk memastikan bahawa pegawai berkenaan akan menyumbangkan perkhidmatannya kepada pertubuhan berkenaan dan persaraan melalui seksyen ini tidak akan digunakan sebagai satu cara keluar dari perkhidmatan Kerajaan tanpa menggugurkan kelayakan kepada faedah persaraan. Syarat untuk berkhidmat selama 5 tahun telah ditetapkan bagi pegawai yang dibersarakan demi kepentingan negara. Bagi seseorang yang mana perkhidmatannya ditamat oleh pertubuhan atas sebab kesihatan adalah dicadangkan supaya bayaran faedah persaraan diuruskan kepadanya walaupun masih belum meningkat umur persaraan

pilihan sendiri. Faedah persaraan itu akan juga dibuat walaupun belum mencapai umur 50 tahun, apabila perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan atas langkah syarikat berkenaan mengurangkan perbelanjaan. Ini disebabkan penamatan perkhidmatannya dalam pertubuhan berkenaan bukan merupakan atas kehendak diri sendiri tetapi oleh sebab kehendak syarikat dalam keadaan yang ditentu.

(d) *Perkiraan Faedah Persaraan*

Pencen dan ganjaran adalah dikira berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan Kerajaan dan gaji akhir yang telah diterima.

Dalam usaha meminda Seksyen 13 persoalan yang timbul ialah mengenai tempoh perkhidmatan seseorang pekerja yang akan diambil kira bagi faedah pencen dan ganjaran. Bagi mereka yang bersara atas sebab dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan ke dalam sebarang organisasi di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak secara tidak langsung dan ditawarkan gaji dan terima serta syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan tidak melebihi dua tahun adalah dicadangkan diambil kira. Pada hakikatnya apabila berkhidmat dengan pihak organisasi pekerja berkenaan telah terputus tarafnya sebagai pekerja Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan. Ini bermakna bahawa persaraan seseorang pekerja adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dilantik oleh pihak organisasi tetapi tempoh perkhidmatannya atas gaji dan syarat perkhidmatan Kerajaan boleh diambil kira.

Penentuan gaji akhir bukanlah berdasarkan gaji pada masa ia meninggalkan perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan tetapi gaji pada akhir sebelum diberi tanggajaji pihak organisasi. Oleh itu, tafsiran gaji akhir dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah diubahsuai. Walau bagaimanapun, organisasi adalah dikehendaki membayar caruman atas kadar tujuh belas setengah peratus daripada gaji pekerja berkenaan bagi menampung kos pencen selama tempoh perkhidmatan di pihak organisasi yang akan diambil kira bagi maksud bayaran pencen dan ganjaran Kuasa untuk meluluskan persaraan di bawah Seksyen 13 adalah tertakluk di bawah Kerajaan Persekutuan dan kuasanya dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi di dalam kes organisasi di mana pegawai tetap dan berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan dicadangkan supaya kelulusan am dan menyeluruh diberi apabila dan bila masa Kerajaan membuat keputusan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi bahawa segala pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 iaitu pindaan kepada Seksyen 13 adalah bagi memperluaskan pemakaiannya bukan sahaja bagi pertubuhan perniagaan tetapi juga untuk membolehkan pegawai tetap dan berpencen dilantik kesebarang organisasi di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung. Sekian.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah suatu Akta untuk minda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa

Berkanun dan Tempatan 1980 dibaca kali kedua yang sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis iaitu masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah kemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 7:

“(1) potong perkataan “lima” selepas perkataan “puluh” di barisan kelima naskhah Bahasa Malaysia”.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 7 hendaklah dipinda yang berbunyi:

“(1) potong perkataan “lima” selepas perkataan “puluh” di barisan ke-15 naskhah Bahasa Malaysia”.

Dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 7 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah habis perkara-perkara di dalam Order Paper, maka saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan mengucapkan selamat pulang dan selamat kita bertemu lagi dalam bulan Julai. Mesyuarat ditangguhkan pada suatu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.38 malam.

Penyata Rasmi Parlimen bagi Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Jilid III, Bilangan 15 akan dimulakan dari muka surat 2825.